

Bil. 9

**Isnin
4 Julai 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
- Mengangkat Sumpah	(Halaman 1)
- Mengalu-alukan Pelantikan Semula Seorang Ahli	(Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-Akta	(Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010	(Halaman 23)
Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011	(Halaman 53)
Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010	(Halaman 64)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3)	(Halaman 70)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Mempertingkatkan Pegangan Ekuiti Kaum India Bagi Menjamin Masa Depan Dalam Arus Pembangunan Negara - <i>YB Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan</i>	(Halaman 71)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. " Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. " Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan I*
11. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. " Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. " Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. " Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. " Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. " Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. " Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. " Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. " Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. " Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
33. " Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
55. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
56. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
57. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
58. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
60. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
61. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
62. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiusaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Sharifah Zaiton binti Ku Chik

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 4 Julai 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setiap yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam untuk memahami, menghayati dan mendukung serta mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah kita sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setiap yang telah kita lafazkan.

Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca, memahami dan mempraktikkan dengan bijak dua perkara iaitu pertama sekali Perlembagaan Negara. Bagaimana yang selalu saya berkata, Perlembagaan Negara itu adalah satu pedoman atau undang-undang yang tertinggi dalam negara ini yang sudah semestinya semua Ahli Yang Berhormat memahaminya.

Kedua, peraturan-peraturan mesyuarat, kerana peraturan-peraturan mesyuarat ini amat penting untuk membolehkan Yang Berhormat bertindak, bercakap, berbahas dengan penuh bertanggungjawab di dalam Dewan yang mulia ini kerana Dewan yang mulia ini hendaklah sentiasa kita hormati dan memahami peraturan kedua-dua dokumen tersebut. Maka ahli Yang Berhormat, saya percaya yakin boleh menjalankan tanggungjawab dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini agar marilah kita semua berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan yang mulia ini sebagai satu Dewan yang mulia, bermaruah, berkualiti, berkredibiliti dan berintegriti, yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah sudah majlis angkat sumpah pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Saiful Izham binti Ramli;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader;
- (v) Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin; dan
- (vi) Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

■1010

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2010) 2011;
2. Akta Tenaga Boleh Diperbaharui 2011;
3. Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011;
4. Akta Juruanalisis Makanan 2011;
5. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2011;
6. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2011; dan
7. Akta Timbang Tara (Pindaan) 2011.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

Setiausaha membacakan Perutusan]

"30 Jun 2011

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010;
2. Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011;
3. Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010;
4. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011;
5. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011;
6. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011;
7. Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011;
8. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011;
9. Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011;
10. Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2011;
11. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011;
12. Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011;
13. Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;
14. Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011;
15. Rang Undang-undang Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010;
16. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011; dan
17. Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah inisiatif-inisiatif *National Key Result Areas* (NKRA) mencukupi dan keberkesanan pelaksanaannya setakat ini berbanding dengan pencapaian menggalakkan dari pelaksanaan projek-projek dalam dua belas *National Key Economic Areas* (NKEA's).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) memang merupakan dua tunggak utama Gagasan 1 Malaysia untuk mencapai sasaran Wawasan 2020 berdasarkan komitmen 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Pelaksanaan GTP mulai bulan Januari tahun 2010 dan pelaksanaan ETP mulai bulan Oktober tahun 2010 telah masing-masing mencapai hasil awalan yang berkesan dan menggalakkan, yang telah mendatangkan impak dan manfaat kepada rakyat serta menjanakan pertumbuhan ekonomi negara. Bagi GTP kebanyakan sasaran *National Key Performance Indicator* atau NKPI yang ditetapkan bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara NKRA telah tercapai.

Overall Composite Scoring, dengan izin bagi GTP dianggarkan sebanyak 112 peratus dengan hanya menggunakan 79 peratus daripada belanjawan RM5.44 bilion yang disediakan bagi GTP tahun 2010, iaitu penjimatan sebanyak RM1.13 bilion. Sebagai contoh NKRA mengurangkan jenayah telah mencapai 15 peratus bagi jenayah indeks dan 35 peratus bagi jenayah jalan jauh melebihi sasaran 5 peratus dan 15 peratus masing-masing.

Persepsi rakyat terhadap prestasi polis telah meningkat ke 58 peratus berbanding dengan sasaran 36 peratus. Manakala perasaan takut terhadap jenayah telah menurun ke 53 peratus berbanding dengan sasaran 59 peratus. *Composite Scoring* bagi NKRA Jenayah ini adalah sebanyak 168 peratus dengan perbelanjaan hanya 76 peratus daripada peruntukan sebanyak RM338 juta yang disediakan.

Pelaksanaan ETP sejak tahun 2010 hingga Jun tahun ini telah menampilkan pelancaran 87 inisiatif dalam 65 *Entry Point Projects* atau EPP yang merangkumi kesemuanya 12 Bidang Ekonomi Utama Nasional atau NKEA dengan menjanakan komitmen pelaburan sebanyak RM170 bilion dan lebih daripada 360,000 peluang pekerjaan yang baru.

Walaupun komitmen melabur telah dibuat, 87 inisiatif tersebut berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan masih belum menunjukkan impak sepenuhnya. Sememangnya GTP dan ETP adalah saling berkait dan saling melengkapi atau *mutually complementary*. Melalui pelaksanaan enam NKRA secara konkrit khususnya dalam mengurangkan jenayah dan membanteras rasuah, GTP telah dan akan terus membawa transformasi dan penambahbaikan dalam perkhidmatan awam supaya menjadikan proses perancangan lebih berfokus, pencapaian lebih berhasil, pengurusan nilai atau *value management* lebih berbaloi dan pentadbiran lebih telus, cekap dan berkesan. Peningkatan urus tadbir sedemikian sememangnya dapat memulihkan dan meningkatkan keyakinan para pelabur dari dalam dan luar negeri supaya secara aktif menyertai pelbagai EPP dalam 12 NKEA di bawah ETP.

Di sebaliknya kejayaan melaksanakan projek-projek ETP akan meningkatkan lagi kutipan hasil bagi kerajaan supaya dapat disalurkan lebih banyak peruntukan lagi untuk mencapai sasaran-sasaran utama dalam beberapa NKRA seperti meningkatkan mutu pendidikan, prasarana asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan pendapatan isi rumah miskin melalui pelaksanaan beberapa program secara lebih giat lagi.

Oleh itu, kerajaan yakin bahawa GTP dan ETP akan terus berhasil pada tahun-tahun yang akan datang sekiranya dapat dikekalkan kestabilan dan keamanan serta tiada faktor-faktor luaran atau di luar jangkauan yang negatif. Terima kasih.

■1020

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan ini.

Saya ada dua soalan kalau dibenarkan. Pertama sekali ialah kita tahu dari segi GTP khususnya dari segi NKEA (*National Key Economic Areas*) dari segi faktor-faktor pencapaian ekonomi, kita selalu mendapat penjelasan yang baik, publisiti yang baik. Kita tahu. Misalnya, pelaburan GNI RM220,000, EPP sudah 50 peratus terlanjar dengan pelaburan RM170 bilion, pekerjaan baru 360,000. Memang ini semua bagus. Cuma, saya lihat tidak cukup keterangan dan publisiti mengenai NKRA iaitu mengenai *corruption*, mengenai *poverty*, mengenai infrastruktur luar bandar, *transportation* dan sebagainya.

Kedua, sebagai seorang wakil dari Sarawak Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dari segi NKRA ini, dengan berbagai-bagai harapan yang tinggi rakyat Sarawak memilih kerajaan baru-baru ini dengan majoriti yang besar. Adakah NKRA ini memberi penumpuan yang khusus kepada keperluan, khususnya keperluan pendidikan luar bandar dan infrastruktur luar bandar? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan soalan tambahan yang bernas. Izinkan saya memberi penjelasan di sini.

Sememangnya sejak GTP dilancarkan dengan rasmi secara besar-besaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada Januari tahun 2010, maka pelaksanaannya untuk menjayakan enam NKRA giat berjalan. Dari semasa ke semasa, Yang Berhormat Menteri peneraju bagi setiap NKRA yang berkenaan telah memberi pengumuman dan juga berita mengenai tahap pencapaian.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa oleh kerana setiap NKRA itu melibatkan banyak aspek dan bukanlah bergantung kepada satu angka, misalnya untuk pendidikan kita cuba meningkatkan lagi penyertaan kanak-kanak kita dalam pendidikan prasekolah, dalam kelas-kelas tadika dan tabika. Itu satu. Yang keduanya, kita cuba meningkatkan lagi prestasi sekolah rendah dan sekolah menengah dengan adanya satu ranking sistem untuk semua sekolah dan dengan adanya *school improvement kits*. Akan tetapi oleh kerana banyak yang dilaksanakan, maka nampaknya publisiti itu tidak begitu fokus kalau berbanding dengan projek-projek ekonomi di mana angka berbilion-bilion ringgit itu memang sangat menarik perhatian.

Akan tetapi di sebaliknya, apabila kita melaksanakan NKRA di bawah GTP, ianya merupakan satu transformasi yang menyeluruh yang melibatkan begitu ramai penjawat awam khususnya dalam bidang pendidikan khususnya melibatkan kesemuanya 400,000 orang guru. Akan tetapi oleh kerana ianya berjalan di peringkat akar umbi, maka mungkin publisiti itu mungkin tidak begitu berfokus. Oleh itu, sememangnya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan aspek ini dan kita akan mengkaji strategi publisiti supaya menjadikannya lebih berkesan lagi.

Yang keduanya, mengenai infrastruktur asas untuk kawasan luar bandar sememangnya diberi tumpuan sepenuhnya khususnya kepada negeri Sarawak dan negeri Sabah yang memerlukan banyak peruntukan untuk meningkatkan lagi infrastruktur asas iaitu pembinaan jalan, pembekalan elektrik dan air dan juga membina perumahan. Sebenarnya, mengikut penilaian yang dibuat pada bulan Mac tahun ini terhadap pencapaian tahun 2010, semua sasaran untuk tahun 2010 dari segi bekalan elektrik, pembinaan jalan dan rumah telah mencapai tahap lebih daripada 100 peratus untuk negeri Sarawak, Sabah mahupun untuk Semenanjung.

Akan tetapi untuk bekalan air, tahap pencapaiannya hanya 52 peratus kerana kekurangan sumber air yang sesuai dan juga masalah-masalah teknikal. Maka oleh itu, kita sedang mempertingkatkan lagi usaha untuk menerokai kaedah-kaedah secara inovatif dengan menggunakan teknologi baru supaya kita mungkin boleh menghasilkan air hujan dan sebagainya untuk dibersihkan atau *treatment* supaya dapat diminum oleh para penghuni di kawasan luar bandar khususnya di kawasan yang amat terpinggir. Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada *emphasis* dibuat NKRA ialah untuk menyediakan prasarana luar bandar dan Yang Berhormat sudah pun menjelaskan tadi tentang pencapaiannya di mana sudah 100 peratus dilaksanakan prasarana di luar bandar Sabah dan Sarawak. Akan tetapi Yang Berhormat, saya nampak bahawa walaupun sudah tercapai begitu, saya difahamkan bahawa 2,500 kilometer akan dibuat di bawah NKRA ini. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk menambah jumlah keluasan jarak tersebut memandangkan saiz geografi Sabah dan Sarawak amat luas sekali supaya lebih ramai rakyat merasai kemudahan tersebut? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sasaran untuk pembinaan jalan luar bandar khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan kepada satu pelan atau perancangan tiga tahun. Setiap tahun itu kita menetapkan sasaran untuk membina lebih banyak lagi jalan.

Misalnya untuk tahap pertama tahun 2010 hingga 2012, setiap tahun iaitu tahun 2010 - 250 kilometer, tahun 2011 berapa kilometer dan sebagainya. Saya memang akan membekalkan angka-angka secara spesifik dengan jalan-jalan yang telah dikenal pasti sekiranya Yang Berhormat berminat dan kita akan melaksanakannya mengikut jadual. Itulah caranya secara terperinci.

Yang harus saya tegaskan di sini ialah kita bukan setakat membina jalan sahaja. Dahulu kita merancang mengikut perancangan teknikal oleh *engineer* tetapi sekarang ini kita mengambil kira berapakah penghuni, berapa isi rumah yang akan dapat menikmati daripada pembinaan jalan itu. Dalam lingkungan jarak berapa kilometer daripada jalan itu mereka dapat berjalan kaki sampai ke jalan itu. Kita anggap dari segi rakyat didahulukan dan bukanlah pembinaan secara fizikal. Itulah pendekatan baru di bawah transformasi kerajaan dengan adanya NKRA, dengan adanya KPI. Terima kasih.

■1030

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. NKRA dan NKEA ini banyak melibatkan kakitangan kerajaan yang melaksanakan. Betul, maknanya mereka terpaksa bekerja luar biasa dari yang biasa. Adakah mereka dapat menerima ini dengan baik? Adakah kes-kes seperti persaraan awal, cuti sakit, cuti rehat dan kes-kes seperti ini bertambah?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sememangnya pendekatan NKRA dan NKEA ini memang nampaknya menambahkan beban kerja kepada para penjawat awam dan kepada semua yang berkenaan. Memang ini betul tetapi apa yang penting ialah kita menggunakan kaedah pengurusan prestasi atau *performance management methodology* yang baru dan terbukti berkesan iaitu kita menggunakan konsep dan kaedah makmal misalnya di mana sebelum kita merancang dan melaksanakan sesuatu itu, kita mengumpulkan pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan yang berkenaan supaya mereka dapat berkongsi pandangan dan pengalaman dan juga menokok tambah usaha dan sumber di antara mereka sendiri supaya sekiranya kita melaksanakan sesuatu maka kita akan dapat pengurusan nilai yang tinggi.

Sebagai satu contoh di mana kita selalunya kalau kita hendak membina jalan khasnya di luar bandar, kita serahkan kepada JKR. JKR serahkan mengikut kontraktor, swasta dan anggaran kos itu memang agak tinggi. Akan tetapi sekarang ini kita melibatkan tentera kita di mana kita membeli bahan-bahan pembinaan dan kita memberi elaun tambahan kepada tentera dan tentera melaksanakan projek itu. Tentera juga merasa begitu bangga kerana mereka secara aktif dapat memberi sumbangan dalam proses pembinaan negara. Ini sebagai satu contoh di mana kita merancang dan menyusun strategi supaya pelaksanaannya walaupun merupakan kerja tambahan, tidak begitu membebankan mana-mana pihak atau satu-satunya jabatan tetapi dapat diagihkan secara lebih berkesan dan diselaraskan supaya kesannya adalah amat positif. Terima kasih.

2. Puan Doris Sophia ak Brodie minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah-langkah drastik yang diambil oleh kementerian dalam memantau aktiviti pembangunan tanpa kawalan terutamanya di cerun-cerun berisiko tinggi di atas tanah berstatus pertanian seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ekoran tragedi tanah runtuh di rumah anak-anak yatim Hulu Langat baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang bertarikh pada 7 Julai 2011 dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman bertarikh 12 Julai 2011 kerana menyentuh isu yang sama iaitu kejadian tanah runtuh di rumah anak-anak yatim Hulu Langat baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya tanah berstatus pertanian terletak di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan, sebarang aktiviti pembangunan perlulah mendapat kelulusan pemajuan daripada PBT melalui pusat setempat atau OSC di kawasan PBT merujuk kepada kawasan yang telah diwartakan di bawah seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976, dan juga Akta 171.

Dalam hal ini bangunan Anak Yatim dan Anak Kebajikan Madrasah Al-Taqwa Hulu Langat dibina di atas tanah berstatus pertanian di luar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang.

Sehubungan dengan itu aktiviti pembinaan yang berada di luar kawasan pentadbiran PBT adalah di luar bidang kuasa PBT. Walau bagaimanapun, bagi meminimumkan kejadian tanah runtuh seumpama itu berlaku di masa hadapan khususnya di dalam kawasan PBT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 27 Mei 2011 telah meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara untuk menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan di lereng bukit dan di tanah tinggi agar bangunan-bangunan yang berisiko dapat dikenal pasti lebih awal. Maklumat tersebut sedang dikumpulkan daripada PBT dan pihak kementerian akan menjalankan analisa terhadap bahaya dan risiko cerun kepada bangunan-bangunan tersebut. Laporan ini dijangka siap pada penghujung bulan Julai 2011 untuk dilaporkan kepada Jemaah Menteri.

Selain daripada itu, pihak kementerian telah juga bekerjasama dengan Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan IKRAM mengadakan seminar-seminar tahunan mengenai keselamatan cerun dan garis panduan pembangunan di kawasan bukit kepada pegawai-pegawai PBT sejak daripada tahun 2008 sehingga tahun 2011 bagi meningkatkan kefahaman dan kompetensi pegawai-pegawai PBT dalam menjalankan penguatkuasaan. Kementerian juga telah mengeluarkan garis panduan rancangan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian, Bil. 6 Tahun 2009 kepada semua pihak berkuasa negeri dan PBT bertujuan memberikan penjelasan serta panduan di dalam membuat perancangan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi. Semua permohonan kelulusan pembinaan pembangunan di lereng bukit dan tanah tinggi perlulah dirujuk kepada garis panduan ini.

Berdasarkan penerangan 22 (2)(a) dan (c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 pula jika sesuatu permohonan yang melibatkan puncak atau lereng bukit dalam kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan sensitif alam sekitar dalam sesuatu rancangan pemajuan maka permohonan tersebut perlu terlebih dahulu mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara. Walaupun langkah-langkah penjagaan di atas dilaksanakan oleh kementerian bagi mengurangkan kejadian tanah runtuh, penduduk-penduduk yang mendiami rumah-rumah yang berhampiran dengan lereng-lereng bukit dan tanah tinggi juga perlu mempunyai kesedaran dan sentiasa berwaspada mengenai tanda-tanda kegagalan cerun.

Mereka perlu bekerjasama dan melaporkan segera kepada PBT sekiranya terdapat tanda-tanda kegagalan cerun dan hakisan tanah di kawasan kediaman mereka. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang mengetatkan lagi pengeluaran lesen aktiviti membina struktur di lereng bukit dan seterusnya meningkatkan lagi kerja pemantauan ke atas semua tapak projek pembinaan di lereng bukit. Saya ambil contoh – di lereng bukit, Venice Hill di Batu 9, Cheras berdekatan dengan Hulu Langat. Keadaan di situ kalau dilihat dengan mata kasar memang nampak sangat-sangat merbahaya dan jika berlakunya tanah runtuh atau bencana alam, ia akan melibatkan tidak kurang dari 2,000 orang penghuni lapan buah kondo tersergam mewah di atas bukit itu.

Keduanya, saya juga difahamkan bahawa sekolah anak-anak di Hulu Langat yang ditimpa tragedi ngeri baru-baru ini telah wujud lebih sepuluh tahun. Oleh itu agak mustahil jika Pihak Berkuasa Tempatan tidak menyedari kewujudan sekolah ini sebelum tragedi ini menimpa. Mohon penjelasan dan pandangan dari pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Persoalannya bagi bangunan anak-anak yatim ini kawasan ini adalah terkeluar daripada kawasan PBT dan mereka membuat pemajuan tidak memohon sebarang pelan dan sebagainya.

Bagi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, itu telah dirancang dengan terperinci dan telah mendapat kelulusan terutama sekali daripada Jawatankuasa Fizikal Negara yang mana itu telah dijamin bahawa ianya selamat untuk didiami. Walau bagaimanapun, apabila keadaan oleh sebab mungkin sesuatu tempat itu akan berubah apabila terutama sekali waktu hujan dan juga mungkin di sebelah bangunan itu ada pemajuan yang baru, mungkin tanah itu akan berubah dan itulah yang akan dipantau oleh pihak PBT yang berkenaan dan kerjasama dengan pihak JKR serta pihak kementerian sendiri.

Bagi soalan yang kedua, sepuluh tahun yang lepas, kita pun sebenarnya daripada kementerian sebagaimana makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, PBT ini bukanlah dikuasai sepenuhnya oleh pihak kementerian. PBT itu adalah dikuasai oleh pihak negeri ataupun kerajaan negeri dan PBT itu mempunyai undang-undang kecil. Sepatutnya PBT lah yang bertindak kalau mereka merasakan atau melihat sesebuah bangunan yang dibina dan menempatkan begitu ramai orang, sepatutnya PBT yang berkenaan yang bertindak, tidak perlu ada arahan daripada pihak kementerian saya. Terima kasih.

■1040

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjelaskan bahawa rumah anak yatim di Hulu Langat baru-baru ini ialah terkeluar daripada kawasan PBT dan masalahnya mereka tidak mengemukakan permohonan pelan dan sebagainya. Jadi pertanyaan tambahan saya, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini yakni banyak pembangunan-pembangunan yang dilakukan di luar kawasan PBT termasuklah pusat-pusat peranginan, *homestay* dan sebagainya yang boleh dikatakan berada di kawasan cerun ataupun di kawasan tanah tinggi yang berbahaya. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sepatutnya pihak yang bertanggungjawab untuk membina sesuatu bangunan, walaupun mereka terkeluar daripada kawasan PBT seharusnya mereka membuat permohonan dan melaporkan kepada pihak PBT. Keduanya, sepatutnya juga apabila mereka ada tanda-tanda sebagaimana yang disebut dalam jawapan tadi, mereka sepatutnya terus pergi kepada pihak yang berkuasa khususnya PBT supaya pihak PBT dapat memantau dan dapat menasihatkan sama ada bangunan ini selamat didiami ataupun sebaliknya.

Bagi pembinaan *resort* dan pusat peranginan dan sebagainya, itu mesti mendapat compulsory, mesti mendapat kelulusan daripada PBT yang berdekatan. Pihak PBT dan juga pihak kementerian tidak akan bertolak ansur dalam soal pembinaan pusat peranginan dan sebagainya. Itu mesti mendapat kelulusan pertama daripada Jawatankuasa Fizikal Negara dan seterusnya PBT yang berhampiran di kawasan walaupun ianya terkeluar daripada kawasan PBT yang berkenaan. Terima kasih.

3. Dato' Mohammad Najeeb bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sejauh mana seriusnya gejala rasuah bola sepak di dalam pertandingan Liga Super dan Piala Presiden hari ini, dan apakah langkah-langkah kementerian agar fenomena yang berlaku pada tahun 1995 tidak berulang kembali.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammad Najeeb bin Abdullah bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam bertarikh 4 Julai, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertarikh 5 Julai dan Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap bertarikh 7 Julai kerana ia berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan rasuah merupakan satu perlakuan yang sangat jijik dan ia boleh meruntuhkan apa jua sistem kumpulan, pasukan mahupun usaha pembinaan sesebuah negara.

Kerajaan amat serius dalam membanteras gejala rasuah ini. Sukan bola sepak juga tidak terlepas dari ancaman ini dan ia dipandang serius demi memastikan pembangunan bola sepak negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, gejala rasuah dalam sukan bola sepak yang berlaku baru-baru ini telah melibatkan dua pasukan bola sepak Piala Presiden iaitu pasukan daripada Negeri Sembilan dan *T-Team*. Dua orang jurulatih daripada pasukan berkenaan bersama seorang *bookie* warganegara Singapura telah pun dihadapkan ke mahkamah dan sedang menunggu perbicaraan masing-masing. Dalam usaha membanteras gejala rasuah, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah pun membentuk Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Aseh bin Che Mat dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Dalam masa yang sama, FAM juga telah melancarkan Kempen Integriti Liga Malaysia 2011 ketika perlawanan akhir Piala FA antara Kelantan dan Terengganu pada 11 Jun baru-baru ini di mana para pemain daripada kedua-dua pasukan yang bertanding telah memakai lilitan integriti di lengan mereka selain memaparkan sepanduk sebelum perlawanan bermula sebagai tanda penolakan semua gejala negatif dalam bola sepak. Kempen ini akan diteruskan dan dilaksanakan pada semua perlawanan dalam Liga Bola Sepak Malaysia yang dianjurkan oleh FAM. Selain daripada itu, pihak FAM telah dan akan mengadakan taklimat kepada pemain dan pegawai secara berterusan di semua persatuan bola sepak negeri serta kelab-kelab yang terlibat dalam liga Malaysia. Ini membuktikan keseriusan kita dalam menyedarkan komuniti bola sepak terhadap ancaman rasuah serta mengajak mereka yang terlibat untuk membanterasnya.

Dato' Mohammad Najeib bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jawapan tadi. Sebelum itu saya ucapkan tahniah kepada pasukan kebangsaan yang telah berjaya masuk pusingan kedua walaupun kita kalah malam tadi, kalah tetapi berjaya, pelik juga dan kerana nasib. Kita berharap akan berjaya pada 23 dan 28 Julai bertemu dengan Singapura.

Hari ini kita dikejutkan oleh insiden rasuah bola sepak sebagaimana yang diterangkan tadi dan ini sebenarnya malapetaka kalau kita biarkan berleluasa. Sebagaimana yang berlaku pada tahun 1994 di mana 58 pemain telah digantung dan 21 orang telah dibuang daerah termasuk juru latih sekali. Jadi saya berharap Kementerian akan mengambil langkah yang lebih drastik supaya insiden-insiden ataupun malapetaka yang berlaku pada 1994 tidak berulang. Bukan sekadar untuk mengadakan kempen tetapi ini perlu dimulakan dari akar umbi, di peringkat sekolah lagi di mana sekolah menyalurkan pemain-pemain kepada pasukan Piala Presiden seterusnya kepada pasukan-pasukan kebangsaan.

Jadi soalnya, adakah Kementerian memainkan peranan yang lebih daripada itu, tidak cukup sekadar meletakkan seorang polis di FAM sahaja. Saya berpendapat bahawa seorang polis di FAM tidak boleh mengubah keadaan ataupun mengurangkan masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat seorang bukan sahaja peminat tetapi mengetahui banyak tentang bola sepak. Saya difahamkan beliau secara sendiri pergi ke Indonesia sewaktu perlawanan timbal balik walaupun di bawah tekanan penyokong Indonesia yang sangat kuat untuk memberikan sokongan kepada pasukan negara. Saya rasa inilah semangat yang patut kita contohi bukan sahaja bercakap tetapi melakukan satu perbuatan yang patut kita puji. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat.

Daripada cadangan tersebut saya setuju bahawa pada tahun 1993 hingga 1997, negara kehilangan seramai 179 orang pemain yang mana pemain tersebut terdiri daripada mereka yang berusia di antara 18 hingga 20. Mereka yang sesuai dan telah dipertimbangkan untuk diserapkan kepada pasukan kebangsaan yang pada ketika itu negara berada dalam ranking 75. Disebabkan keseriusan kita tentang gejala rasuah, kesemua mereka ini seperti yang disebut tadi telah pun diambil tindakan dan dikenakan, disabitkan sebagai bersalah dan pada ketika itulah antara salah satu punca dikatakan bahawa sukan bola sepak negara terus turun.

Alhamdulillah pada hari ini sudah mula meningkat, tanda-tanda dalam pasukan kelayakan Olimpik dan juga kelayakan piala dunia, kita sudah dapat melepasi beberapa halangan. Jadi sebab itu untuk pengetahuan Yang Berhormat, selain daripada menetapkan pegawai, pihak Polis Diraja Malaysia juga telah menubuhkan satu *task force*, sebab itu dalam hal rasuah ini kita kena adakan kerjasama, *inter agency* di antara PDRM dan SPRM. Polis telah pun meletakkan seorang *liaison officer* kepada setiap pasukan bola sepak negeri-negeri dan juga usaha di bawah pembangunan bola sepak, kita bersama dengan Kementerian Pelajaran ketika membangunkan, mencari pemain di peringkat akar umbi, penerangan tentang kesan rasuah dalam sukan boleh menjejaskan apa juga usaha dan ini juga akan dibuat bersama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam semua program pembangunan bola sepak seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

■1050

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya kawatir Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja masalah rasuah ini masalah *football*. Ia macam menggambarkan masalah rasuah *is a national reflection*. Kalau berlaku di *football*, maknanya ia akan berlaku di mana-mana.

Jadi saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua mengenai dua perkara. Pertama sekali ialah dari segi kita *trained* budak-budak kita ini main *football* memang pandai. Akan tetapi, adakah kita mempunyai satu *training* dari segi nilai mereka *and then we say* apabila kita menjadi negara maju tahun 2020 kita tahu daripada penekanan ialah nilai-nilai. Saya ingin bertanya sama ada adakah penekanan yang sama diberikan kepada *training* ataupun latihan mengenai nilai-nilai? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berkongsi kerisauan Yang Berhormat terhadap gejala rasuah ini dan saya bersetuju bukan sahaja sukan bola sepak tetapi dalam apa juga perkara selain daripada sukan pun, selain daripada pasukan kebangsaan yang lain, rasuah ini perlu ditolak secara keseluruhan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, suka saya nyatakan di Dewan ini bahawa mungkin ramai yang bertanya tentang kunjungan FIFA ke negara kita baru-baru ini. Ini mengesahkan kenyataan yang dibuat tadi bahawa ia bukan berlaku di Malaysia sahaja tetapi kehadiran FIFA ke negara kita adalah untuk menyiasat satu perlawanan antarabangsa di antara pasukan negara dengan pasukan Zimbabwe pada tahun 2009. selepas penangkapan seorang lagi rakyat Singapura di Finland. FIFA telah pun mengesahkan perlawanan tersebut sememangnya diatur, namun begitu telah pun membuat kenyataan bahawa ia hanya melibatkan pasukan Zimbabwe. Persatuan Bola Sepak Malaysia tidak terlibat dan disahkan bebas daripada dakwaan tersebut.

Oleh sebab itu, bola sepak bukan sahaja berlaku dalam negara tetapi di seluruh rantau benua dan kenyataan mengenai penerapan nilai-nilai murni terhadap gejala rasuah bukan hanya mengenai *skills* kemahiran bermain bola sepak pada saya amat perlu dan itu yang dibuat oleh FAM. Sebelum kita menerapkan nilai, antara lain, mana-mana pemain yang dipilih dalam kontrak telah pun dinyatakan tentang hukuman yang bakal diterima.

Dalam masa yang sama, memberitahu kepada persatuan-persatuan negeri untuk mengukuhkan pentadbiran persatuan supaya kebajikan para pemain dapat dilihat. Ini kerana kebajikan ini antara salah satu punca selain daripada nilai tadi yang menyebabkan pemain terjerumus kepada pendapatan secara salah melalui rasuah. Jadi pada saya, sama-samalah kita mendorong dan mendedahkan seluruh lapisan masyarakat untuk menolak gejala rasuah secara besar-besaran kerana ia tidak menguntungkan selain membunuh potensi dan juga harapan untuk membina sebuah pasukan ataupun sebuah negara di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Mohd. Ezam bin Mohd. Nor minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah dakwaan banyak berlaku ketirisan dalam projek pembangunan UDA Holdings Bhd. terutama isu projek Bukit Bintang City Centre (BBCC).

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Ezam bin Mohd. Nor pada hari ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman yang dijadualkan dijawab pada 5 Julai 2011 dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat pada 6 Julai 2011. Memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama iaitu pembangunan projek *Bukit Bintang City Centre* (BBCC) di tapak Penjara Pudu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan dan pelantikan pelabur, pemaju dan kontrak bagi projek BBCC masih belum lagi dimuktamadkan. Pihak Lembaga Pengarah UDA Holdings telah menimbang pelbagai cadangan daripada 11 buah syarikat dan telah memanjangkan syarikat yang diperakukan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9, Tahun 2009 di mana projek-projek yang bernilai lebih daripada RM300 juta hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum boleh dilaksanakan.

Sehubungan itu, soal ketirisan projek BBCC ini belum timbul kerana ianya masih belum dilaksanakan. Walau apapun, pihak kerajaan dan UDA Holdings khususnya memang peka dengan kebimbangan yang telah disuarakan oleh pelbagai pihak berhubung projek ini dan berharap ianya akan dapat diatasi dengan baik. Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Kita semua sedia maklum, UDA Holdings ini ditubuhkan pada tahun 1971 iaitu setahun selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan di negara ini dengan matlamat khusus memastikan penyertaan kontraktor bumiputera dalam sektor hartanah di bandar. Kita juga maklum pada tahun 1996, ianya diswastakan. Kita juga maklum ada masalah kewangan yang kronik berlaku dan dikembalikan semula dan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Oleh sebab itu, kita punya alasan untuk merasa bimbang apabila kita dengar banyak masalah ataupun tanda-tanda masalah yang akan berlaku dalam isu projek *Bukit Bintang City Centre*. Soalan saya, baru-baru ini ditubuhkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) oleh kerajaan.

Bagaimana peranan TERAJU dalam menghadapi kes-kes seperti ini kerana UDA Holdings matlamatnya untuk penyertaan bumiputera. Jadi di manakah peranan TERAJU dalam konteks seperti kes UDA Holdings ini dalam memastikan matlamat akhir untuk memartabatkan penyertaan kontraktor bumiputera dalam sektor hartanah? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang TERAJU ditubuhkan untuk membantu penyertaan Bumiputera khususnya dalam bidang korporat. Ini adalah selari juga dengan penubuhan UDA Holdings untuk membantu penyertaan dan pemilikan hartanah bumiputera. Akan tetapi, dalam kes spesifik UDA Holdings yang melibatkan pembangunan satu-satu tapak, ini walaupun dari segi matlamatnya mempunyai hubungan dengan TERAJU. Akan tetapi, buat masa ini ia lebih bersifat cadangan UDA kepada Kementerian Kewangan di mana Kementerian Kewangan akan membuat keputusan dari segi pemaju yang akan dipilih.

Saya tidak dapat membuat spekulasi pada masa ini tentang pemilihan yang akan dibuat oleh Kementerian Kewangan. Cuma kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri prinsip-prinsip pendekatan yang diambil oleh UDA Holdings supaya pembangunan projek ini bukan sahaja dapat memberi manfaat dan faedah kepada golongan bumiputera tetapi juga dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pertamanya, dari segi prinsipnya ialah pendekatan yang akan dipilih oleh UDA Holdings yang melibatkan risiko yang paling minimum kepada UDA. Risiko projek gagal umpamanya, paling minimum. Keduanya, pulangan yang paling tinggi. UDA perlu membuat penilaian daripada cadangan-cadangan yang dibuat ini, manakah cadangan yang akan memberi pulangan yang paling tinggi tertakluk kepada risiko yang paling rendah. Apa yang paling penting dan paling utama saya kira yang mungkin ramai tidak mengetahuinya Tuan Yang di-Pertua, ialah satu keperluan yang ditetapkan oleh UDA Holdings iaitu tanah milik UDA Holdings sebanyak 19 ekar ini tidak boleh dicagarkan.

■1100

Jadi, mana-mana pemaju tidak boleh mengambil tanah ini dan mencagar untuk membuat pinjaman untuk membuat pembinaan yang seterusnya, bermakna tanah ini akan kekal di bawah pemilikan UDA. Satu lagi keperluan yang ditetapkan ialah dalam pembinaan kompleks ini setengah-setengah aset itu akan menjadi milik UDA, setengah-setengahnya akan menjadi milik pemaju. Aset-aset milik UDA ini perlu diutamakan. Mesti disiapkan dahulu, diserahkan kepada UDA sebelum pembinaan aset-aset lain yang akan dimiliki oleh pemaju. Jadi, ini juga ditetapkan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah aset milik UDA ini mestilah merupakan sesuatu yang dengan izin, agak sentral kepada projek ini bukannya *marginal*. Bermakna tidak boleh buat satu projek besar, tiba-tiba yang milik UDA ini ada di tepi-tepi, ada di belakang-belakang. Mestilah dia merupakan sentral kepada projek ini. Jadi, ini penetapan yang dibuat oleh UDA. Penetapan ini kalau dilihat memang berat sebelah kepada UDA dan itulah yang dibuat oleh UDA untuk menjaga kepentingannya dan aset-aset yang bakal dimiliki oleh UDA inilah yang akan diberikan sama ada diberi kepada pengusaha bumiputera ataupun dilaksanakan oleh UDA sebagai penjaga amanah kepada pemilikan bumiputera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat bersetuju Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi tidak berlaku ketirisan dalam sebarang projek UDA atau projek BBCC atau projek lain. Saya sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah UDA. Projek ini perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan walaupun ada tender terbuka, mesyuarat berkaitan tentang tender, mesyuarat lembaga pengarah tetapi *finally* mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Saya ingin bertanya, sejak akhir-akhir ini kenapakah Kementerian Kewangan tidak berapa bersetuju untuk mempertimbangkan syarikat dari China untuk projek-projek dan kontrak-kontrak di negara kita termasuklah projek Penjara Pudu ini, BBCC. Bila disebut hari itu hendak dibagi kepada syarikat China, melenting semua orang termasuk ahli politik. Apakah kerana pengalaman pahit kita dengan syarikat China ini dalam projek Empangan Bakun dan Jambatan Kedua Pulau Pinang? Saya juga ingin tahu, apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dengan syarikat ini, di kedua-dua projek ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai Ahli Lembaga Pengarah UDA, mungkin Yang Berhormat lebih tahu apa yang berlaku dalam UDA berbanding dengan saya yang berada di luar. Sebenarnya, kita tidak boleh membuat apa-apa kenyataan yang boleh menutup ruang kepada Kementerian Kewangan untuk memilih mana-mana syarikat kerana proses pemilihan ini belum lagi berakhir, sedang dalam proses. Bahkan saya tahu bahawa Kementerian Kewangan telah meminta penyiasatan rapi yang dibuat oleh pegawai-pegawai kementerian sebelum satu-satu keputusan muktamad yang dibuat. Oleh sebab itu mungkin keputusannya belum lagi dibuat.

Jadi, saya tidak nampak apa-apa masalah daripada syarikat China ataupun yang bukan China dalam kes inilah. Ini masih lagi dalam pertimbangan. Dalam sebelas cadangan yang diterima oleh UDA ini memang duanya adalah syarikat antarabangsa, dua lagi syarikat JV, usaha sama dengan pemilik luar dan dalam negara, tujuh lagi adalah syarikat-syarikat dalam negara. Akan tetapi buat masa ini saya ingin nyatakan bahawa pemilihan pemaju ini belum lagi dibuat kita tidak menolak mana-mana pemaju buat masa ini supaya keputusan ini dapat dibuat sebaik mungkin. Terima kasih.

5. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Peguam Negara untuk meningkatkan kualiti proses pendakwaan yang akan memastikan pesalah rasuah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman setimpal memandangkan kini terdapat kes-kes yang berprofil tinggi telah dibebaskan oleh mahkamah dan telah pun menjejaskan imej Jabatan Peguam Negara dan SPRM.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, apabila tertuduh di bawa ke hadapan mahkamah, bagi menjawab satu pertuduhan termasuklah pertuduhan rasuah terhadapnya, tertuduh mempunyai dua pilihan iaitu mengaku salah atas pertuduhan ataupun meminta bicara.

Sekiranya tertuduh mengaku bersalah fakta kes akan dikemukakan dan seterusnya mahkamah akan mensabitkan tertuduh atas kesalahan. Tertuduh diberi peluang untuk membuat penghujahan, mitigasi hukuman ataupun dengan izin, *mitigation* manakala pihak pendakwaan akan mengemukakan penghujahan pemberatan hukuman - *aggravation*, jika diperlukan. Selepas proses tersebut barulah mahkamah akan menjatuhkan hukuman mengikut budi bicara dan peruntukan undang-undang.

Sekiranya tertuduh meminta bicara tertuduh akan diberi peluang melantik peguam pilihannya sendiri seperti peruntukan di bawah Perkara 5(3), Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya mahkamah akan menetapkan tarikh perbicaraan, di mana semasa tarikh perbicaraannya kedua-dua pihak pendakwaan dan juga pihak pembelaan akan mengemukakan keterangan masing-masing. Mahkamah akan membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan dan yang boleh diterima pakai semasa proses perbicaraan.

Fungsi pendakwaan di peringkat perbicaraan ialah mengemukakan cadangan yang relevan dan boleh diterima pakai untuk membuktikan setiap inti pati kesalahan yang berkaitan. Seterusnya tugas mahkamah ialah untuk mempertimbangkan setiap keterangan yang dikemukakan serta mendengar penghujahan ataupun dengan izin, *submission* kedua-dua belah pihak. Setelah semua proses pengemukaan, keterangan dan juga penghujahan selesai barulah mahkamah akan membuat keputusan sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes di tahap melampaui keraguan yang munasabah, yang dikenali sebagai *beyond reasonable doubt*, dengan izin, ataupun tertuduh telah berjaya dalam pembelaannya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan ataupun *reasonable doubt*, dengan izin.

Jabatan Peguam Negara Tuan Yang di-Pertua, sentiasa mengambil langkah-langkah dan juga pendekatan yang berkesan dalam mengendalikan pendakwaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan pasukan petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan berpengalaman di dalam bidang pendakwaan bagi membolehkan timbalan pendakwa raya melibatkan diri dari peringkat awal kes supaya pendakwaan kes dijalankan dengan tahap kecekapan dan juga mempunyai kualiti yang tinggi;
- (ii) latihan dalam bidang kemahiran kepeguaman diberikan kepada semua timbalan pendakwa raya dengan mengadakan kursus kepeguaman dan juga kepeguaman lanjutan ataupun *advocacy in advance*, *advocacy courses* dengan izin, dan program *master in prosecution* dalam kerjasama *University of Nottingham, United Kingdom* dan *University of Wollongong Australia* serta *Crown Prosecution Service* di United Kingdom;

■1110

- (iii) latihan yang berterusan dan komprehensif diberikan kepada timbalan pendakwa raya dan juga pegawai agensi-agensi penyiasatan dengan kerjasama agensi-agensi luar negara bagi meningkatkan kemahiran dan juga kecekapan mereka dalam bidang penyiasatan jenayah, ekonomi, forensik dan sebagainya; dan
- (iv) Timbalan Pendakwa Raya akan sentiasa meningkatkan perbincangan dengan agensi penyiasatan bagi memastikan siasatan dijalankan secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh SPRM atau Peguam Negara terhadap saksi pendakwa yang telah belot. Contohnya mereka sepatutnya boleh didakwa memberi keterangan palsu di bawah seksyen 163, Kanun Keseksaan. Apakah Jabatan Peguam Negara menempatkan Timbalan Pendakwa Raya atau PP yang lebih berpengalaman untuk mengendalikan kes-kes rasuah. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya apabila tertuduh dituduh di hadapan mahkamah untuk menjawab soalan, langkah yang pertama seperti yang saya katakan tadi ialah untuk mendapatkan perkhidmatan peguam. Jadi peguam cara yang dilantik ini matlamat mereka ialah untuk memastikan bahawa mereka menang dalam kes dan berjaya untuk membela anak guam mereka. Bilangan peguam ini tidak dihadkan oleh Perlembagaan. Kita telah pun nampak dalam kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan tertuduh melantik sampai sepuluh orang peguam. Lebih daripada seorang ataupun sampai sepuluh orang ataupun lebih daripada itu untuk membela tertuduh.

Ini membuktikan matlamat tertuduh ialah untuk memastikan tertuduh menang ataupun peguam bela menang dalam kes ini. Jadi kemenangan dan juga kekalahan dalam satu kes bukanlah terpulang kepada kebijaksanaan pendakwa raya. Ini terpulang kepada keterangan yang diberikan melalui saksi-saksi dan juga melalui dokumentasi-dokumentasi yang diberikan.

Seperti Yang Berhormat katakan tadi, terdapat saksi-saksi yang belot ataupun *to turn horse tail*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dalam satu prosiding mahkamah. Jadi apabila saksi *turn horse tail*, inilah keadaan yang tidak boleh dikawal oleh pihak pendakwa dan sekiranya seorang saksi *turn horse tail* tidak memberi keterangan yang setimpal dan bercanggah dengan keterangan yang diberikan pada mula siasatan kepada pihak SPRM ataupun kepada pihak polis bercanggah, jadi saksi itu boleh diiktiraf telah pun memberi keterangan palsu. Jadi mereka boleh diambil tindakan terhadap keterangan tersebut – *perjury*.

Satu lagi, Yang Berhormat sedia maklum bahawa dalam kes apa sahaja, apabila tertuduh disabit bersalah di peringkat Mahkamah Tengah iaitu *Session Court*, tertuduh berhak dalam undang-undang untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan seterusnya juga membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Persekutuan. Pada masa yang sama pihak pendakwaan juga ada hak untuk membuat rayuan apabila pihak Mahkamah Sesyen ataupun mahkamah tengah membebaskan tertuduh. Jadi kemenangan dan pertuduhan ini banyak peringkat. Kadangkala di Mahkamah Tengah tetapi menang di Mahkamah Tinggi. Kadangkala menang di Mahkamah Tinggi, kalah pula di Mahkamah Rayuan. Kadangkala kalah di Mahkamah Rayuan tetapi menang di Mahkamah Persekutuan.

So, these go through a lot of processes, Tuan Yang di-Pertua. Jadi *the moral of the story* ialah bahawa kesalahan seseorang itu terpulanglah kepada keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak saksi yang tertentu. Kadangkala dalam sesuatu perbincangan terlibat bukan sahaja seorang saksi tetapi sampai dua puluh orang ataupun tiga puluh orang saksi. Akan tetapi dalam kes-kes rasuah ini Yang Berhormat, kadangkala ia hanya melibatkan seorang saksi sahaja.

That means the giver or the receiver. So, this is the situation di mana pihak mahkamah akan meneliti keterangan secukup-cukupnya untuk memastikan sama ada tertuduh yang dihadapkan pertuduhan salah ataupun tidak dalam pertuduhannya. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini lebih *conceptual* dan *structural* sifatnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya rasa yang tersirat atau semangat daripada soalan ini ialah bahawa ada sesuatu yang tidak betul dalam sistem kehakiman kita sehingga ada bahagian-bahagian tertentu dalam proses penghakiman itu yang disalahgunakan. Umpamanya kemudahan rayuan digunakan untuk mengelakkan hukuman. Jadi yang saya hendak tahu, adakah kerajaan berusaha ataupun berhasrat untuk meneliti sistem kehakiman kita ini. Apa yang menjadi masalah sebenarnya. Adakah masalahnya masalah *procedural*, adakah masalahnya masalah struktural atau adakah masalahnya masalah kemahiran pegawai-pegawai tertentu dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Saya rasa itulah yang menjadi semangat daripada soalan ini, bahawa ada sesuatu yang tidak betul sehingga orang yang bersalah merayu, merayu sehingga hukuman itu tertangguh begitu lama umpamanya tentang yang saya sendiri mendapat malu dengan wakil di dalam Persidangan Tenaga-tenaga Buruh Asing di Phnom Penh baru-baru ini, di mana ada wakil Indonesia menanyakan apa yang telah berlaku kepada majikan Bonat yang telah dijatuhkan hukuman tetapi masih lagi tidak menjalani hukuman berkenaan. Jadi semangat daripada soalan saya – lanjutan daripada soalan tadi Tuan Yang di-Pertua ialah apa yang salah sebenarnya. Adakah strukturnya, prosedurnya atau kemahiran orang yang melaksanakannya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, inilah persepsi orang awam bahawa apabila seseorang tertuduh dihadapkan ke mahkamah, mereka anggap tertuduh bersalah, tetapi melupakan bahawa tertuduh daripada segi perundangan dan juga hak mereka yang tertakluk di Perlembagaan berhak untuk melantik seorang peguam pilihannya untuk membela tertuduh. *This is his right*. Tidak ada salah dengan struktur mahkamah daripada segi struktural ataupun proses mahkamah.

Yang Berhormat ini telah pun menganggap bahawa tertuduh apabila dihadapkan ke mahkamah untuk menjawab pertuduhan telah pun salah daripada itu. Itu adalah satu persepsi yang tidak betul kerana mereka berhak untuk membela diri. Jadi dalam proses mahkamah seperti yang saya katakan tadi, pihak pendakwaan mengadakan bebanan. *This is the burden of prove* daripada permulaannya itu ialah *prima facie case* untuk memastikan bahawa mereka dapat menumpukan kes mereka *beyond reasonable doubt*. Selepas itu pembelaan. Peguam bela punya bebanan untuk melepaskan atau mendapatkan kebebasan tertuduh daripada pertuduhan ialah tahap *reasonable doubt*, Tuan Yang di-Pertua.

Ini membuktikan bahawa semua tertuduh yang dibawa ke mahkamah akan dihadapkan dengan sistem yang amat adil. *They have the right to be defended*. Jadi untuk mahkamah menjatuhkan hukuman, mahkamah akan mengikut keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dan juga dokumentasi-dokumentasi yang diberikan.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kemudahan rayuan. Semua tertuduh apabila didapati bersalah berhak untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rendah sehingga ke Mahkamah Tinggi dan daripada Mahkamah Tinggi berhak untuk merayu kepada Mahkamah Rayuan dan seterusnya kepada Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan keputusannya adalah muktamad. Ini adalah perundangan yang telah pun tertakluk dalam perlembagaan sejak kemerdekaan dan tidak boleh diubah kerana ini adalah sistem perundangan negara di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

■1120

6. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk membendung pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab daripada menulis dan menyiarkan artikel-artikel yang tidak benar dan mudah mempengaruhi pemikiran orang ramai di pelbagai media massa terutamanya melalui *internet*.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Buang dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertarikh 4 Julai, 6 Julai, 7 Julai dan 12 Julai kerana kesemua soalan adalah berkenaan tindakan-tindakan terhadap laman-laman web yang mempunyai kandungan berunsur negatif.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua jenis kandungan dalam rangkaian termasuk kandungan laman web di *internet* adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 termasuklah juga Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 atau AKM 1998. Selain daripada SKMM, terdapat agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM yang turut juga mengambil tindakan ke atas kesalahan-kesalahan tersebut.

Kementerian sentiasa peka akan cabaran dan bahaya wujudnya laman web yang menyiarkan unsur-unsur negatif terutamanya unsur-unsur hasutan, fitnah dan juga perkauman. Tindakan undang-undang sewajarnya sentiasa diambil sekiranya terdapat laman-laman web yang dikenal pasti mempunyai kandungan yang berunsur negatif. Dalam hubungan ini, peruntukan-peruntukan di bawah AKM 1998 adalah mencukupi untuk menangani penjenayah siber yang menggunakan *internet* atau media baru sebagai platform bagi menyiarkan aktiviti-aktiviti negatif yang berunsur hasutan, fitnah atau kandungan yang bercanggah dengan undang-undang. Individu yang menjalankan kegiatan tersebut boleh didakwa di bawah seksyen 211 dan seksyen 233, AKM 1998 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Namun, tindakan perundangan seperti ini tidak boleh ditafsirkan sebagai penapisan kerana ia dilakukan untuk menguatkuasakan undang-undang negara. Pihak kerajaan tidak akan menapis mana-mana kandungan *internet* melainkan ia melanggar mana-mana undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terlalu banyak laman web atau *blog* yang terdapat di *internet*, adalah sukar untuk pihak-pihak berkuasa untuk memantau setiap laman *blog* satu persatu. Oleh yang demikian, SKMM membuat pemantauan *internet* secara khusus terhadap laman *blog* atau portal berita yang dikenal pasti dan pemantauan secara rambang.

Selain itu, pemantauan juga dilakukan berdasarkan aduan orang awam. Pihak SKMM sentiasa menggalakkan orang ramai untuk membuat aduan ke Biro Aduan SKMM di laman web www.skmm.gov.my, forum kandungan komunikasi dan multimedia Malaysia atau CMCF di www.cmcf.my dan forum pengguna komunikasi dan multimedia Malaysia atau CFM di www.cfm.org.my sekiranya mempunyai maklumat mengenai kandungan laman web atau blog yang menyalahi undang-undang. Terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapannya. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengatakan kita mempunyai berbagai-bagai akta untuk mengawal perkara tersebut. Maka, selama ini berapa ramai yang telah didakwa dan disabit kesalahannya dalam masa lima tahun yang lepas ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Lee. Dalam maklumat yang disediakan kepada saya Yang Berhormat, kita ada sebanyak 13 kes di mana lapan kes telah dituduh di mahkamah dan dua kes yang masih dalam siasatan dan tiga lagi yang telah disiasat tetapi di NFA (*no further action*) oleh Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagaimana yang kita maklum bahawa fitnah ini merupakan satu perbuatan yang begitu dikeji dan dalam Islam hukumannya lebih lagi daripada membunuh. Dalam laman *blog* sekarang ini, fitnah ini terkena kepada semua pihak sama ada pemimpin parti kerajaan ataupun pemimpin parti lawan. Semua kena. Nampaknya sekarang ini makin berleluasa penyebaran fitnah melalui *blog* dalam *internet*.

Jadi pertanyaan saya, apakah tindakan yang kita rasakan lebih drastik sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bila aduan daripada orang ramai. Sekarang ini kes-kes yang seperti begini, pemimpin yang saya sebutkan tidak payah sebut nama, semua terkena termasuklah perbuatan yang mengaibkan pemimpin sama ada parti kerajaan atau parti pembangkang. Baru-baru ini Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ada membuat sungutan di mana ada 14 kes yang telah dihantar oleh SKMM kepada pihak pendakwa raya dan kes itu belum lagi berjalan. Jadi saya minta penjelasan tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof atas pertanyaan tambahan. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan dengan penyebaran fitnah di *internet* atau laman-laman web iaitu mengenai apakah tindakan yang telah kementerian atau SKMM ambil. Memang banyak tindakan yang diambil tetapi ada yang tidak dilaporkan. Misalnya sekiranya terdapat sesuatu yang memang difahami sebagai fitnah kepada negara atau kepada Raja, memang diambil tindakan segera dan mulanya mungkin menyekat *blog* tersebut. Akan tetapi ada juga laman-laman tersebut berpangkalan di luar negara dan tindakan lebih sukar untuk diambil. Kalau dikenal pasti siapakah yang penyebar atau penyiar fitnah tersebut, maka tindakan undang-undang diambil.

■1130

Berkenaan dengan fitnah, Yang Berhormat, ada sedikit sebanyak berkaitan dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi kerana hanya yang difitnahkan tahu segala-galanya bahawa adakah ini fitnah atau mungkin sedikit unsur-unsur ada kebenaran.

Jadi, selain dari tindakan yang boleh diambil oleh kementerian dan SKMM, individu-individu yang difitnah boleh mengambil tindakan sivil. Saya percaya dari segi tindakan sivil, ia mungkin lebih berkesan oleh sebab hukumannya lebih tinggi dan kesannya lebih terasa oleh orang yang memfitnah itu. Kita mesti ingat Yang Berhormat, apa yang salah di alam nyata adalah salah juga dari segi undang-undang di alam maya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Oleh yang demikian, kita di kementerian dan SKMM memang berhati-hati untuk menjalankan tugas dan kita juga ingin mengajak rakyat kita di negara ini supaya lebih peka berkenaan dengan apa yang dilakukan dalam *internet*. Bagi mendedahkan masyarakat kepada nilai-nilai positif dalam penggunaan *internet*, kementerian dan SKMM sentiasa menasihati orang ramai melalui pelbagai saluran sebaran media, program kesedaran dan penganjuran aktiviti yang melibatkan masyarakat umum.

Melalui program-program tersebut, masyarakat juga akan mendapat maklumat mengenai peranan yang boleh mereka mainkan dalam menangani penyalahgunaan *internet* dan ini menunjukkan kepekaan kementerian bahawa tindakan adalah bukan hanya untuk mencegah. Akan tetapi kalau kita dapat mengajar orang awam supaya menggunakan perkhidmatan *internet* dengan berhemah, maka ia akan lebih berguna. Sekian, terima kasih.

7. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta Perdana Menteri menyatakan, status dan cabaran dalam sistem *e-filing* di Mahkamah Kuala Lumpur dan bentuk kerjasama dan penyeragaman dengan industri perbankan dan bagaimana keberkesanan sistem ini bagi firma guaman kecil dan mahkamah setakat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz atas soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem *e-filing* di mahkamah telah beroperasi pada 1 Mac 2011 di Mahkamah Kuala Lumpur. Sistem ini kemudiannya telah diperluaskan secara berperingkat ke mahkamah di Shah Alam, Johor Bahru, Pulau Pinang dan juga Putrajaya. Sistem *e-filing* di lima negeri tersebut sekarang boleh diakses daripada biro perkhidmatan yang disediakan di mahkamah-mahkamah di Kangar, Alor Setar, Ipoh, Taiping, Klang, Seremban, Melaka, Muar, Temerloh, Kuantan, Kuala Terengganu dan juga Kota Bharu.

Biro perkhidmatan ini disediakan oleh mahkamah bertujuan untuk membantu orang awam dan firma guaman yang masih belum mempunyai kemudahan-kemudahan seperti mesin pengimbas, *digital certificate*, internet dan juga perbankan internet di pejabat mereka untuk berurusan dengan mahkamah secara *online*.

Melalui perangkaan yang diperoleh dari semua mahkamah yang menyediakan biro perkhidmatan ini daripada 1 Mac tahun ini sehingga 20 Jun tahun ini, sebanyak 61,588 kes telah menggunakan bantuan biro perkhidmatan untuk berurusan dan sebanyak 1,865 kes telah difailkan secara *online* melalui sistem ini. Selain itu juga, setakat 30 Jun tahun ini terdapat 226 buah firma guaman dan tiga agensi kerajaan yang telah membuat pemfailan kes mahkamah secara dalam talian ataupun *online* dengan izin. Keberkesanan sistem *e-filing* ini dapat dilihat melalui perbandingan pelupusan kes-kes yang didaftarkan dalam tempoh sebelum dan selepas sistem ini beroperasi di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Aspek perbandingan, daripada jumlah pendaftaran iaitu sebelum Disember 2011, sehingga Februari 2011, 931 kes dan selepas daripada bulan Mac sehingga bulan Mei tahun ini terdapat 981 kes. Selain daripada itu, jumlah pelupusan sebelum Disember 2011 sehingga Februari 2011 terdapat 281 kes. Selepas bulan Mac sehingga bulan Mei tahun ini, terdapat 350 kes. Jadi, jumlah peratusan ialah 35.6 peratus meningkat daripada 30.1 peratus. Berdasarkan perbandingan tersebut, dapat dilihat dengan jelas peningkatan kadar pelupusan kes meningkat daripada 30.1 peratus kepada 35.6 peratus dalam tempoh tiga bulan selepas sistem *e-filing* ini beroperasi.

Sistem ini juga berkesan dalam mempercepatkan proses pemfailan dokumen di mahkamah di mana purata masa yang diambil untuk memproses dokumen-dokumen yang difailkan tidak lebih sehari kerana pegawai tidak perlu membuka fail atau menyemak daftar diari untuk menetapkan tarikh bicara. Oleh yang demikian, purata masa untuk peguam memperoleh dokumen mereka dari tarikh pemfailan ialah tidak lebih daripada satu hari. Sistem *e-filing* ini juga Tuan Yang di-Pertua, menyediakan kemudahan seperti *e-payment* yang membenarkan fi pemfailan dibayar melalui perbankan internet, *internet banking* dengan izin.

Kemudahan *e-payment* ini telah dilaksanakan dengan kerjasama daripada Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS). Melalui sistem ini, kemudahan bayaran boleh dibuat melalui kaedah yang disebut sebagai *Financial Process Exchange* (FPX). Sistem *e-payment* melalui FPX dan juga MEPS disediakan kepada pemegang-pemegang akaun di bank-bank yang melanggan dengan MEPS dan FPX. Antara bank-bank yang melanggan dengan MEPS dan FPX ialah Public Bank, CIMB, Maybank, RHB, Hong Leong Bank dan juga Bank Islam.

Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat halangan dan cabaran dalam usaha mahkamah untuk melaksanakan sistem ini secara menyeluruh. Antaranya ialah proses untuk memasukkan data kes ataupun *case data entry* kini beralih daripada mahkamah kepada firma guaman sebagai pemfail. Oleh yang demikian, latihan khusus diperlukan oleh firma guaman untuk memastikan kelancaran pelaksanaan sistem ini.

Kedua, batasan teknologi paparan iaitu *display technology limitations* di mana resolusi monitor untuk komputer sedia ada di mahkamah sekarang tidak cukup tinggi untuk memaparkan dokumen-dokumen yang telah diimbas dalam bentuk format yang mudah dibaca. Walaupun monitor LCD bersaiz besar ataupun LCD TV boleh didapati, ia melibatkan kos tambahan yang mahal.

Oleh itu, dokumen bercetak masih lagi menjadi pilihan berbanding *softcopy* lebih-lebih lagi bagi membaca dokumen-dokumen yang tebal. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan memperkenalkan dalam masa yang singkat akta untuk mewajibkan atau memberikan pilihan kepada mana-mana firma guaman ataupun orang perseorangan untuk memilih sama ada menggunakan opsyen *e-filing* ini di mahkamah. Itu yang pertama.

Keduanya, adakah kerajaan akan bercadang untuk memperluaskan lagi penggunaan sistem bayaran *e-payment* ini dan tidak menggunakan personel akaun, tetapi lebih kepada akaun pejabat kerana kita difahamkan ini memberikan kesukaran kepada firma-firma guaman untuk hadir sendiri secara personel bagi memastikan *e-payment* tadi dapat dilaksanakan. Ini kerana setakat ini kita difahamkan *personal account* sahaja dibenarkan untuk dibuat oleh CIMB ataupun Maybank tadi. Terima kasih.

■1140

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan itu, saya perlu pohon untuk memperbetulkan tahun yang saya sebutkan tadi iaitu sebelum tahun 2011 yang sebenarnya ialah sebelum tahun 2010. Minta maaf.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat setakat ini sistem e-mahkamah ini telah pun dilancarkan dan juga dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan semua urusan bersama dengan mahkamah dapat dijalankan dengan lancar mengikut *information technology* dan juga *innovation* yang telah pun diperkenalkan melalui internet dan juga semua ini untuk menyenangkan semua pihak terutamanya peguam-peguam yang mana mereka mengendalikan kes-kes mereka di firma dan juga melalui pembayaran di firma tersendiri. Jadi, ini adalah satu kesan yang amat baik dan kerajaan amat menggalakkan semua peguam untuk melibatkan diri dalam rancangan ini.

Ini bagi saya amat penting kerana peguam-peguam ini merupakan *player* yang amat penting dalam sistem ini dalam memastikan kita berjaya dalam melancarkan e-kehakiman ini. Saya rasa Yang Berhormat sebagai seorang peguam pun dapat faham bahawa sekiranya pembayaran nanti dibuat melalui *e-payment*, ini dapat memberikan daripada segi sekuriti yang mana pihak *clerk* tidak perlu lagi datang ke mahkamah untuk membawa *cash*. Pembayaran ini boleh dibuat di firma pada mahkamah melalui *e-filing* dan juga *e-payment*. Jadi, ini adalah satu rancangan yang amat baik dan juga seperti yang saya katakan tadi, buat setakat ini, menggalakkan pihak guaman untuk mengadakan *corporate account* disediakan di firma mereka untuk firma guaman membuat pembayaran secara *online*. Ia telah pun beroperasi mulai bukan Mei tahun ini. Jadi, ini adalah satu rancangan lagi yang telah pun dijalankan untuk menyenangkan semua pihak dalam urusan bersama dengan mahkamah. Sekian, terima kasih.

Tuan Saiful Izham binti Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada jawapan tadi. Secara praktikalnya dan saya juga pengamal undang-undang, ia tidak seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cumanya soalan tambahan saya ialah adakah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat sebarang kajian keberkesanan seperti mana yang pernah dilaksanakan di negara-negara lain khususnya di Britain yang mana sistem perundangan kita dijadikan sebagai contoh sebelum melaksanakan sistem *e-filing* ini memandangkan sejak ia dilaksanakan di mahkamah Kuala Lumpur iaitu 166 buah mahkamah Kuala Lumpur di Lembah Klang, terdapat terlalu banyak kekeliruan dan kesulitan bukan hanya kepada pengamal undang-undang tetapi kepada orang ramai yang tidak diwakili oleh peguam.

Memandangkan akibat kelemahannya, kekurangan kakitangan yang mahir akibat tidak dilatih atau sering berkursus serta sistem sokongan teknikal yang sangat parah dan tidak mencukupi akibat sering berlaku *technical hitch*, dengan izin menyebabkan sistem itu sering tidak berfungsi.

Kesemuanya ini mengakibatkan secara mendadak peningkatkan kos guaman bukan hanya kepada firma guaman tetapi juga kepada anak-anak guam yang diwakili oleh mereka. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Seperti yang telah pun saya nyatakan tadi bahawa sistem *e-filing* di mahkamah ini telah pun bermula hanya pada bulan Mac tahun ini iaitu lebih kurang empat bulan yang lalu. Buat masa sekarang ini sememangnya kita mengalami sedikit sebanyak *teething problems* yang dialami oleh *players* yang saya telah pun katakan daripada pihak mahkamah dan juga kerani-kerani firma dan juga pihak-pihak orang awam yang belum lagi biasa dengan sistem e-kehakiman ini. Jadi mahkamah pada setakat ini memang mengadakan kursus dan juga orientasi kepada pihak orang awam untuk memberikan mereka latihan bagaimana untuk menggunakan sistem ini.

Saya yakin sistem yang digunakan oleh mahkamah di Malaysia ini merupakan satu sistem yang terbaru. Yang Berhormat telah pun menyebut mengenai sistem yang berada di negara United Kingdom. Saya tidak pastilah di sana sama ada mereka telah pun mula menggunakan *e-filing* ataupun e-kehakiman seperti yang kita ada di sini. Akan tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, saya telah pun berada di negara India dan di situ, mereka belum lagi mula untuk mengadakan e-kehakiman ini memandangkan India merupakan sebuah negara Komanwel yang begitu besar dan yang begitu demokratik dan dengan sistem perundangan mereka yang begitu besar dan kita juga selalu menggunakan kes-kes dari negara India untuk menjadi satu panduan apabila kita mengendalikan kes-kes kita di sini.

Jadi, ini menunjukkan satu permulaan yang amat baik untuk negara dan saya rasalah, *technical hitch* yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi tidaklah menjejaskan operasi *e-filing*. *Technical hitch* berlaku kadangkala *because* mungkin sistem internet yang tidak begitu, *line* yang tidak begitu baik. Kadangkala kita pun mengalami *technical hitch* juga apabila kita tidak menggunakan *laptop* kita ataupun komputer ataupun *iPad* ataupun kadangkala *handphone* pun ada sedikit sebanyak *technical hitch*. Akan tetapi ini tidak menjejaskan operasi *handphone*, operasi komputer, *e-filing*, *iPad* dan semuanya. Jadi, sabarlah Yang Berhormat. Berilah peluang kepada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa sistem ini berkesan dan memberikan manfaat kepada semua terutamanya rakyat di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

8. Puan Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, bagaimana kementerian dapat menangani kesan kenaikan inflasi bahan pemakanan sehingga 4.9 peratus yang berpunca daripada kenaikan harga bahan-bahan utama makanan seperti gula, cili dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia, inflasi makanan yang dicatatkan bagi bulan Mei telah menurun ke paras 4.6 peratus berbanding 4.9 peratus pada bulan April 2011. Kadar inflasi ini masih lebih rendah jika dibandingkan dengan beberapa buah negara asing antaranya negara Thailand (8.4 peratus), Indonesia (10.2 peratus), China (11.7 peratus) dan Korea Selatan (6.2 peratus).

Inflasi bukan sahaja berpunca daripada kenaikan harga barangan makanan seperti gula tetapi turut disebabkan oleh faktor bekalan. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri khusus untuk mengatasi isu-isu berkaitan bekalan dan harga barangan dan perkhidmatan dalam negara kita.

Jawatankuasa Bekalan dan Harga bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras semua tindakan agensi kerajaan berkaitan supaya masalah bekalan dan harga dapat ditangani secara lebih menyeluruh dan berkesan.

■1150

Kerajaan juga sedar akan kemungkinan wujudnya pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin menanggung di air keruh dan mengambil kesempatan bagi menaikkan harga barangan secara sesuka hati. Bagi membendung perkara tersebut, kerajaan telah memperkenalkan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang telah pun dikuatkuasakan pada 1 April 2011. Melalui akta ini, individu yang didapati bersalah mengambil keuntungan berlebihan iaitu mencatut akan dikenakan denda sebanyak RM100,000 atau penjara tiga tahun bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kali kedua, akan dikenakan denda sebanyak RM250,000 atau penjara lima tahun. Bagi kesalahan syarikat pula, denda yang dikenakan bagi kesalahan pertama ialah RM500,000 dan kesalahan kedua didenda sebanyak RM1 juta. Pengenaan penalti kesalahan yang tinggi ini berupaya memastikan peniaga untuk lebih berhati-hati dalam menetapkan harga barangan sebelum membuat keputusan untuk menaikkan harga barangan secara tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, inflasi merupakan satu isu yang memerlukan tindakan bukan sahaja dari pihak kerajaan malah ia perlu ditangani secara bersama oleh semua pihak terutamanya pengguna itu sendiri. Selain inisiatif yang dijalankan oleh pihak kerajaan, para pengguna juga turut perlu memainkan peranan untuk menyedari dan menjalankan hak masing-masing. Melalui portal 1Malaysia Pengguna Bijak di www.1pengguna.com, para pengguna boleh mendapatkan senarai harga barangan yang ditawarkan oleh *hypermarket*, *supermarket*, pasar basah dan kedai serbaneka 24 jam dalam negara melalui aplikasi *price watch* dan membuat perbandingan bagi mendapatkan nilai yang terbaik.

Pergerakan harga barangan dan perkhidmatan akan dipantau dari semasa ke semasa dan dikemas kini melalui portal 1Pengguna dan ia juga bertindak sebagai sistem amaran kepada pihak kerajaan sekiranya berlakunya lonjakan harga bagi barangan tertentu. Kempen Beli Barangan Malaysia yang dilancarkan sejak tahun 1998 juga merupakan langkah yang menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan agar kita dapat membendung *imported inflation* yang selalunya berlaku jika barang-barang diimport dengan peratusan yang tinggi daripada negara luar.

Para pengguna juga boleh mendapat faedah daripada kedai-kedai harga patut yang telah dianugerahkan kepada premis-premis kedai di seluruh negara yang menawarkan harga berpatutan setanding dengan kualiti barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis kedai terbabit.

Selain itu, para peniaga juga mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan tidak mengambil keuntungan secara berlebihan bagi memastikan peningkatan kadar inflasi dapat ditangani secara berterusan. Bagi menggalakkan penerapan nilai etika dalam perniagaan, Kementerian mengadakan Anugerah Kecemerlangan Perniagaan Beretika bagi menghargai syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan beretika dalam kita sama-sama membendung inflasi di negara kita. Terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, semalam di dalam surat khabar *The Star* semalam ada menyatakan bahawa subsidi kepada pengusaha padi, subsidiya tidak akan dikurangkan bagi untuk merealisasikan rasionalisasi kadar inflasi. Untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan ataupun jumlah subsidi yang diperuntukkan untuk merasionalisasikan kadar inflasi yang diunjurkan? Apakah kesannya terhadap rakyat di bandar, luar bandar serta rakyat pendalaman di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan pemberian subsidi padi ini sebenarnya bukan di bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sekian, terima kasih. Maaf.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan... [*Ketawa*] Cukup satu soalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bagi jawapan panjang. Untuk tidak mensia-siakan, Timbalan Menteri Pelajaran kita bagi satu soalan lagi. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

9. Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) memandangkan kira-kira 3,000 unit kuarters guru di seluruh negara terbiar tanpa didiami, adakah kajian terperinci untuk mengenal pasti keperluan kuarters ini dibuat terlebih dahulu sebelum membinanya terutama di kawasan luar bandar; dan
- (b) apakah rancangan kementerian/kerajaan terhadap kuarters yang terbiar dan yang digelar oleh *Berita Harian* sebagai 'kuarters hantu' ini.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sememangnya kajian telah dijalankan sebelum pembinaan rumah guru. Ia dibuat berdasarkan keperluan dan permintaan di satu-satu tempat termasuklah di kawasan luar bandar ketika kajian itu dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian dilaksanakan belum sempat mengambil kira beberapa pengumuman baru apabila rumah guru itu siap dibina.

Oleh yang demikian, terdapat di antara rumah tersebut tidak dapat dihuni kerana beberapa sebab dan antaranya ialah:

- (i) lokasinya yang kurang sesuai;
- (ii) bayaran Imbuan Tetap Perumahan; dan
- (iii) COLA.

Pemotongan keseluruhan Imbuan Tetap Perumahan (ITP) dan 50 peratus COLA bagi menduduki kuarters dan bagi Guru Sandaran Tidak Terlatih dan juga guru ganti tidak menerima ITP dan COLA tidak layak untuk menduduki kuarters. Faktor berikutnya ialah keadaan fizikal kuarters yang tidak diselenggara, kadar sewa rumah di kawasan perumahan atau kawasan kampung yang berhampiran lebih murah atau kurang daripada elaun imbuan tetap perumahan (ITP) dan elaun bantuan sara hidup (COLA) yang diterima oleh pegawai. Yang berikutnya ialah berlakunya pengurangan pelajar di sesuatu sekolah menyebabkan bilangan guru di sekolah tersebut berkurangan, menyebabkan berlakunya kekosongan unit di kuarters guru. Senario ini kebanyakannya berlaku di kawasan FELDA.

Bagi menjawab perenggan (b), berapa cadangan yang telah dikenal pasti dari membantu mengatasi masalah pengisian penghuni di kuarters guru ialah seperti berikut:

- (i) menawarkan kepada agensi dan kementerian lain yang memerlukan kuarters untuk kakitangan mereka. Sebagai contoh UniMAP, MARA dan PLKN telah menggunakan kemudahan ini;
- (ii) perlu dilakukan semakan semula pemotongan ITP dan COLA kerana ini yang menyebabkan faktor guru tidak masuk ke kuarters guru kerana mereka dapat menikmati ITP dan COLA yang lebih tinggi;
- (iii) menukar guna kuarters tersebut seperti menjadikannya sebagai pusat latihan. Ini telah dibuat di Sungai Karangan, Kedah dan Bandar Tenggara, Johor. Akan tetapi, kita sedang berusaha untuk meminta Kementerian Kewangan memberi peruntukan tambahan untuk kita mengubahsuai menjadi pusat latihan; dan
- (iv) menyewa kepada agensi-agensi yang memerlukan seperti institusi pengajian tinggi swasta sebagai contoh Kolej Automotif DRB di Pekan dan juga *Allianze College of Medical Sciences* di Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat kekosongan atau kuarters guru ialah sebanyak 8,812 buah bukannya 3,000 buah. Sekiranya, peruntukan dapat diberi oleh Kementerian Kewangan bagi mengubah suai pusat latihan, sebahagian besarnya dapat kita mengoptimalkannya sebagai pusat latihan untuk kegunaan pendidikan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita kirakan daripada 8,000 dengan RM200,000 satu pun sudah menjadi RM160 *million* harta kerajaan yang tidak digunakan.

Oleh sebab angka yang begitu besar, yang sebenarnya saya pun terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan itu. *I was half expecting* dengan izin jawapan seumpama itu. Dasar kita untuk membuat kuarters ini saya ingat patutlah difikirkan semula. Ini kerana sememangnya kita begitu banyak aset kerajaan yang dibuat sungguhpun kajian dibuat. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1200

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dalam mukadimah saya tadi mengatakan bahawa kajian dibuat ketika itu. Akan tetapi terdapat pengumuman oleh matan Perdana Menteri yang menaikkan gaji dan *allowance* pada tahun 2010. Sebagai contoh, COLA kalau dahulunya sebelum tahun 2007 memang tidak ada. Di kawasan bandar RM300, RM200, dan RM100. Tambahan pula, imbuhan tetap perumahan ditambah.

Sebagai contoh kalau dahulunya pegawai hanya menerima RM165, kini untuk DG41 RM250. Kalau DG44 ialah RM400, DG48 ialah RM550 dan yang berikutnya DG52 dan DG54 ialah masing-masing RM600 dan RM700. Ini menampakkan bahawa kalau mereka hendak sewa di tempat, di kampung-kampung kawasan pedalaman mungkin sewanya hanya RM200 dan guru pandai membuat perhitungan. Kalau dapat jimat RM500, kenapa hendak duduk di kuarters? Oleh sebab itulah saya rasa dari segi kajian dasar, bagaimana pemotongan ITP dan 50 peratus COLA itu dapat disemak semula. Ini tertakluk kepada agensi pusat untuk memutuskannya.

Pada waktu yang sama, saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa projek-projek ini yang dirancang dahulunya mungkin pada ketika itu lebih pada projek *driven* dan saya rasa ini adalah satu masalah dan terpaksa kita menanggung masalah ini dan mencari satu kaedah untuk mengubah sama ada untuk kegunaan IPTA, IPTS, dan pusat latihan. Itu adalah antara cadangan-cadangan dan saya rasa bersandarkan kepada faktor peruntukan. Kalau ianya dapat membantu, saya beri contoh, di IPGM kita ada 30,000 pelatih dan kita kena mencari tempat latihan, kursus dan sebagainya, khusus dalam perkhidmatan. Begitu juga kalau kita dapat ubahsuai, kita boleh menjimatkan kos sewaan di pusat latihan dan juga hotel, mungkin satu atau dua bintang. Saya rasa kita dapat jimatkan sebagai satu pelaburan jauh yang jangka panjang dan ia dapat membantu mengoptimalkan kemudahan yang sedia ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

12.03 tgh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengadakan peruntukan bagi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia bagi maksud mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan, dan penguatkuasaan di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin juga perakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, *carcass*, ikan, keluaran pertanian, tanah, dan mikroorganisma. Ini termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubungan dengan makanan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan urusan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan serta perakuan bagi tumbuhan, binatang, ikan, karkas, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan juga makanan. Beberapa masalah dan kelemahan telah dikenal pasti di peringkat pelaksanaan yang melibatkan jabatan, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta kementerian, jabatan, dan agensi-agensi yang lain.

Pada masa kini urusan-urusan tersebut dikendalikan secara berasingan oleh jabatan dan agensi yang berkaitan mengikut subsektor yang berkaitan iaitu Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dan Kementerian Kesihatan bagi tumbuhan, tanaman. Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pula bagi menjaga kesihatan bagi sektor perikanan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan bagi sektor ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan bidang tugas dan tanggungjawab kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat dalam industri pertanian dan makan seperti yang disenaraikan di atas dapat dirumuskan bahawa kekerapan serta pertindihan aktiviti pemeriksaan ke atas dokumen dan *consignment*, kekurangan penyelarasan dalam urusan pengeluaran lesen dan permit eksport dan import dan pengambilan sampel dan ujian dijalankan secara berasingan sering kali berlaku.

Perkara ini telah menimbulkan rungutan di kalangan pengeksport dan pengimport kerana tatacara ini memerlukan mereka berurusan dengan lebih daripada satu agensi dan tempoh masa yang diambil boleh merosakkan dan menjejaskan kualiti produk pertanian dan makanan.

Proses pemeriksaan yang bertindih dan berulang-ulang juga secara langsung meningkatkan kos pengurusan pengendalian serta kos-kos yang berkaitan, yang sudah tentunya tidak menguntungkan para pengeksport dan juga pengimport. Situasi ini juga jelas tidak kondusif kepada usaha kerajaan untuk menjamin kelancaran proses sistem penyampaian bagi pengeksportan serta pengimportan produk pertanian dan produk industri asas tani. Di samping itu juga penggunaan infrastruktur, peralatan dan sumber manusia yang terdapat di jabatan dan agensi tidak digunakan pada tahap yang optimum. Maka adalah wajar perkara ini diberikan perhatian agar fungsi antara kementerian, jabatan dan agensi dapat diperkemas untuk memudahkan pengimport-pengimport dan pengeksport-pengeksport mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan dan ikan serta keselamatan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan isu-isu yang telah dinyatakan tadi, sudah tiba masanya pengendalian urusan kuarantin, pemeriksaan perakuan dan pengeluaran permit lesen dan perakuan yang diperlukan dalam import atau eksport tumbuhan, binatang, ikan, *carcass* keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dan juga makanan dilaksanakan dengan lebih bersepadu, cepat, cekap dan berkualiti oleh atau badan tunggal di pintu masuk negara.

Untuk itu Jemaah Menteri telah pun membuat keputusan pada 29 Mac 2006 untuk menubuhkan satu badan tunggal di Malaysia yang dinamakan sebagai Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia atau dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *Malaysian Quarantine and Inspection Services* (MAQIS). Kewujudannya sebagai penguatkuasaan, sebagai *one-stop centre* di pintu masuk adalah satu trend yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Saya beri contoh di Republik Rakyat China terdapat satu badan tunggal yang dinamakan *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine*. Di Taiwan, terdapat *Bureau of Animal and Plant Health Inspection and the Quarantine*. Kalau di Australia terdapat biasa ia di *Biosecurity Services Group* (BSG).

Tuan Yang di-Pertua, objektif penubuhan MAQIS adalah untuk memastikan industri pertanian negara bebas daripada ancaman perosak dan penyakit tumbuhan, binatang dan ikan melalui aktiviti pemeriksaan dan kuarantin yang lebih berkesan. Ia untuk memastikan produk pertanian dan makanan yang diimport mematuhi aspek keselamatan makanan dan kesihatan manusia, binatang, ikan dan juga tumbuhan melalui penguatkuasaan semua akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Ia juga membantu pengeksport dalam segala isu berkaitan dengan laluan pasaran dan pematuhan syarat-syarat negara pengimport melalui perkhidmatan yang bersepadu, menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui penggunaan sumber yang lebih cekap dan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, MAQIS telah mula beroperasi secara pentadbiran sebagai badan tunggal bagi menjalankan aktiviti kuarantin dan pemeriksaan di pintu masuk dan stesen kuarantin di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 1 Ogos 2008. Ini melibatkan 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin binatang. MAQIS telah menyediakan perkhidmatan sehenti di setiap pintu masuk untuk aktiviti pemeriksaan dan pelepasan import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanah, mikroorganisma, keluaran pertanian, pemeriksaan bagasi penumpang dan *mail*, pengambilan sampel, pengeluaran permit import dan eksport ikan hidup, penyeliaan rawatan kuarantin dan perkhidmatan kuarantin untuk binatang yang diimport. Operasi MAQIS pada masa ini hanya melibatkan lima akta di bawah Kementerian dan Pertanian Industri Asas Tani sahaja iaitu;

- (i) Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167);
- (ii) Akta Perikanan 1985 (Akta 317);
- (iii) Akta Binatang 1953 (Akta 647);
- (iv) Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49); dan
- (v) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141)

■1210

Sejumlah 10 pegawai dari pasukan teras dan 443 pegawai penguat kuasa, pemeriksa dan kakitangan sokongan dari Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, FAMA dan LKIM yang bertugas di pintu masuk dan stesen kuarantin telah dipindahkan secara pentadbiran ke MAQIS dan diturunkan di bawah akta-akta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan MAQIS sekali gus akan dapat menyumbang kepada menambahbaikkan dalam sistem penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan kepada pelanggan dan seterusnya mempermudah khususnya urusan yang berkaitan dengan pengimportan dan pengeksportan produk pertanian dan makanan. Selanjutnya, rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk menjamin keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tujuh bahagian, 50 fasal, dan tiga Jadual.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan Malaysia bagi maksud mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk di stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import eksport tumbuh-tumbuhan.

Bahagian I rang undang-undang ini memperkatakan mengenai perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan akta di negeri dan Wilayah Persekutuan yang berlainan di Malaysia.

Fasal 2 bertujuan untuk memperuntukkan bagi akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan. Akan tetapi akta hendaklah menjadi tambahan kepada dan tidak mengurangkan peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan.

Dalam hal keadaan terdapat apa-apa ketidakselarasan antara akta dengan undang-undang bertulis yang berkaitan, peruntukan akta hendaklah terpakai. Walau bagaimanapun, Akta Makanan 1993 ataupun Akta 281 adalah dikecualikan daripada fasal ini.

Fasal 3 mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan mengenai perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan Malaysia dan perkara yang berkaitan.

Fasal 5 hingga fasal 7, memperuntukkan mengenai pelantikan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan, Timbalan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan, pelantikan pegawai-pegawai penguat kuasa oleh Ketua Pengarah, pelantikan pegawai-pegawai penguat kuasa oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan untuk menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan makanan di pintu masuk mengikut Akta Makanan 1983, pelantikan pegawai awam sebagai pegawai penguat kuasa oleh Ketua Pengarah dan pegawai penguat kuasa untuk mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III rang undang-undang memperuntukkan bagi fungsi dan kuasa Ketua Pengarah.

Fasal 8 mengandungi fungsi Ketua Pengarah yang termasuk antara lain untuk menguatkuasakan undang-undang bertulis yang berkaitan di pintu masuk, stesen kuarantin, dan juga premis kuarantin untuk melindungi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.

Selanjutnya fungsi Ketua Pengarah hendaklah juga termasuk mengeluarkan apa-apa permit, lesen atau perakuan bagi import dan eksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan juga mikroorganisma.

Fungsi yang dinyatakan dalam fasal 8 hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah mengikut dasar, arahan dan kehendak yang ditentukan oleh agensi atau jabatan yang berkaitan.

Fasal 9 memperuntukkan bagi kuasa Ketua Pengarah yang termasuk sebahagian besarnya kuasa untuk menjalankan kuarantin dan juga pemeriksaan ke atas apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa-apa benda lain di pintu masuk stesen kuarantin dan juga premis kuarantin.

Ini adalah untuk menentukan sama ada perosak, penyakit atau bahan cemar tidak wujud dan untuk memastikan bahawa syarat-syarat import dan eksport sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan adalah dipatuhi.

Selain itu, Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk mengenakan fi mengeluarkan permit, lesen, dan perakuan bagi maksud import dan eksport juga untuk menjalankan tatacara kuarantin ke atas apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian dan benda-benda yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang memperuntukkan bagi penubuhan jawatankuasa penyelarasan bagi kuarantin dan pemeriksaan juga perkara lain yang berhubung dengannya.

Fasal 10 memperuntukkan bagi penubuhan jawatankuasa penyelarasan bagi maksud menyelaraskan perkara teknikal, saintifik, tatacara, dan perkara-perkara berkaitan yang lain untuk memudahkan pelaksanaan akta.

Bahagian V rang undang-undang memperuntukkan permit, lesen, dan perakuan bagi maksud import dan eksport di bawah akta.

Fasal 11, memperuntukkan bagi kehendak permit, lesen atau perakuan untuk pengimport dan permit atau lesen untuk mengeksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma. Adalah merupakan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang terlibat dalam pengimportan dan pengeksportan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, dan mikroorganisma untuk melanggar fasal ini.

Fasal 12, memperuntukkan bagi permohonan permit, lesen, dan perakuan dibuat kepada Ketua Pengarah. Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan permit, lesen atau perakuan di bawah fasal ini mengikut dasar, arahan dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh agensi atau jabatan yang berkaitan.

Fasal 13 menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk memberikan apa-apa permit, lesen atau perakuan yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan atau pengeksportan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, dan mikroorganisma.

Fasal 14 menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengimport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dengan perosak, penyakit atau bahan cemar atau yang dipercayai mempunyai perosak, dan penyakit atau bahan cemar atau yang diserang oleh perosak, penyakit atau bahan cemar.

Fasal 15, menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tidak mematuhi syarat import atau eksport sebagaimana yang dinyatakan dalam permit license atau perakuan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI rang undang-undang memperuntukkan mengenai peruntukan penguatkuasaan.

Fasal 16 sehingga fasal 36 memperuntukkan kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa untuk menguatkuasakan akta ini. Walau bagaimanapun pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah fasal 5(5) untuk menjalankan kuasa di bawah perenggan 9(b) hendaklah menjalankan kuasa tersebut di pintu masuk dan mengikut Akta Makanan 1983.

Bahagian VII rang undang-undang memperuntukkan bagi peruntukan pelbagai.

Fasal 37 memperuntukkan bagi perbelanjaan yang dilakukan akibat daripada syarat yang dikenakan di bawah akta ini hendaklah ditanggung oleh pemunya, pemberi *consign*, penerima *consign* atau pengimport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikro mekanisme dan makanan.

Fasal 38 memperuntukkan bahawa jika wang dipungut atau diterima di bawah akta bagi pihak agensi atau jabatan yang berkaitan, wang itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.

Fasal 39 memperuntukkan bahawa khidmat pakar boleh diperolehi bagi pelaksanaan akta dengan berkesan.

Fasal 40 memperuntukkan bahawa pegawai penguat kuasa hendaklah memakai pakaian seragam semasa menjalankan tugas mereka melainkan dikecualikan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 41 menghendaki agensi atau jabatan yang berkaitan atau entiti swasta yang menguruskan premis di pintu masuk hendaklah menyediakan pejabat dan kemudahan bagi maksud menjalankan pemeriksaan dan tata cara kuarantin.

Fasal 42 memberi Menteri kuasa selepas berunding dengan Ketua Pengarah untuk meminda jadual.

Fasal 43 memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan, perbadanan melakukan sesuatu kesalahan di bawah akta ini, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu boleh juga disabitkan bagi kesalahan itu.

Fasal 44 memperuntukkan bahawa seseorang boleh juga dikenakan mana-mana penalti di bawah akta ini jika kesalahan itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya. Walau bagaimanapun, orang itu hendaklah membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya dan dia telah pun mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah kesalahan itu.

■1220

Fasal 45 hingga fasal 46 mengandungi peruntukan mengenai penalti am dan pengkompaunan kesalahan.

Fasal 47 memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah akta boleh dimulakan dengan keizinan pendakwa raya.

Fasal 48 memberikan perlindungan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa dan mana-mana orang lain yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah akta daripada apa-apa tindakan guaman, pendakwaan ataupun prosiding lain jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati.

Fasal 49 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan kecuali perkara yang berhubungan dengan makanan berkenaan dengan perkara yang ditetapkan dalam fasal ini bagi melaksanakan peruntukan akta ini dengan lebih baik.

Fasal 50 memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Selanjutnya, Jadual Pertama rang undang-undang menyenaraikan pintu masuk ataupun *entry point*. Jadual Kedua menyenaraikan stesen kuarantin dan Jadual Ketiga menyenaraikan undang-undang bertulis yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini bahawa Malaysia dapat menjamin keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan manusia, dan juga dapat meningkatkan pengimportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan keluaran pertanian kerana negara mematuhi kehendak-kehendak negara pengimport.

Walaupun bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia bagi maksud mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubung dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dan termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubung dengan makanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datuk Maijol Mahap: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bahas. Oh, ada seorang. Seorang sahaja ya? Ini kerana sebelum itu saya pun hendak tahu berapa orang yang hendak turut berbahas dalam rang undang-undang ini. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Majjol.

12.23 tgh.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya untuk berbahas bagi Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dan juga berbentuk minta penjelasan sedikit. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana berjaya untuk membawa rang undang-undang ini ke Parlimen kerana rang undang-undang ini adalah amat penting sekali.

Pertama ialah saya sempat menghadiri penjelasan awal daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kalau tidak silap saya pada 8 Mac 2011 untuk memberikan penerangan kepada semua Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara berhubung dengan akta ini. Di situ dan waktu itu Yang Berhormat Menteri telah menerangkan dengan jelas tentang rasional kenapa akta ini perlu dan dalam masa yang sama, beliau juga telah menceritakan tentang kenapa akta ini tidak perlu dipanjangkan ke Sabah pada setakat ini.

Beliau telah menghuraikan sebab-sebab dan sememangnya pun sebelum kami datang ke taklimat tersebut kami telah pun mendapat nota daripada Kementerian Pertanian di Sabah bagi pihak kerajaan negeri untuk memberikan input atau sebab-sebab mengapa akta itu tidak perlu dipanjangkan di Sabah pada waktu ini. Bukanlah bersifat kedaerahan tetapi cumanya waktu ini Sabah sudah lama mempunyai akta atau ordinan yang sama dengan akta yang diperkenalkan di Dewan Negara pada hari ini. Sememangnya Sabah sudah mempunyai ordinan yang lebih kurang sama dan telah berfungsi dengan baik selama ini dan dirasakan bahawa belum perlu akta ini dipanjangkan ke negeri Sabah.

Bagaimanapun, jaminan tersebut tidak terdapat dalam akta ini. Cumanya yang dikatakan bahawa akan ditentukan tarikh penguatkuasaannya dalam akta ini. Jadi kalau ikut perkataan di sini sekarang, seolah-olah ia menyeluruh di Malaysia termasuk Sabah. Saya harap secara administratifnya nanti itu akan dibuat dan tidak dipanjangkan ke Sabah pada waktu sekarang ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah saya memang ketahui bahawa MAQIS ataupun *Malaysian Quarantine and Inspection Services* yang sekarang ini adalah satu badan yang menguatkuasakan beberapa akta. Selain daripada akta yang baru ini yang ditubuhkan, terdapat juga akta-akta lain yang sedang dilaksanakan oleh MAQIS termasuklah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Akta Binatang 1953, Akta Perikanan 1953, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga Akta Makanan 1985.

Sekarang ini ada akta yang baru dan MAQIS ini memang bertanggungjawab menguatkuasakan berhubung dengan peruntukan kuarantin, penguatkuasaan pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin bagi tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan di eksport keluar Malaysia.

Apa yang saya perhatikan di sini dan apa yang saya baca Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar dan juga jurnal-jurnal berhubung dengan kuasa dan juga pemantauan yang dibuat oleh MAQIS ini ialah terdapat ketirisan dalam kita melaksanakan tugas-tugas ini. Di mana walaupun kita mempunyai akta yang begitu baik sekali dengan jenteranya begitu baik di bawah akta tersebut, tetapi apa yang saya lihat dan baca di surat khabar dan juga jurnal-jurnal malah internet juga pun, mengatakan bahawa masih ada ketirisan yang banyak.

Ertinya di sini ialah terdapat rakyat Malaysia ini yang sengaja membawa binatang-binatang eksotik keluar daripada negara kita. Mereka sengaja membuat begitu untuk mencari keuntungan yang banyak kerana pasaran yang tinggi dan juga harga yang tinggi. Maka mereka ini sanggup membawa binatang-binatang itu keluar daripada negara kita secara tidak sah. Itu dibuktikan dalam akhbar juga, di Johor tidak silap saya dalam bulan Mac 2011 ada kes-kes di mana binatang tokek dibawa masuk ke Malaysia secara haram.

■1230

Jadi orang yang dituduh di mahkamah dan disabitkan dengan kesalahan di penjara dan dihukum dengan jumlah yang agak tinggi. Akan tetapi selepas dia membayar dan selepas dia keluar daripada penjara, maka dia buat lagi berulang-ulang kali seolah-olah dia tidak takut dengan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap dia. Ini mungkin kerana disebabkan harga pasaran yang tinggi terhadap binatang-binatang yang dibawa keluar daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sentuh ialah terhadap tuduhan dan saya dapati ia tidak benar bahawa kenapa bintang-binatang ini begitu mudah dibawa keluar daripada negara kita disebabkan kerana mereka yang melakukan perkara ini, *culprit* ini, dengan izin, adalah bersekongkol dengan pegawai-pegawai penguat kuasa, mereka mudah melakukan jenayah tersebut kerana terdapat sokongan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Oleh itu saya berharap perkara ini tidak benar, kalau ini benar, maka susahlah walaupun macam mana padatnya, mantapnya akta kita jika penguatkuasaan itu tidak baik maka tidak ada gunanya, *it doesn't serve the purpose*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu pegawai-pegawai kita seharusnya bukan sahaja diberikan latihan yang secukupnya tetapi juga diberikan juga satu peringatan tentang amanah yang dipegang untuk menjaga agar binatang-binatang ataupun benda-benda lain di bawah akta ini tidak begitu mudah dibawa keluar daripada negara kita.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung tentang peruntukan fasal 17, fasal 18, fasal 19, fasal 20 dan fasal 22, mengatakan di sini bahawa memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah akta ini. Manakala peruntukan fasal 19 pula dan fasal 20 memperkatakan tentang peruntukan yang berhubung dengan kuasa untuk menggeledah dan menyita dengan waran dan tanpa waran, juga terdapat di dalam seksyen 32 Tuan Yang di-Pertua yang menyatakan bahawa tidak ada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa ketika menjalankan atau berupa perjalanan mana-mana kuasa di bawah akta boleh didapatkan di dalam beberapa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Komen saya yang pertama di sini ialah sememangnya wajar kepada kes-kes yang memerlukan tanpa waran untuk melakukan pengeledahan dan sebagainya kerana ada masa-masa yang suntuk dan tidak sempat untuk pergi ke mahkamah bagi mendapatkan waran tersebut dan inilah satu "senjata" bagi pegawai-pegawai kita lebih *quick*, dengan izin, untuk menyekat aktiviti-aktiviti yang tidak baik daripada *culprits* ini, dengan izin. Bagaimanapun saya ingin menyatakan di sini bahawa ia seharusnya tidak disalahgunakan oleh pegawai-pegawai jika diberikan kuasa-kuasa yang banyak tanpa waran dan sebagainya, kadang-kadang kuasa yang ada padanya disalahgunakan, maka dia mudah untuk menangkap sesiapaupun walaupun tanpa alasan yang munasabah akan menyebabkan ia akan menggambarkan *bad governance*, dengan izin terhadap kementerian dan juga kerajaan kita.

Saya juga ingin menyarankan bahawa jika perlu penyitaan hendaklah munasabah, kerana jika tidak munasabah akan ada *provision* di sini yang mengatakan bahawa jika penyitaan tersebut dilakukan tanpa sebab yang munasabah, maka kerajaan terpaksa membayar kos atau ganti rugi yang berbangkit disebabkan oleh penyitaan tersebut, jadi ini satu *proviso* yang ada dan memberikan amaran kepada pegawai kita supaya berwaspada, agar berhati-hati supaya tidak menyita sesuka hati dan dengan sewenang-wenangnya, *it is offensive*, dengan izin, kerana memudaratkan kepada beliau serta kepada kerajaan kerana akhirnya yang menanggungnya adalah kerajaan atas konsep *vicarious liability*, dengan izin, kerana kerajaan yang akan menanggungnya walaupun pegawai tersebut yang melakukannya. Saya rasa itu sahaja yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua di kesempatan yang ringkas ini, oleh itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

12.35 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian dan juga kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya rang undang-undang ini adalah lebih menyeluruh berkaitan perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan Malaysia yang menyediakan perkhidmatan bersepadu dan berhubung dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin serta pemerakuan bagi kawalan kepada import dan eksport tumbuhan, binatang, perkakas, ikan, keluaran pertanian, benih dan mikroorganisma termasuk pemeriksaan terhadap penguatkuasaan yang berhubung dengan makanan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional menjaga kebajikan rakyatnya, keseluruhan dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan selamat serta meningkatkan ekonomi negara ini. Ini adalah kerana rang undang-undang ini bukan sahaja menjaga keselamatan makanan kepada rakyat, malah ia juga pasti akan meningkatkan lagi sektor pertanian, perikanan, penternakan dan sektor-sektor yang berkaitan dengan negara ini. Kita sedia maklum dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita menjangkakan sektor pertanian ini dapat menyumbang sebanyak 6.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sering kita dengar berita-berita yang tidak enak berkenaan penyakit kepada sumber makanan yang diimport daripada luar negara terbaru iaitu E-coli berpunca daripada sebuah wilayah di Jerman yang telah menyebabkan lebih 35 kematian dan lebih 3,285 dijangkiti virus tersebut. Kemasukan bahan makanan atau kegunaan harian yang mengandungi bahan tambahan seperti DEHP atau *Plastic Additives*, bahan-bahan karsinogenik yang digunakan di dalam minuman dan makanan yang boleh membawa kesan buruk kepada kesihatan seperti barah dan sebagainya. Bahan-bahan untuk memastikan bahan-bahan tangkapan laut sentiasa segar dan sebagainya dan berita-berita ini telah menimbulkan keresahan, kekeliruan dan sebagainya di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat bandar yang lebih bergantung dengan makanan import jika dibandingkan dengan masyarakat luar bandar yang lebih bergantung kepada sumber setempat.

Justeru tindakan kerajaan dalam memperkenalkan akta ini memberi kesan yang positif kepada rakyat dan langkah mewujudkan suatu badan tunggal di Malaysia yang dinamakan sebagai Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia atau *Malaysia Quarantine Inspection Services (MAQIS)* sangat-sangat dialu-alukan oleh rakyat.

Agensi-agensi penguatkuasaan sebagai *one stop centre* di pintu masuk adalah trend di seluruh dunia, seperti *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ)* di China dan *Bureau of Animal and Plant Health Inspection and Quarantine* di Taiwan dan di Australia dinamakan sebagai *Biosecurity Group*.

Di sini saya ingin mengambil peluang membahaskan beberapa perkara yang saya anggap penting untuk diberikan perhatian. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin bertanyakan adakah kerajaan mempunyai standard piawaian penyimpanan tertentu untuk mengkuarantin hasil eksport dan import ini seperti makanan, binatang, benih-benih agar barang-barang tersebut tidak rosak dan menyebabkan kerugian kepada pihak berkenaan.

■1240

Yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak stesen kuarantin terutamanya untuk makanan dan ternakan ini. Stesen kuarantin ini memainkan peranan penting kerana jika penyelenggaraan yang tidak cekap boleh menyebabkan kerugian kepada pihak pengeksport dan pengimport. Contoh mengimport benih-benih ikan perlu tempat penyimpanan yang spesifik agar tidak rosak. Kegagalan penyelenggaraan stesen ini akan menyebabkan benih-benih ikan mati dan menyebabkan kerugian kepada pihak yang berkenaan atau adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan stesen kuarantin ini bagi memudahkan pengurusan.

Seterusnya isu pusat kuarantin perlu dijelaskan kerana ia melibatkan pentadbiran dan sebagainya atau adakah kerajaan mencadangkan untuk menswastakan pusat kuarantin ini untuk menambah kecekapan dari segi perkhidmatan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peningkatan eksport dan import negara serta dasar negara untuk dijadikan sebagai halal hab sejauh manakah MAQIS ini menyediakan mekanisme yang lengkap dalam memastikan produk-produk yang masuk ini menggalakkan industri makanan halal negara.

Yang ketiga berkaitan dengan MAQIS ini yang sebenarnya telah beroperasi semenjak 1 Ogos 2008 di 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin binatang. Saya ingin bertanya semenjak MAQIS beroperasi sejauh manakah agensi ini berkesan dalam melaksanakan tugas mereka. Berapakah jumlah kes-kes penangkapan dan pendakwaan berkaitan dengannya telah dicatat setakat ini. Adakah kes-kes yang melibatkan pesalah-pesalah dari luar negara? Sekiranya ada, berapa kes yang didakwa dan berapa kes telah dijatuhkan hukuman.

Yang keempat, kita juga meminta di sini agar dalam apa jua jawatan dalam MAQIS ini diharap kakitangan wanita janganlah dilupakan. Contohnya fasal 10 memperuntukkan bagi penubuhan jawatankuasa penyelarasan bagi maksud menyelaraskan perkara teknikal, saintifik, tatacara dan perkara-perkara berkaitan yang lain untuk memudahkan pelaksanaan akta.

Kita alu-alukan kementerian melantik wanita Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian ahli jawatankuasa kerana sudut pandangan wanita yang agak berbeza. Ini juga memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali semoga setelah rang undang-undang ini dikuatkuasakan ianya benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat dan dapat meningkatkan lagi industri pertanian di negara kita dengan menjamin keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

12.43 tgh.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana turut diberikan kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 bagi mewujudkan satu agensi atau badan tunggal perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, ikan dan keluaran pertanian dan mikroorganisma serta termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan berhubung dengan makanan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Saya ingin memuji langkah kerajaan untuk menubuhkan satu badan tunggal di Malaysia dinamakan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia atau *Malaysian Quarantine Inspection Services* (MAQIS) sebagai *one-stop centre* di pintu masuk negara sebagaimana yang telah diamalkan di kebanyakan negara masa kini seperti di Australia, China dan Taiwan.

Saya percaya MAQIS akan mampu memainkan peranan yang penting antaranya ialah bagi memastikan industri pertanian negara bebas dari ancaman perosak dan penyakit tumbuhan, binatang dan ikan melalui pemeriksaan dan kuarantin yang berkesan dan produk pertanian dan makanan yang diimport. Mematuhi aspek keselamatan, makanan dan kaitan manusia, binatang ikan dan tumbuhan melalui penguatkuasaan akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan serta membantu pengeksport dalam pematuhan syarat-syarat negara pengimport di samping menambahbaikkan sistem perkhidmatan kepada pelanggan.

Saya difahamkan secara pentadbirannya, MAQIS telah beroperasi menjalankan aktiviti kuarantin dan pemeriksaan di pintu masuk dan stesen kuarantin seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan semenjak 1 Ogos 2008 lagi iaitu 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin binatang.

MAQIS kini telah menyediakan perkhidmatan sehenti di setiap pintu masuk untuk aktiviti pemeriksaan dan pelepasan import dan eksport konsainan tumbuhan keluaran pertanian, mikroorganisma dan sebagainya serta penyeliaan rawatan, kuarantin dan perkhidmatan kuarantin binatang.

Operasi MAQIS masih belum mantap dari segi pentadbiran, penguasaan undang-undang walaupun kini beroperasi dalam ruang lingkup 5(5) akta di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Akta Kuarantin Tumbuhan 1979 (Akta 167), Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Akta Binatang 1953 (Akta 647), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49). Oleh itu saya yakin rang undang-undang yang diperkenalkan ini akan memantapkan dan memperkemaskan lagi operasi MAQIS serta mempunyai kuasa yang mencukupi untuk melaksanakan penguatkuasaan dan sebagainya bagi memastikan tumbuhan, binatang, ikan, keluaran pertanian, tanah dan makanan yang diimport dalam negara ini bebas dari serangga perosak, penyakit dan bahan tercemar bagi memastikan setiap makanan berkualiti untuk dimakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus merujuk kepada jadual pertama yang menyenaraikan lebih daripada 51 pintu masuk sama ada melalui air, udara, jalan darat dan jalan kereta api yang perlu dipantau. Tujuan utama rang undang-undang ini adalah untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan secara bersepadu perkhidmatan kuarantin pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk.

Stesen kuarantin dan premis kuarantin di seluruh negara sebagai contohnya dari Januari hingga Mac 2011 MAQIS, telah menjalankan pemeriksaan dan pelepasan konsainan import sebanyak 763,401, manakala bagi pemeriksaan dan pelepasan konsainan eksport sebanyak 50,325. Saya ingin mendapatkan penjelasan, pertama jumlah pemeriksaan kuarantin dan pengeluaran permit ikan hidup bagi tempoh yang sama dan sejauh manakah perkhidmatan yang diberikan menepati tempoh masa dan standard Piagam Pelanggan serta apakah langkah bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan agensi. Keduaanya apakah langkah MAQIS bagi menyediakan sistem maklumat dan pangkalan data yang lengkap bagi menyelaras segala aktiviti pemeriksaan dan kuarantin di pintu masuk dan stesen kuarantin.

Ketiga adakah agensi ini mempunyai sistem teknologi maklumat yang lengkap dan terkini bagi membolehkan pegawai penguat kuasa dapat merujuk dan mengenal pasti bahan-bahan atau barang-barang yang dibawa masuk ke negara ini secara lebih pantas dan tuntas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh fasal 1 rang undang-undang iaitu perkara 1(2) berhubung dengan tarikh kuat kuasa akta ini di mana Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlain bagi permulaan kuat kuasa peruntukan akta ini bagi negeri dan Wilayah Persekutuan.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya akta akan dikuatkuasakan mengikut tarikh yang berbeza antara negeri dan Wilayah Persekutuan.

■1250

Seterusnya, saya ingin menyentuh Bahagian II berhubung pelantikan ketua pengarah dan pegawai lain iaitu perkara 4(1) berhubung dengan pelantikan timbalan ketua pengarah kuarantin dan pemeriksaan. Sebelum ini, jabatan ini tidak wujud. Jadi dengan perwujudan jabatan ini saya percaya agensi ini akan dapat memainkan peranan yang lebih cekap dari segi perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan. Walau bagaimanapun, Jabatan Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Kuarantin dan Pemeriksaan adalah menjurus kepada operasi agensi ini dari segi kuarantin dan pemeriksaan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan akan diwujudkan atau diperuntukkan jawatan TKP Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bagi melicinkan aspek pentadbiran dan pembangunan sumber manusia di dalam agensi ini termasuk lain-lain khidmat pengurusan yang diperlukan oleh agensi ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik ingin menyentuh Bahagian III rang undang-undang ini berhubung dengan fungsi dan kuasa perkara 8(1) menggariskan sembilan fungsi ketua pengarah yang meliputi kuasa penguatkuasaan, mengeluarkan permit, lesen import dan eksport pengedaran semua tumbuhan, ikan dan sebagainya menubuhkan dan menguruskan sistem kuarantin serta lain-lain tugas ketua pengarah yang dinyatakan di klausa yang berkenaan. Bagi melaksanakan fungsinya, ketua pengarah juga diberi kuasa menurut perkara 9, dengan menggaris sembilan skop kuasa meliputi kuasa mengkuarantin dan memeriksa tumbuhan, binatang dan sebagainya. Memungut fi dan mengeluarkan permit lesen dan perakuan serta lain-lain peruntukan lainnya.

Saya dapati fungsi dan kuasa ketua pengarah ini amat luas. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji dengan lebih terperinci dari segi fungsi dan kuasa ketua pengarah ini, serta menyediakan garis panduan yang lebih terperinci dari segi pelaksanaan fungsi dan kuasa ketua pengarah ini, bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Saya juga berharap agensi ini akan mengisi kekosongan apa jua jawatan dengan segera bagi memastikan perjalanan dan pentadbiran agensi ini berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara 4 iaitu mengenai Jawatankuasa Penyelaras bagi kuarantin dan pemeriksaan, perkara 10(4), anggota Jawatankuasa Penyelaras. Saya ingin mencadangkan agar wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) turut menganggotai jawatan penyelaras ini bagi memastikan penyelaras yang lebih menyeluruh dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan khususnya bagi melindungi pengguna.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh tentang keupayaan agensi dalam menjalankan analisis teknikal dalam perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan khususnya dalam menjalankan analisis bioteknologi bagi mikroorganisma. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah keupayaan agensi ini dari bidang teknikal dan kemudahan makmal untuk menganalisis sama ada bahan yang dibawa masuk ke dalam negara ini selamat daripada serangga perosak, penyakit atau bahan tercemar terutama buah-buahan dan bahan makanan.

Kedua, sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan dari segi larangan membawa jambu batu, mangga, kuini dan bacang serta bahan-bahan dan produk pertanian dari Thailand ke negara ini khususnya dari aspek kuarantin dan sebagainya serta memandangkan Malaysia adalah merupakan 20 negara perdagangan yang paling aktif di dunia, jadi apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan keupayaan teknikal dan kepakaran penganalisis agensi ini terutamanya di pintu-pintu masuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkara 45 tentang penalti am yang menyebut tiada penalti diperuntukkan dengan khusus. Walau bagaimanapun, ia tidak melebihi RM100,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya. Dalam konteks ini, saya mencadangkan agar jumlah penalti yang lebih tinggi dikenakan umpamanya RM250,000 selari dengan hukuman penjara yang dikenakan.

Selain itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan meneliti tentang keperluan bagi kerajaan untuk menetapkan jumlah penalti minimum bagi memastikan kesalahan tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Berhubung dengan perkara 46(1), tentang peruntukan pengkompaunan kesalahan iaitu tidak melebihi 50 peratus daripada amaun maksimum denda. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya peruntukan ini disediakan. Sedangkan kerajaan begitu komited dan bersungguh-sungguh untuk memastikan binatang, ikan, makanan dan sebagainya selamat kepada pengguna negara ini dan menghalang kemasukan serangga perosak ke negara ini dan boleh menjejaskan industri pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang implikasi kewangan kepada kerajaan bagi pelaksanaan rang undang-undang ini. Saya agak terkilan kerana di akhir rang undang-undang berhubung dengan implikasi kewangan ini telah dinyatakan bahawa kerajaan tidak dapat menentukan jumlah atau amaun perbelanjaan wang tambahan bagi pelaksanaan MAQIS sedangkan MAQIS telah pun beroperasi semenjak tahun 2008 lagi dan telah mengenal pasti pintu-pintu masuk negara.

Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menjelaskan anggaran perbelanjaan yang dijangka dan diperlukan bagi menguruskan MAQIS dan segala perbelanjaan berkaitan bagi memastikan tabir urus kewangan secara telus, berhemah dan berjimat-cermat bagi mengelakkan pembaziran dan penyelewengan dana kerajaan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

12.58 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010.

Terdapat beberapa isu yang ingin saya kemukakan kepada pihak kerajaan. Yang pertama berkaitan dengan di bawah fasal kedua memberitahu bahawa undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini tidak meliputi Akta Makanan. Saya hendak tanya, apakah rasional apabila kita menyebut tentang Akta Makanan kerana di bawah antara maksud undang-undang ini diperkenalkan ialah untuk menggabungkan sebagaimana jadual ketiga yang menyebut undang-undang berterusan yang berkaitan juga melibatkan Akta Makanan di para yang keempat. Jadi sekiranya makanan ini bukan terletak di bawah akta ini, apakah akta yang akan meliputi keselamatan makanan dan juga kuarantin makanan yang akan dijadikan satu spesifikasi ke negara.

Ini kerana kita difahamkan melalui jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan baru-baru ini berkenaan apabila ditanya tentang liputan ataupun hasil daripada nuklear. Setakat ini sejauh manakah negara kita mengamalkan sistem kuarantin dan saya difahamkan bahawa setakat ini belum ada lagi tahap merah yang diperkenalkan untuk barang-barang makanan ataupun bahan buah-buahan yang dibawa masuk ke negara kita. Jadi saya hendak tahu di manakah akta yang menjaga keselamatan makanan tadi. Ini yang pertama.

Yang kedua berkenaan dengan apabila disebut bahawa kita akan memperkasakan perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan Malaysia ini bahawa kita menggunakan akta ini. Jadi saya hendak tahu, setakat ini apakah perancangan kerajaan dan apakah status pegawai-pegawai penguat kuasa yang berada di seluruh Malaysia. Berapa jumlah mereka dan selepas daripada rang undang-undang ini diluluskan, berapa jangkaan kerana kita luluskan banyak undang-undang tetapi kalau tidak ditambah pegawai dengan bajet tertentu ianya tidak akan menjadi satu perkara yang memberikan *effect* kepada kerajaan dan juga pada masyarakat. Adakah pegawai-pegawai ini cukup, walaupun kita difahamkan bahawa ketua pengarah boleh melantik mana-mana pegawai awam untuk menjadi penguat kuasa untuk mereka bertugas. Satunya di pintu masuk. Yang keduanya, di premis-premis yang dikuarantin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa cukup Yang Berhormat boleh sambung nanti perbahasan pada sebelah petang.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut catatan di sini Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz baru mula berucap sebentar tadi, boleh sambunglah. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyambung semula perbincangan. Berkaitan dengan ciri yang sama tadi, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah cara guna tenaga pegawai-pegawai daripada pelbagai jabatan yang telah diletakkan di bawah kuarantin ini ataupun di bawah MAQIS sebagaimana yang telah pun dilaksanakan sebelum ini? Setakat ini berapa orang yang telah diambil ataupun diberi kuasa lantikan secara bertulis oleh mana-mana jabatan dalam melaksanakan tugas-tugas MAQIS yang telah pun dibuat sebelum ini?

Saya juga hendak bertanya pihak kerajaan berkenaan dengan peralatan atau pengimbas ataupun sebarang alat yang digunakan untuk memastikan kuarantin ini dijalankan di semua pintu masuk. Ini kerana sebagaimana yang kita ingat sebelum ini, banyak pintu masuk yang mempunyai pengimbas atau pun alat-alat untuk *scan*, kebanyakannya mempunyai masalah dari sudut fungsinya. Jadi, adakah dengan pelaksanaan rang undang-undang pada hari ini, ini menjamin bahawa keseluruhan peralatan di seluruh 53 kawasan ini akan dipantau secara keseluruhan? Apakah jaminan kerajaan bagi memastikan kesemua peralatan ini benar-benar berfungsi kerana fungsi kuarantin ini adalah untuk menjaga keselamatan. Jadi, kalau alat-alat ini tidak dijaga dengan baik atau dipantau dengan baik, adakah ianya akan memberi kesan kepada kuarantin secara keseluruhan?

Begitu juga apabila disebut tentang 53 tempat kuarantin yang ada di seluruh negara. Sebagaimana yang telah pun kita khawatiri sebelum ini, sekiranya yang masuk itu memang melalui pintu-pintu masuk secara legal atau secara sah, kita lihat mungkin masalah ini dapat diatasi. Akan tetapi bagi negeri-negeri yang berada di sempadan, sebab negeri luas, kebanyakannya perkara-perkara atau item-item yang terlibat dalam kes-kes kuarantin ini akan dibawa masuk khususnya seperti ikan, benih ikan dan sebagainya melalui pintu-pintu masuk secara haram.

Jadi, saya hendak bertanya pihak kerajaan, bagaimanakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan segala apa yang masuk ke negara kita sama ada secara legal atau sah ataupun secara tidak sah ini akan dipantau secara berterusan dengan menambahkan pegawai atau dengan meletakkan pos-pos sementara, makmal-makmal atau premis-premis kuarantin untuk sementara. Ini bagi memastikan keseluruhan kawasan sempadan negara kita ini akan dapat kita kawal, khususnya untuk memastikan bahawa segala benda yang patut di kuarantin ini mendapat pengawalan yang secukupnya.

Begitu juga dengan kepentingan kuarantin ini kepada rakyat. Setakat ini kita lihat dalam kes yang melibatkan negara-negara luar khususnya Australia. Bila mana mereka melaksanakan apa-apa tuntutan kuarantin, kerjasama daripada rakyat kita lihat amat baik. Begitu juga dengan pelancong-pelancong asing yang masuk melalui pintu masuk negara mereka kerana mereka ini diberi penerangan yang meluas tentang apakah impak atau kesan kepada rakyat berkaitan perkara-perkara ini sekiranya mereka ini tidak di kuarantin. Jadi, dalam negara kita ini, kita lihat ianya berlaku hanya secara berkala ataupun mengikut keadaan sahaja. Tidak ada penerangan atau pendidikan secara berterusan yang dibuat bagi memastikan rakyat memahami implikasi sekiranya berlaku. Kalau kita lihat dalam kes, contohnya H1N1 atau pun *E.coli* seperti mana yang disebut sebelum ini, sekiranya ada kes melibatkan kematian barulah orang ramai akan buka mata.

Akan tetapi dalam kes-kes biasa, sebelum kes itu mendapat liputan meluas dari segi akhbar, jarang kita lihat diberikan taklimat ataupun penerangan khusus daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bagi memastikan perkara-perkara yang melibatkan kuarantin ini diperjelaskan kepada rakyat dengan secara yang lebih baik. Saya juga hendak bertanya pihak kerajaan, daripada peruntukan yang dikemukakan terdapat denda berbentuk wang ringgit ataupun penjara yang disebut tetapi sekiranya ini melibatkan binatang-binatang eksotik yang telah pun dipindahkan, dibawa masuk ataupun dibawa keluar, ianya mungkin melibatkan harta yang beratus ribu, mungkin juga berjuta.

Jadi dalam konteks ini adakah pihak kerajaan merancang untuk sampai membuat hukuman untuk tahap menyita. Bukan menyita barang yang dijumpai tetapi juga menyita harta yang diperolehi dari hasil daripada perdagangan yang melibatkan perkara-perkara yang telah pun kita kuarantinkan ini. Berkaitan dengan perkara ini juga, saya hendak bertanya sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini berkenaan dengan kos penyelenggaraan barang-barang yang telah disita atau telah di kuarantin itu sekiranya ia didapati tidak salah dan dilepaskan kembali. Ini kerana kita lihat dalam beberapa seksyen menyebutkan bahawa terdapat beberapa item sekiranya ia dilucut hak, tuannya minta kembali, kerajaan akan lepaskan kembali, jadi kos dari sudut penyimpanan khususnya benih-benih ikan atau perkara-perkara yang sensitif. Adakah kos ini akan ditanggung oleh pihak yang memiliki barang ataupun oleh pihak kerajaan? Siapakah yang akan menanggung kos-kos ini?

Saya juga hendak bertanya pihak kerajaan berkenaan dengan piagam *user friendly* ataupun mesra pelanggan. Sekiranya kita hendak menggalakkan para pengimport, para pengeksport ataupun ejen akan memastikan mereka ini mendapatkan lesen atau permit daripada kementerian, khususnya bagi maksud rang undang-undang ini. Apakah piagam-piagam baru yang akan diperkenalkan bagi memudahkan mereka ini berurusan niaga?

Ini sebab kita lihat dalam banyak kes yang melibatkan lesen ataupun permit, kebanyakannya orang ramai enggan untuk berurusan kerana faktor-faktor birokrasi dan *red tape* yang berlaku begitu banyak dan menyusahkan. Jadi, saya minta jaminan pihak kerajaan agar perkara ini diberikan perhatian yang khusus.

Berkaitan dengan seksyen 6 yang menyebutkan bahawa antara kuasa oleh Ketua Pengarah ialah untuk melantik secara bertulis mana-mana pegawai awam. Saya juga hendak tahu di sini setakat manakah kuasa ini boleh dibuat, berapa ramai yang boleh diambil dan pegawai-pegawai daripada jabatan manakah yang boleh menjadi pegawai penguat kuasa bagi maksud akta-akta ini? Ini sebab yang kita lihat berkaitan dengan akta ini, ada enam akta lain yang berkaitan. Adakah hanya yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun boleh juga dipanjangkan ke agensi-agensi lain? Di bawah seksyen 9, khususnya di bawah maksud 9(e) iaitu mendaftarkan semua pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan.

Saya hendak bertanya pihak kerajaan adakah ini juga akan melibatkan penjual, pengimport, pengeksport, ejen? Jadi, sekiranya barang-barang yang di kuarantin ini telah terlepas di pintu atau di makmal tetapi didapati dijual di mana-mana *supermarket*, *hypermarket* ataupun kedai, adakah mereka ini juga dikehendaki untuk didaftarkan di bawah seksyen ini bagi maksud sebagai ejen yang terlibat? Ini kerana perkara ini penting kerana banyak juga perkara-perkara walaupun kita kata telah dibuat pemantauan sebelum ini oleh pihak kerajaan, mungkin terlepas sehingga kepada peringkat untuk jualan ataupun untuk pameran di bahagian-bahagian yang seterusnya ataupun melibatkan *direct* kepada orang ramai. Melibatkan seksyen 29(3) yang menyebut, "*Sekiranya melebihi tempoh satu bulan, mana-mana barang yang disita itu disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan tender daripada tarikh penyampaian notis.*"

■1440

Adakah pelucutan hak ini akan dibuat secara automatik atau akan dimaklumkan dulu secara notis kepada pemunya yang memiliki barang-barang yang telah disita? Dalam seksyen 3, ada menyebut tentang takrif "burung" iaitu burung mempunyai erti sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953. Akan tetapi bila kita teliti balik semua akta ini, saya tidak menjumpai di mana-mana tempat yang menyebut tentang kes-kes burung ini ataupun melibatkan sebarang kuarantin tentang burung. Adakah ianya dimasukkan ataupun apa benda yang menyebabkan terpaksa letak perkataan "burung" di bawah seksyen takrifan di bahagian fasal 3.

Yang terakhir saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, kita difahamkan dalam beberapa tahun lepas banyak barang-barang yang kita hantar untuk tujuan eksport ke luar negara tidak melepasi piawai EU dalam kes pengimportan ikan kalau tidak silap saya.

Jadi saya hendak tahu perkembangan berkenaan dengan ini, jika sekiranya itu yang mereka *targetkan* kepada kita untuk kita pastikan dapat memenuhi piawaian mereka, adakah kita dapat *gather something* daripada tindakan mereka itu yang hari ini diambil tindakan oleh pihak kerajaan agar tidak timbul lagi isu-isu yang melibatkan barangan kita tidak melepasi kuarantin-kuarantin yang ditetapkan oleh khususnya pihak EU ataupun pihak pengimport daripada negara lain.

Setakat ini daripada 53 jumlah stesen kuarantin yang telah pun dibina oleh pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi stesen-stesen baru khususnya di negeri Kelantan yang mempunyai kawasan yang agak luas dari segi persempadanan bagi memastikan segala item-item yang telah pun disebutkan akan dapat betul-betul di kuarantin dan dijalankan melalui pemeriksaan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

2.42 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada akta ini, sebanyak 63 muka dan melihat fasal sebanyak 50 fasal lebih, ianya sudah tentu baik, tujuan jelas, saya sokong akta ini. Cuma melihat secara *detail*, saya ada banyak soalan yang berlegar di kepala saya untuk bertanya. Pertama, saya lihat pintu air dan pintu-pintu masuk sama ada di pelabuhan, udara atau tempat-tempat yang lain terlalu banyak. Saya kata untuk pelabuhan ada lebih kurang 100, *airport* sahaja di Semenanjung ada 17, Sabah dan Sarawak juga ada. Akan tetapi akta ini adakah boleh pertama, mencukupi prasarana tempat-tempat tersebut?

Jangan kita ghairah hendak buat akta sahaja tetapi prasarana tidak lengkap. Maksudnya pejabat, pegawai, adakah mencukupi? Ianya sebab saya lihat sekarang ini pun banyak tempat pintu air, pintu masuk, *airport, port and land* tidak cukup pegawai, tidak cukup pejabat, tidak cukup alat-alatan prasarana. Jadi sesuai dengan akta yang baru hendak diterjemahkan, hendak dibuat *so* kita kena buat juga prasarana yang mencukupi.

Kedua, sudah tentu ianya berkembang hasil ekonomi negara yang lebih baik. Jadi adakah kementerian bercadang hendak tambah lagi? Kalau hendak tambah lagi, di mana, bila dan saya lihat juga pegawai-pegawai yang ada amat sedikit. Sebagai contoh, pegawai pasukan teras ada sepuluh sahaja, hendak buat macam mana, cukup atau tidak cukup?

Pegawai penguatkuasa ada 443 sahaja, pegawai pusat pemeriksaan ada 53 sahaja. Akta ini besar, bukan kecil, akta ini merupakan jiwa dan roh baru kementerian supaya lebih efisien, lebih cekap, lebih terarah. Jadi saya syorkan supaya pegawai-pegawai baru hendaklah diambil, ditambah dan yang pentingnya diberi latihan. Tidak sesuai kalau kita mempunyai pegawai-pegawai yang tidak cekap, tidak terlatih, *so* saya mengesyorkan agar semua pegawai dilatih, yang baru dilatih, yang lama juga dilatih. Adakan jadual berkala untuk latihan mereka, barulah efisien dan cekap.

Saya lihat ini penting sebab ada satu lagi saya hendak beritahu, ada pintu-pintu masuk baik di darat mahupun di pelabuhan ada yang uzur dan perlu diganti baru, itu perlu ambil ingatan. Kedua, saya telah melihat kuasa Ketua Pengarah fasal 8, fasal 9, kuasa pengarah terlalu luas. Saya tak bercadang hendak baca satu persatu kerana panjang-panjang, luas dan lebar. Apa yang saya hendak timbulkan, adakah kuasa yang terlalu banyak itu, bolehkah Ketua Pengarah menjalankannya sebab bila baca (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan seterusnya, amat luas dan amat banyak. Mampukah Ketua Pengarah? Saya tidak mahu Ketua Pengarah sahaja sains, tandatangan sahaja hasil daripada pegawai yang hantar kepada Ketua Pengarah. Jadi kuasa Ketua Pengarah hendaklah dibahagi-bahagikan kepada ketua-ketua bahagian atau Timbalan Ketua Pengarah, barulah kerja yang hendak dibuat teratur.

Saya lihat bukan sahaja di luar, bahkan permit, bahkan import, bahkan lesen, import, eksport, semua Ketua Pengarah. Jadi saya hendak beritahu ini mendedahkan Ketua Pengarah itu kepada gejala rasuah, gejala tidak sihat.

Bukan saya hendak tuduh, sebab saya kata demikian kerana ia secara langsung akta yang luas ini, kuasanya kepada Ketua Pengarah menjadikan gejala-gejala yang tidak sihat berlaku. Saya hendak syorkan supaya diincikan semula, supaya Ketua Pengarah tidak banyak sangat tanggungjawab dan kuasanya. Saya takut pertama, tidak mampu.

■1450

Kedua, salah guna kuasa. Itu fasal 8 dan fasal 9. Jadi saya syorkan selain daripada bagi-bagikan, apa salahnya kita punya satu *Board*, satu Majlis untuk memperincikan bidang kuasa Ketua Pengarah supaya tidak disalahgunakan.

Bahagian IV, penguatkuasaan pegawai-pegawai. Saya syorkan semua pegawai diberi latihan yang cukup, yang sempurna baik di dalam negeri ataupun di luar negeri. Ini kerana kita punya pendedahan, banyak barang pertanian, makanan, haiwan, hasil laut dan sumber-sumber lain bukan hanya terdapat dalam negara kita sahaja bahkan kita import daripada luar negara. Jadi, saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai kita kenal pasti produk dan hasil daripada luar. Jangan terima, jangan kenal pasti bila hendak periksa sahaja. *So*, kita kena hantar mereka ke luar negara bagi mendapatkan pengalaman dan ilmu yang cukup.

Saya juga menyokong permit yang akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha. Akan tetapi, janganlah bayarannya tinggi, mahal dan tidak mampu. Satu lagi, saya lihat akta ini juga mengenakan bayaran denda yang banyak dan tinggi iaitu RM150,000 dendanya tinggi, tidak padan. Walaupun mungkin ada keputusan mahkamah di bawah daripada itu. Akan tetapi saya hendak bercakap tentang tingginya denda yang hendak dibuat. Itu kena kaji balik.

Satu lagi, saya cadangkan kepada pengusaha-pengusaha dalam bidang berkenaan ternakan, makanan, binatang yang terlibat di sini, kena juga fahami undang-undang ini, kena juga fahami akta ini. Tidaklah elok kalau kita tangkap pengusaha yang salah guna permit, yang tidak faham akta ini, tidak faham undang-undang ini, langsung kita tangkap dan penjarakan mereka.

Saya syorkan supaya pengusaha-pengusaha termasuk juga pengimport dan pengeksport sebelum dia dapat lesen dia kena *attend*, kena hadir kursus undang-undang dan fahami akta ini. Adalah tidak adil dan adalah zalim namanya kalau kita tangkap dia, denda dia tanpa dia mengetahui akan kandungan akta ini. *So*, lebih baik mereka faham kandungan akta ini sebaik-baiknya.

Kedua, saya juga faham tujuan akta ini digalakkan untuk import makanan lebih baik, eksport lebih baik, tinggikan produk pertanian, makanan supaya negara dapat lagi hasil yang lebih baik. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya diwajibkan mereka yang terlibat dengan bidang pertanian, ternakan haiwan, hasil laut, karkas dan sebagainya, kena menjalani kursus juga.

Satu lagi yang saya nampak ialah akta ini berkaitan juga dengan undang-undang bertulis Jadual 3, seksyen 3 iaitu:

- (i) Akta Binatang 1953 (Akta 647);
- (ii) Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167);
- (iii) Akta Kemajuan Lembaga Ikan Malaysia 1971 (Akta 49);
- (iv) Akta Makanan 1983 (Akta 281);
- (v) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141); dan
- (vi) Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Ini akta-akta yang lama tetapi ada kaitan yang jelas dengan akta baru ini. Saya difahamkan untuk semua akta ini menjadi satu, tidak lagi berpecah-pecah. Apa pun, kita kena buat kursus juga kepada pegawai, pengarah dan semua yang terlibat di dalam yang saya baca tadi agar dia faham.

Ini supaya apabila akta ini dibuat dan dikuatkuasakan, jangan ada pegawai-pegawai dalam FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan atau akta-akta lain yang tidak faham. Ini kerana dengan tentera pun satu ketika dahulu boleh bergaduh. Sekarang sudah baik. Jadi, akta-akta ini sangat-sangat berkaitan. Saya hendak minta supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memanggil semua pegawai yang berkenaan dan terangkan fungsi mereka. Kaitan yang macam mana yang dinyatakan sebagai kaitan? Apa yang berkait dan apa yang tidak ada kait. Apa yang penting, apa yang lama, apa yang baru, kena terang. Kalau tidak terang, mereka jadi tidak faham.

Akhir sekali, saya menyokong akta ini. Cuma, saya hendak bertanya, bila tarikh kuat kuasa hendak dimulakan supaya jangan ada pertindihan antaranya? Ada lagi yang tidak jelas antara bidang kuasa negeri dengan wilayah. Apa, hendak buat macam mana? Kena jelas termasuk Akta Makanan. Kenapa tidak dimasukkan di sini, kenapa ditinggalkan begitu sahaja? Sedangkan makanan terlibat dalam akta ini. Kenapa hendak dibiarkan? Jadi tidak selari, tidak nampak macam sepadu. Tidak kemas sedikit. Keseluruhannya okey tetapi Akta Makanan tidak dimasukkan jadi tidak okey. Jadi kena buat okey. Okey itu maknanya sempurna. Jadi saya mencadangkan dan menyokong akta ini dengan sedikit perubahan kepada teguran-teguran saya sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

2.58 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya juga masa untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang dihormati sekalian, saya melihat rang undang-undang ini sebagai suatu langkah proaktif kerajaan ke arah memajukan bidang pertanian dengan mewujudkan transformasi daripada bidang berproduktiviti rendah kepada berproduktiviti tinggi dengan mengguna pakai aplikasi teknologi tinggi dan juga canggih. Ini adalah antara perubahan paradigma yang mesti dilakukan untuk mencapai apa yang digariskan dalam Model Ekonomi Baru (MEB) dan saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri-menterinya sekali.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sekalian, kita juga telah tahu mengenai sejarah kerana kesan kemasukan penyakit dan perosak-perosak dari luar negara sebelum ini dan bagaimanakah cara untuk kita menanganinya?

■1500

Saya merasakan bahawa kementerian perlu tegas daripada segi pelaksanaan dan pematuhan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan, serta memperakukan dalam perdagangan import produk pertanian di pintu-pintu masuk bagi memastikan pengimportan berkenaan menepati syarat-syarat import kualiti dan standard yang ditetapkan dan seterusnya terjamin dari segi keselamatan dan kesihatan terhadap tumbuhan, haiwan, ikan dan manusia. Pegawai yang bertugas perlulah mahir dan mengetahui teknikal dan biologikal isu berkaitan dengan tumbuhan, binatang, ikan, karkas, keluaran pertanian dan mikro organisma dan juga makanan.

Saya ingin mencadangkan agar seperti rakan-rakan saya bercakap tadi, pegawai haruslah diberi latihan yang lengkap, kursus pendedahan secara saintifik bagi menambah pengetahuan teknikal, belajar daripada negara seperti Jepun, Australia, New Zealand yang memang mempunyai undang-undang kuarantin unggas dan organisma yang cukup ketat. Contohnya, jika di New Zealand jika terdapat seekor semut pun ianya bakal didenda jika ditemui di dalam beg pakaian di pintu masuk.

Kerjasama erat juga perlu di antara agensi dan penguatkuasaan seperti di Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dan Kementerian Kesihatan bagi sektor pertumbuhan dan tanaman dan Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, dan Kementerian Kesihatan bagi sektor perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan bagi sektor ternakan. Soalan saya, setakat manakah tahap kerjasama antara jabatan bagi subsektor berlainan contohnya FAMA bagi pertanian, LKIM bagi perikanan, kerana saya melihat pengetahuan pegawai dan sikap saling bantu-membantu dan kerehnan birokrasi memberi impak pada pemantauan di pintu masuk sempadan.

Pertindihan aktiviti, pemprosesan ke atas dokumen dan *consignment* dan kekurangan dalam penyelarasan pengeluaran lesen atau permit import dan eksport dan pengambilan sampel untuk ujian dijalankan secara berasingan sering kali berlaku. Soalannya, bagaimanakah kementerian bercadang mengatasi isu ini? Ini kerana ianya bercanggah dengan hasrat kerajaan dalam MEB dengan inisiatif *delivery system* yang efisien serta mengurangkan kerehnan *red tape* dan birokrasi. Saya amat menyokong langkah mewujudkan agensi penguatkuasaan sebagai *one-stop centre* di pintu-pintu masuk kerana iaitu adalah satu trend yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Saya juga ingin tahu berapakah pusat pemeriksaan dan stesen kuarantin binatang yang bakal ditambah? Saya juga ingin tahu berapakah jumlah akta yang terlibat di dalam rang undang-undang ini? Berapakah jumlah terkini pegawai penguat kuasa pemeriksa dan kakitangan sokongan daripada Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, FAMA dan LKIM yang bertugas di pintu masuk dan stesen kuarantin yang telah dipindahkan secara pentadbiran ke MAQIS, dan diturunkan kuasa di bawah akta-akta berkaitan.

Saya juga ingin tahu bagaimana bentuk kerjasama dengan Kementerian Kesihatan daripada segi bantuan pegawai, dari segi pengimportan pemakanan seperti yang termaktub di bawah Akta Makanan 1983 untuk menjalankan pemeriksaan makanan di pintu-pintu masuk negara bagi membantu pegawai dan agensi subsektor Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini. Berapakah jumlahnya setakat ini, misalnya isu radiasi makanan di dalam tin yang diimport dari Jepun yang perlu mempunyai kelulusan bebas daripada radioaktif sebelum ini dibenarkan dipasarkan di negara kita?

Saya juga ingin tahu adakah MAQIS akan hanya bertindak sebagai jabatan pelaksana dan penguatkuasaan ataupun di bawah rang undang-undang ini anggota MAQIS bakal diberikan peranan yang lebih besar seperti pemeriksaan dokumen dan fizikal *consignment*, pemeriksaan bagasi, pengeluaran permit dan lesen pensampelan dan pengkuarantinan penyeliaan rawatan kuarantin di pintu masuk dan pendakwaan. Adakah terdapat perbezaan masa kini dan selepas rang undang-undang ini dilaksanakan dari segi pemeriksaan dan kuarantin bagi Semenanjung dan Sabah dan juga Sarawak? Mengapa ianya terjadi dan adakah kementerian bercadang supaya MAQIS dapat beroperasi dengan *full capacity* dan *power* di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pewujudan MAQIS dan sekali gus akan dapat menyumbangkan kepada penambahbaikan di dalam sistem penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan kepada pelanggan dan seterusnya mempermudah khususnya urusan yang berkaitan dengan pengimportan dan pengimportan produk pertanian dan juga makanan. Maka dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terakhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

3.05 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Pada dasarnya saya menganggap bahawa rang undang-undang ini adalah suatu yang baik kerana memang perlu kita mengawal atau menyekat kemasukan yang terlalu mudah barang-barang yang disebutkan dalam senarai di sini ke dalam negara. Dalam pada itu saya juga ada sedikit kebimbangan terhadap satu/dua perkara dan kebimbangan inilah yang saya hendak kemukakan.

Kebimbangan yang pertama ialah sejauh manakah kita dapat mengawal sekira berlakunya korupsi dalam sekatan ini. Ini kerana saya lihat kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah bukan sahaja luas bahkan terlalu kuat nampaknya, kerana dia boleh memungut fi atau apa-apa caj yang lain yang difikirkan patut. Ini berkaitan dengan 9(c), jadi dia boleh memungut fi yang difikirkan patut. Jadi yang difikirkan patut itu boleh menimbulkan kemungkinan untuk berlakunya korupsi sekiranya tidak dapat dikawal. Soalnya ialah bagaimana umpamanya kita dapat mengawal kuasa yang terlalu luas kepada Pengarah ini? Salah satu caranya ialah memulangkan kuasa ini kepada Menteri. Akan tetapi sebenarnya saya tidak bersetuju sangat tentang segala-gala kuasa dipusatkan kepada Menteri. Ini telah saya timbulkan dalam rang undang-undang yang lain sebelum pada ini.

Jadi satu cara yang baik saya fikirkan ialah bahawa bukan sahaja mesti ada laporan-laporan tertulis yang diserahkan kepada pihak kementerian tentang apa sahaja fi dan caj yang dikenakan dari semasa ke semasa, tetapi mesti juga ada pemantauan yang halus, yang rapi dari pihak kementerian tentang apa sahaja fi dan caj yang dikenakan oleh Ketua Pengarah itu.

Sehubungan ini, saya ingin juga menyebut tentang seksyen 9(i). Di sini disebutkan bahawa untuk menolak kemasukan di pintu masuk apa-apa tumbuhan dan sebagainya dan semua sekali. Jadi ertinya ada kuasa, memang sewajarnya untuk menolak kemasukan barang-barang yang dimasukkan itu. Akan tetapi ada kemungkinannya bahawa seseorang itu membawa masuk atau mengimport barang yang sedikit dan dilakukannya kerana tidak mengetahui undang-undang atau tidak mengetahui kesalahan untuk membawa masuk barang-barang tersebut.

Dalam hal ini saya ketahui bahawa *ignorance of the law* tidak bererti boleh menjadi alasan untuk tidak dihukum. Apa yang saya maksudkan di sini ialah bahawa dalam kes seumpama ini mesti jelas bahawa ada kemungkinan tidak berlakunya tindakan-tindakan yang *arbitrary* terhadap orang-orang yang seperti itu. Ini juga ada kaitannya dengan apa yang saya sebutkan dalam 9(c) tadi, bukannya saya tidak percaya misalnya bahawa pegawai-pegawai terutama sekali Ketua Pengarah adalah seorang pegawai yang amanah. Bukan saya tidak percaya ada kemungkinannya pegawai-pegawai yang amanah.

■1510

Akan tetapi kita harus berhati-hati dan bukan sahaja perlu misalnya mengawasi dan memantau apa yang dilakukan. Bahkan perlu juga kita memberikan latihan-latihan dan pengajaran-pengajaran yang menimbulkan kesedaran tentang apakah kemungkinan korupsi yang boleh berlaku supaya semua itu dapat dielakkan kerana memungut *charge* dan *fee* itu. Hal ini melibatkan soal yang arbitrari tadi bukan sahaja dia menentukan apa yang hendak dikutip tetapi juga boleh menimbulkan korupsi tadi. Jadi bagi saya, yang penting ialah supaya kita memastikan tidak berlaku atau paling minimum berlakunya korupsi dalam pengurusan dan pelaksanaan undang-undang ini.

Kemudian saya ingin berpindah kepada seksyen 18(2). Ini adalah berkaitan dengan kuasa penangkapan pegawai penguat kuasa. Memandangkan pegawai penguat kuasa diberikan kuasa siasatan dan penangkapan seperti juga pihak polis, maka adalah wajar jika pegawai penguat kuasa juga tidak misalnya diberi kuasa hanya untuk membawa orang yang ditahan itu ke balai polis yang berdekatan, kemudian diambil tindakan sewajarnya. Sebaliknya oleh kerana kuasa menangkap itu oleh pegawai-pegawai penguat kuasa ini hampir sama dengan kuasa yang ada pada polis, maka apa yang dilakukan atau dikehendaki oleh undang-undang polis melakukan seharusnya juga dikenakan ke atas pegawai-pegawai ini.

Maksud saya ialah bahawa kalau dalam peraturan undang-undang biasanya polis yang menahan seseorang mesti membawanya ke mahkamah dalam tempoh 24 jam, maka orang yang ditahan oleh penguat kuasa ini juga harus diberikan ruang untuk memastikan bahawa yang ditahan itu akan dibawa ke mahkamah dalam tempoh 24 jam untuk ditentukan sama ada dia di reman ataupun dibebaskan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 21. Seksyen 21 menyatakan bahawa sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walaupun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya ataupun dalam permohonan bagi waran itu. Banyak disebutkan di situ tentang kecacatan. Saya bimbang sekali tentang perkara ini kerana kalau waran yang banyak cacat diterima, ia seolah-olah serupa dengan tidak perlu waran sama sekali. Jadi apakah tujuan seksyen ini? Saya berpendapat bahawa ia lebih baik ditinggalkan sahaja kerana kalau tidak nanti, berbagai-bagai alasan akan dikemukakan untuk menahan seseorang yang didasarkan semata-mata kepada waran yang cacat.

Jadi ini juga memberi, misalnya, ruang kepada sesetengah pegawai untuk bertindak dengan cara yang sambil lewa. Tidak mahu memastikan bahawa waran tangkap yang dikeluarkan itu adalah sesuatu yang betul-betul diteliti dan hati-hati disediakan supaya unsur-unsur kecacatan itu tidak berlaku. Jadi sehubungan ini saya ingin mengesyorkan sebenarnya adalah lebih baik seksyen ini digugurkan sahaja sekiranya ia tidak diperbaiki sesuai dengan asas-asas keadilan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ingin saya mengambil perhatian juga kepada pihak kementerian selepas selesai membaca tadi seksyen 21 ini, cara *drafting* itu saya rasa memang sudah pun sedikit mengelirukan. Elok sekiranya sesuatu undang-undang itu kalau sebaik-baiknya hendaklah senang dan difahami oleh semua orang. Kalau kita amati seksyen 21 ini, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Syed Husin ini ada kebenarannya. Saya minta penjelasan nanti kalau boleh pihak kementerian dengan ada pegawai-pegawai di sini tolong sikit. Ini kerana perkataan-perkataan ini kalau terlalu panjang pun mengelirukan juga.

Elok dibuat sesuatu. Ini undang-undang. Undang-undang yang mana rakyat senang memahami. Jangan terlalu panjang dan mengelirukan. Cuba baca seksyen 21 itu dan saya minta diproses dan diringkaskan supaya senang orang faham. Itu sebabnya dalam mana-mana satu undang-undang, undang-undang itu baik tetapi *a bad law* dia kata. Undang-undang yang tidak begitu jelas. Elok sekiranya dari segi kalau ada pakar-pakar perundangan dalam kementerian, cuba kaji balik dan bawa ke sini. Jelaskan kepada Dewan supaya ringkas dan senang difahami. Sekian, terima kasih. Kerana sudah ada lapan orang membahaskan tadi, kita ada banyak rang undang-undang saya kalau boleh kita teruskan kepada rang undang-undang seterusnya. Sebelum itu saya minta pihak Menteri menjawab. Silakan.

3.17 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010.

Isu-isu yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani amat menghargai pandangan dan teguran daripada Yang Berhormat termasuklah yang telah disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi iaitu penjelasan kepada perkara-perkara yang masih kurang jelas perlu diberi perhatianlah. Jadi saya akan ambil kira semua benda itu dan hendak memastikan supaya rang undang-undang ini bila dilaksanakan, ia akan dapat memberi faedah kepada rakyat negara kita dan menjaga keselamatan dari segi pemakanan dan juga hal-hal lain yang berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat tadi ada juga yang kadang-kadang bila Yang Berhormat bertanya itu, dia *overlap*, sudah ditanya dan diulang. Jadi kalau benda-benda itu saya sudah sentuh. Apabila saya sebut perkara-perkara itu terlebih dahulu, jadi bila sampai masa Yang Berhormat itu mungkin saya tidak sebut lagi. Jadi maknanya dikira saya sudah menjawabnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap telah menyentuh mengenai pemakaian rang undang-undang ke Sabah dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah menyentuh mengenai rasional rang undang-undang dikuatkuasakan melalui tarikh yang berbeza di negeri dan Wilayah Persekutuan yang berlainan. Pada masa ini, rang undang-undang ini tidak akan dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak tetapi ia akan dikuatkuasakan di Semenanjung. Contohnya Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 telah berkuat kuasa pada tahun 1971 tetapi pemakaiannya di Sarawak hanya pada tahun 1973 iaitu dua tahun kemudian dan di Sabah pada tahun 1995. Bagi Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1997 (Akta 10) telah berkuat kuasa di Sabah pada tahun 1993 tetapi sehingga kini di Sarawak masih belum lagi. Rasionalnya rang undang-undang ini dikuatkuasakan melalui tarikh yang berbeza di negeri dan Wilayah Persekutuan yang berlainan adalah seperti berikut.

■1520

Pertama, ketidaksediaan kerajaan negeri menerima pakai rang undang-undang ini sebagai contoh di negeri Sabah mempunyai ordinan tersendiri untuk mengawal selia perkara berhubung dengan kuarantin dan isu penyelidikan infrastruktur dan juga logistik.

Kedua yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan integriti pegawai MAQIS. Integriti pegawai MAQIS akan dipertingkatkan dengan mengadakan latihan yang diwajibkan kepada semua pegawai. Di antara latihan yang akan dijalankan atau yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- (i) latihan di Institut Integriti Malaysia;
- (ii) latihan di INTAN;
- (iii) latihan di IKIP; dan
- (iv) latihan oleh SPRM iaitu berhubung dengan masalah rasuah yang dibangkitkan oleh pegawai berkenaan dengan salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai kemungkinan yang ada termasuklah Ketua Pengarah yang dibangkitkan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah telah membangkitkan berkenaan standard piawaian kuarantin. Jabatan Perikanan telah menetapkan piawaian kuarantin berasaskan kepada piawaian antarabangsa seperti *Office of International Cooperation and Exchange* (OICE) di bawah *World Trade Organization* (WTO). Cadangan tambahan pusat kuarantin elak kerosakan bahan benih ikan juga dicadangkan. Jabatan Perikanan membolehkan pengimport dan pengeksport pemilik kemudahan kuarantin dan perlu diperakui oleh Jabatan Pusat Kuarantin Swasta ini perlu mencapai tahap piawaian yang ditetapkan oleh jabatan. Pegawai Jabatan Perikanan akan mengeluarkan sijil kesihatan pada pengimport.

Perkara yang ketiga yang dibangkitkan adakah kerajaan akan membuka lebih stesen kuarantin ini. Sehingga hari ini, tidak ada cadangan untuk mewujudkan stesen kuarantin haiwan yang baru.

Keempat, adakah kerajaan akan menswastakan pusat kuarantin. Kerajaan tidak bercadang setakat ini, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan stesen kuarantin haiwan memandangkan penubuhan stesen kuarantin tertakluk kepada Akta Binatang 1993. Apakah standard piawaian untuk eksport? Bagi pengimport haiwan hidup ternakan, perkara yang perlu ialah keperluan dalam protokol import perlu dipatuhi berdasarkan negara iaitu negara yang kita import. Yang ada kuarantin perlu dilaksanakan di stesen kuarantin kerajaan bagi di antara tujuh hingga 21 hari mengikut spesies haiwan. Ada yang tujuh hari, ada yang 21 hari. Ikut spesies, ya. Ujian saringan penyakit akan dijalankan di stesen kuarantin kerajaan untuk tujuan pemantauan penyakit. Keempat, persijilan pelepasan kuarantin akan dikeluarkan setelah tamat kuarantin dan tempoh dan tiada tanda-tanda penyakit kepada haiwan ternakan.

Keenam, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah berapakah jumlah kes penangkapan dan tindakan yang diambil oleh MAQIS setakat ini. Setakat sekarang ini, kes-kes hukuman dan mahkamah yang dikendalikan oleh jabatan dan agensi mengikut akta masing-masing.

Sebelum ini kita tidak ada MAQIS, ia dibuat oleh agensi-agensi yang berkenaan untuk DBS, Jabatan Veterinar tahun 2009 ada 10 kes. Dendanya adalah RM6,300. Pada tahun 2010 kita ada 10 kes dengan denda RM11,000, tahun 2011 sehingga Jun ada empat kes dengan dendanya RM3,900. Untuk perikanan eksport, import ikan hidup adalah masih di bawah seksyen 40, Akta Perikanan 1985. Kesemua kes setakat ini hanya diwartakan kompaun dan tiada lagi kes yang dihadapi. Belum ada kes yang dihadapi di mahkamah. Statistik di bawah seksyen 40, Akta Perikanan adalah sebanyak 50 kes daripada tahun 2008 hingga 2011.

Yang Berhormat juga membangkit berkenaan dengan soal halal. MAQIS mengambil peranan yang penting dalam mengusahakan dan memastikan produk halal ke negara ini untuk mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Pemeriksaan dijalankan di pintu masuk dan bagi memastikan produk adalah seperti keperluan JAKIM mengikut dokumen yang diperlukan.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat ada membangkitkan beberapa perkara yang pertama dicadangkan diwujudkan jawatan Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran untuk Sumber Manusia. Cadangan ini akan diambil kira apabila penubuhan MAQIS. Pewujudan jawatan ini adalah sesuatu yang lazim dengan penubuhan sesuatu jabatan kerajaan. Memanglah sekarang ini semua jabatan kita ada. Jadi tidak payah perlu bimbanglah.

Kedua, cadangan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dikaji semula. Ini banyak yang telah dipertanyakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kuarantin pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk di stesen kuarantin dan premis serta pemerakuan bagi import dan eksport tumbuh-tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah-tanah, mikroorganisma.

Oleh yang demikian, Ketua Pengarah hanya menjalankan fungsi dan kuasanya – walau bagaimanapun yang dibenarkan di bawah rang undang-undang ini. Cadangan yang ketiga ialah mencadangkan anggota Jawatankuasa Penyelaras bagi kuarantin dan pemeriksaan terdiri daripada wakil-wakil daripada kementerian dan juga agensi lain.

Cadangan ini akan diambil kira dan akan dimaklumkan dan diambil perhatian kepada Yang Berhormat Menteri dan kita akan melantik wakil-wakil daripada agensi yang berkaitan. Keupayaan analisis dan teknikal oleh MAQIS. Bagi maksud analisa yang lebih terperinci, MAQIS akan mengambil sampel dan akan mengemukakan kepada agensi dan jabatan yang berkaitan untuk mendapat pengesahan bagi sampel-sampel berikut.

Ia mengikut agensi-agensi yang berkaitan. Mungkin daripada Jabatan Kesihatan, daripada jabatan-jabatan lainlah yang terlibat. Bukan sahaja di bawah Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani.

Kelima, cadangan untuk mengadakan penalti minimum bagi peruntukan penalti am. Bagi fasal 45 rang undang-undang, peruntukan bahawa denda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali. Tiada jumlah minimum diperuntukkan bagi penalti ini. Oleh kerana perkara ini terletak kepada budi bicara mahkamah untuk menetapkan penalti sebagaimana ianya tidak melebihi jumlah yang telah ditetapkan. Rasional mengadakan peruntukan-peruntukan kompaun.

Peruntukan kompaun dalam rang undang-undang ini adalah untuk kesalahan tertentu yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah fasal 49 rang undang-undang. Ini adalah untuk membolehkan kesalahan tersebut diambil tindakan tanpa perlu dibuat tindakan pendakwaan.

Ketujuh, rasional - Kompaun diberi bagi satu kompaun yang tidak melebihi 50 peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan yang dilakukan. Ini adalah perkara yang ketujuh yang dibangkit oleh Yang Berhormat. Kompaun amaun sedemikian merupakan amalan yang diguna pakai dalam kebanyakan undang-undang yang sedia ada. Kebanyakan implikasi kewangan – kenapa implikasi kewangan tidak dinyatakan secara khusus. Ini perkara yang kelapan yang dibangkitkan. Implikasi kewangan MAQIS hanya akan dapat ditentukan secara khusus apabila tertubuhnya MAQIS.

Ini kerana buat masa ini perbelanjaan pegawai, agensi dan jabatan yang telah ditetapkan dibiayai dan dibayar oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Sekarang ini ada pegawai MARDI, ada pegawai Jabatan Perikanan, ada pegawai daripada FAMA dan semua mereka ini dibayar oleh agensi-agensi masing-masing. So, maka itu kita tidak dapat lagilah memberi satu jawapan yang pada Dewan pada hari ini.

■1530

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ada membangkit banyak perkara juga. Pertama, ialah berkenaan dengan Akta MAQIS atau makanan dikecualikan daripada Akta MAQIS ini, kenapa? Isu keselamatan makanan adalah terangkum di bawah Akta Makanan 1983 iaitu Akta 281. Oleh yang demikian, apabila wujud isu berkaitan dengan keselamatan, isu ini hendaklah diuruskan oleh Akta 281 dan bukan di bawah rang undang-undang ini. Maknanya, masih di bawah Kementerian Kesihatan. Ini kerana rang undang-undang ini mengiktiraf kepakaran dari segi keselamatan makanan yang berada di bawah Kementerian Kesihatan yang merupakan *stakeholder* bagi perkara keselamatan makanan dan juga kementerian yang menguatkuasakan Akta 281.

Apakah status dan bilangan pegawai penguat kuasa? Sejumlah 438 pegawai daripada jabatan dan agensi terlibat dalam penguatkuasaan. Pertama DOA, di Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani kita ada 212 orang, Jabatan Perikanan – 43 orang, Jabatan Veterinar – 121 orang, FAMA ada 25 orang, LKIM ada 37 orang dan pegawai khas ada 10 orang. Walau bagaimanapun jumlah ini akan kita tambah selepas ini. Jadi, apabila ia hendak dilaksanakan, memanglah ada pegawai-pegawai yang akan ditambah selepas ini...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan.

Saya hendak tanya berkaitan sebagai contohnya, kalau seperti kita lihat pintu-pintu masuk lapangan terbang akan ada kuarantin tentang buah-buahan. Jadi, dalam kes itu, ia akan melibatkan pegawai penguat kuasa daripada MAQIS ini ataupun diambil pegawai penguat kuasa daripada Kementerian Kesihatan? Itu yang saya hendak faham dari segi bidang kuasa.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Perkara ini, kuasa telah diperturunkan kepada pegawai kita iaitu kuasa Menteri Kesihatan. Jadi, ia akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai daripada MAQIS iaitu seperti buah-buahan dan sebagainya. Yang Berhormat juga membangkit berkenaan kos penyimpanan bagi barang-barang yang dikuarantinkan, ditahan. Ini ditanggung oleh pengimport, bukan oleh kerajaan.

Kedua, apakah kerajaan akan membina stesen kuarantin tambahan. Ini saya sudah jawab tadi. Ketiga, kemasukan secara haram benda-benda yang sepatutnya dikuarantin seperti benih ikan dan sebagainya. Kemasukan secara haram benih-benih ikan tanpa melalui pintu masuk sempadan yang sah, sekiranya ditahan, ditangkap, pesalah akan didakwa di bawah seksyen 40 Akta Perikanan 1985. Pertama, boleh ditawarkan kompaun, dihadapkan ke mahkamah dengan denda tidak lebih daripada RM1 juta atau RM20,000 untuk tempatan atau penara selama dua tahun. Benih ikan boleh dirampas. Seperti biasalah kita lihat bagaimana rampasan, kalau tidak melalui ini, melalui jalan-jalan, lorong-lorong tikus ini di sepanjang – bukan sahaja di Kelantan, tetapi di Sarawak. Di sana lagi banyak jalan-jalan seperti ini.

Yang Berhormat juga bertanya, apakah perkembangan status dan tindakan kerajaan dalam menangani masalah yang berkaitan dengan melepasi piawaian EU. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport seperti EU, Australia, USA dan juga negara China. Jabatan telah membuat peraturan yang berkaitan dan telah pun digazet pada tahun 2010. Buat masa ini, pihak *Food and Veterinary Officer* daripada EU telah mengaudit Jabatan Perikanan dan Malaysia telah dibenarkan untuk mengeksport ikan yang dikeluarkan dari ladang-ladang dan *vessel* yang diluluskan oleh pihak jabatan.

Pada hari ini, 4 Julai 2011, pihak EU melawat semula semua pengauditan ladang-ladang ikan hiasan bagi tujuan eksport ke EU. Maknanya, kita sentiasa ada pemantauan dengan pihak EU dan sekarang ini kita telah melepasi piawaian yang telah ditetapkan, semua ikan-ikan kita boleh sekali lagi dieksport ke EU.

Yang Berhormat juga bangkit berkenaan pelucutan di bawah – Apa ini? Saya pun tidak boleh baca pegawai saya tulis ini... [Ketawa] Fasal 29, risalah pindaan rang undang-undang sama ada dibuat dengan automatik atau dengan notis. Kementerian saya ini banyak sangat agensi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ia bercelaru sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Fasal 29(2) rang undang-undang memperuntukkan bahawa, "*Perintah bagi pelucutan hak tumbuhan, binatang, perkakas ikan, keluaran pertanian, tanah tanih, mikroorganisma atau benda lain hendaklah dibuat jika...*" Apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Dibuktikan bahawa sesuatu kesalahan dibuat di bawah akta yang dilakukan. Namun demikian, jika tiada pendakwaan dilakukan, maka tumbuhan, binatang tersebut disifatkan terlucut hak apabila tamat. Saya pun tidak dapat baca kadang-kadang. Saya minta maaf. Sekejap lagi saya terangkan di luar.

Yang Berhormat Senator juga tanya saya sama ada terdapat hukuman untuk menyita harta daripada hasil perdagangan ini. Rang Undang-undang MAQIS tiada peruntukan hukuman untuk menyita harta daripada hasil perdagangan ini. Ini mungkin untuk pengedar dadah sahaja. Kita belum sampai ke tahap itu.

Kos penyelenggaraan bagi barang-barang yang disita. Di bawah peruntukan fasal 31, mana-mana tumbuhan, binatang, ikan dan lain-lain yang telah disita sementara menunggu penyelesaian prosiding kos untuk memegang dalam jagaan hendaklah sekiranya mana-mana orang disabitkan atas kesalahan menjadi hutang yang dikenakan bayaran kepada kerajaan. Maknanya dia pun perlu bayar, orang yang kena dakwa itu membayar. Ini bahasa *lawyer* semua.

Seterusnya, Yang Berhormat banyak tanya saya ini iaitu berkenaan dengan tafsiran burung. Perkataan burung ditakrifkan kerana perkataan burung terdapat dalam takrif binatang. Fasal 2 rang undang-undang ini dicatatkan binatang sebagai mempunyai erti yang sama yang diberi di bawah Akta Binatang 1993, Akta 674 yang termasuk burung. Oleh yang demikian, perkataan burung yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah termasuk burung. Yang Berhormat *lawyer* faham agaknya.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga bertanya berkenaan dengan jabatan, seperti doktor ini pegawai saya tulis, saya pun tidak boleh baca – Yang boleh dilantik oleh MAQIS...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlu beritahu pegawai itu tulis elok-elok sedikit... [Ketawa]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya sudah beritahu. Seperti doktor dia tulis. MAQIS boleh mengambil mana-mana pegawai yang layak termasuk pegawai-pegawai daripada Kementerian MOA selaras dengan fasal 61 rang undang-undang ini. Bagaimana kerajaan – saya ingat Yang Berhormat, yang lain-lain saya beri secara bertulis. Saya tidak boleh baca dia tulis ini. Nanti saya beri. Kalau saya baca ini, nanti lambat orang lain. Jadi, saya akan beri Yang Berhormat secara bertulis. Boleh diterima ya?

Sahabat saya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar bertanya cadangan menyatukan semula akta di bawah kementerian. Rang undang-undang ini adalah hanya untuk perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk stesen kuarantin, premis kuarantin, perakuan bagi import dan eksport tumbuhan makanan, karkas ikan dan sebagainya.

■1540

Rang undang-undang ini perlu dibaca bersama dengan undang-undang yang berkaitan sebagai tambahan. Bilakah dikuatkuasakan? Di bawah fasal 1, 2... apakah ia ini?... [Ketawa] Menentukan tarikh kuat kuasa – saya tidak dapat bacalah Yang Berhormat. Saya beri jawapan bertulislah. Pegawai saya, saya sudah kata tadi, mereka tulis atau tidak..., saya minta maaf.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada pegawai, tidak boleh jawabkah?... [Ketawa]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya tidak tahu. Lagi saya hendak jawab, lagi silap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Perlu tahu.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Spesifik bila hendak dikuatkuasakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jangan bergantung pada jawapan bertulis sahaja... [Ketawa]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tidak. Ada benda yang saya boleh jawab. Ada benda yang saya tidak boleh jawab. Kalau saya was-was, saya tidak boleh jawab. Saya perlu beri jawapan bertulis. Nanti saya beri...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Allah!

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Fakta yang tidak betul, itu salah bagi saya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Lain kali pegawai perlu tulis terang-terang.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, izinkan saya memberikan pandangan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Rang undang-undang ini akan jadi satu undang-undang.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita membahaskannya dan saya minta kerjasama pegawai-pegawai juga mengikutinya dengan penuh teliti dan memberikan bantuan kepada Menteri atau Timbalan Menteri untuk mudah beliau memberikan jawapan. Kalau agaknya itu untuk membantu, itu tugas pegawai-pegawai daripada kementerian. Ini kerana kalau Yang Berhormat tidak memberikan jawapan dan Ahli Yang Berhormat rasa tidak bersetuju, bermakna agaknya tidak ada faedahnya kita membahaskan isu ini.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak berapa dapat ini. Akan tetapi oleh kerana perkara ini perkara yang spesifik, saya tidak boleh beri jawapan yang tidak betul...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, saya akan berikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Faham. Saya faham Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah maksudnya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Okey Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan beri secara bertulis berkenaan dengan bila ia dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya. Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati, apakah undang-undang yang terlibat dalam rang undang-undang ini? Undang-undang yang terlibat dalam rang undang-undang ini ialah akta-akta yang telah disebutkan tadi iaitu Akta Binatang 1993, Akta Kuarantin 1976 dan akta-akta yang telah disebutkan tadi dalam mukadimah semasa Menteri saya membuat pembentangan tadi.

Setakat manakah kerjasama antara agensi di pintu masuk. Untuk pengetahuan, memanglah di bawah Kementerian kita agensi-agensi memang bekerjasama dengan erat tetapi kadang-kadang sebelum penguatkuasaan dibuat, tugas dan tanggungjawab itu memanglah ia *overlap*. Berapakah kakitangan yang dipindahkan ke MAQIS? Jadi Yang Berhormat, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan dengan perkara-perkara yang spesifik ini.

Jadi, berkenaan dengan Dato' Syed Ibrahim bertanya berkenaan rang undang-undang ini sama ada peruntukan ini boleh diringkaskan iaitu 21 ini saya akan beri secara *detail*lah berkenaan dengan perkataan-perkataan yang mengelirukan itu. Jadi, kita akan dapat penjelasan yang sejelas-jelasnya. Berkenaan dengan yang mungkin yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya minta pegawai-pegawai juga, berkenaan undang-undang, cuba lihat seksyen 20 dan seksyen 21.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Seksyen 20 menyebut penggeledahan dan penyitaan tanpa waran. Seksyen 21, waran geledah, a *search warrant*, dengan izin. Bermakna kalau sekiranya ada apa-apa kecacatan, bermakna waran itu walaupun *defective, can be accepted into court*, dengan izin. Ia daripada segi undang-undang keterangan, *evidence*, ia tidak ada beri makna langsung. *So*, dalam perkara ini, *this is a serious matter*.

Saya harap pegawai-pegawai ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui undang-undang, cuba tafsirkan perkataan di seksyen 20, dan seksyen 21 itu. Seksyen 20 itu *clear, very clear*, tanpa apa-apa pun boleh jalankan. Akan tetapi seksyen 21 itu, ada waran geledah tetapi kalau waran itu *defective*, tidak cacat segala-galanya, boleh pula diterima. Itu susah juga orang hendak terima dalam undang-undang, dalam mahkamah pun bahawa *that is a law of evidence*, dengan izin. Itu saya minta tolong sedikit, *otherwise* esok, diketawakan oleh orang undang-undang seperti ini.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa, memang saya minta..., perkara ini tolong. Ada atau tidak pakar undang-undang daripada Kementerian?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Kita ada, kita punya pakar, penasihat undang-undang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta tolonglah pegawai undang-undang itu kaji balik atau *refer to your AG Chamber's whatever it is, what is the rational* itu. Saya hendak tolong bentang kepada Dewan ini dengan jelasnya supaya kita yakin undang-undang itu dapat diluluskan dengan *clear*, dengan izin.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Kalau tidak ada keberatan, saya setuju dengan cadangan itu. Mungkin kita *drop* dahulu perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Kita, untuk tujuan... memudahkan supaya tidak ada kecacatan, supaya kita boleh luluskan rang undang-undang ini, jadi, perkara itu kita gugurkan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu betul Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau lihat rasional seksyen 21 tadi, kalau sekiranya seolah-olah..., tidak ada waran geledah pun. Pasal seksyen 20 sudah *clear* dah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya setuju...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada waran geledah pun, tidak ada *defective*, so, tidak ada beri maknalah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: So, saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya tolonglah – ini bukan saya. Itu terpujang pada Dewan.

Dewan yang memikirkan seluruhnya. Saya hanya memberikan bantuan dan bimbingan dalam kepakaran saya dan juga apa yang saya fikirkan patut, kerana saya pun terlibat meluluskan sesuatu rang undang-undang itu. So, saya minta pegawai undang-undang rujuk semula secepat mungkin sebelum kita luluskan ataupun kita luluskan dengan syarat ataupun ...

Pada pandangan saya sekarang ini, apa yang dicadangkan tidak ada..., saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat semua tolong memberikan pandangan sedikit sebelum kita luluskan rang undang-undang ini.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan sedikit panduan. Jadi, saya juga melihat di bawah seksyen 21 ini waran boleh diterima walaupun cacat dan ayat yang lebih menyedihkan ialah, "*Walau apa-apa kecacatan*" yang disebutkan sebegini, "*Kesilapan atau peninggalan dalamnya...*". Jadi, ini macam hendak buat waran atau tidak waran salah macam mana pun itu semua jalan juga. Jadi, tidak ada gunalah kita buat waran. Saya mencadangkan pada Dewan agar sebagaimana cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita...

Tuan Yang di-Pertua: Gugurkan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Gugurkan yang ini supaya akta ini boleh diluluskan sebab ini akan menyebabkan masalah di mahkamah bila mana menyebabkan prosedur dan daripada segi macam mana kita hendak terima *evidence* ini dalam mahkamah...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Maijol, *what is your views*, dengan izin?

Datuk Maijol Mahap: Kalau saya baca Tuan Yang di-Pertua, ia punya inti itu, *even if the warrants is defective, the evidence Tuan Yang di-Pertua, to be obtained through the effective warrant, is still admissible in the court. So...*

Tuan Yang di-Pertua: *Do you agree that* kita gugurkan...

Datuk Maijol Mahap: *Well...* Saya kadang-kadang...

Tuan Yang di-Pertua: *We must read together*, dengan izin Yang Berhormat. Baca sekali dengan seksyen 20. Cuba kita baca kalau dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysianya. Betul daripada segi penterjemahan tetapi seolah-olah seksyen 20 mengatakan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran, bukan ditambah waran apa-apa pun *you* boleh ambil tindakan sewajarnya. Akan tetapi seksyen 21, waran geledah yang dikeluarkan di bawah akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walaupun apa-apa kecacatan. Itu meleret-leretlah itu. So, dengan izin baik tidak perlu ada pun waran geledah. Ini pada pandangan saya. So, ini Dewan bagaimana?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memang dari awal tadi menyatakan bahawa perkara ini patut digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah faham. Yang Berhormat punya pendirian, saya sudah dengar tadi dah. Yang Berhormat boleh duduk.

Dr. Syed Husin Ali: Jadi, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada kawan-kawan yang lain kerana..., soal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soal individu. Ini soal undang-undang yang kita akan guna pakai pada masa-masa akan datang. Sesiapa sahaja boleh membaca undang-undang ini dan apabila bertentangan dengan Yang di-Pertua, seolah-olah agaknya kita meluluskan undang-undang yang tidak begitu kemaslah.

Seorang Ahli: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Kita buat keputusan. Siapakah yang bersetuju digugurkan peruntukan ini? Akan tetapi *to be fair*, dengan izin kepada kementerian, saya minta tolong Dato' Wira Mohd. Johari agaknya boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatkan draf, kerana kalau dalam undang-undang ini, kepada *drafting*, apakah sebenarnya tujuan Parlimen apabila ada sesuatu keraguan? Ini daripada segi undang-undang. Kalau peguam, macam peguam tanya dalam mahkamah, kekeliruannya itu, hakim itu akan bertanya, apakah sebenarnya tujuan Parlimen buat undang-undang ini di sini? So, sekarang ini kita membahaskan hal ini dan kita sendiri pun agaknya keliru. Oleh sebab itu kekeliruan ini wajar kita selesaikan sebelum ia dapat kita luluskan. Itu tujuan saya.

■1550

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini, saya serah pada Dewanlah oleh kerana saya kena tunggu kepada pegawai saya berkenaan dengan penjelasan itu. Sama ada apa yang dimaksudkan...

Tuan Yang di-Pertua: Beginilah, saya mengambil keputusan kita tangguhkan topik itu sahaja. Saya minta Yang Berhormat hubungi pihak pegawai yang *drafting* itu, kemudian nanti apabila kita balik kepada situ, kita hanya untuk meluluskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nyatakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Adakah masalah ini timbul di Dewan Rakyat sewaktu dibahaskan?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, biar saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan saya...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Beri saya jawab sekejap.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, bagi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi ini ada jawapan. Bagi waran, boleh diterima walaupun cacat sebagai yang terdapat dalam fasal 21 rang undang-undang ini merupakan peruntukan yang *standard* bagi hal perkara ini yang terdapat dalam undang-undang yang sedia ada yang lain. Memang *standard*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham. Undang-undang Yang Berhormat...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ini memang *standard*. Ini memang dirujuk kepada pihak *AG Chambers*. Ini memang undang-undang yang *standard* yang ada dipakai oleh lain-lain agensi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat ulas balik apa dia penerangan itu.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Peruntukan mengenai waran boleh diterima walaupun cacat...

Tuan Yang di-Pertua: Waran penggeledah?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, waran menggeledahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh diterima?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Sebagai yang terdapat dalam fasal 21 rang undang-undang. Ini merupakan peruntukan yang *standard*, yang biasa bagi hal-hal perkara ini yang terdapat dalam undang-undang yang sedia ada yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Lain yang mana Yang Berhormat?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Maknanya dalam...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ada contoh?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Fasal 21 dan 22 merupakan peruntukan yang jelas bagi waran yang cacat. Peruntukan ini juga telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dewan Rakyat, Dewan Rakyat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, ya, saya faham. Saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Dewan Negara.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya faham. Akan tetapi ini kalau ikut dalam jawapan daripada pihak PUU (penasihat undang-undang) sayalah. Ini adalah standard yang diguna pakai untuk rang undang-undang yang lainlah.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Penjelasan Yang Berhormat itu saya rasa tidak tepat. Rang undang-undang itu, setiap *bill* undang-undang itu ada dia punya tafsirannya dari segi rang undang-undang berkenaan. Setiap rang undang-undang itu tidak boleh berkait dengan rang undang-undang lain. Tiap-tiap satu undang-undang itu, itulah undang-undangnya. Jadi dia tidak boleh dikaitkan dengan rang undang-undang yang lain. Tafsiran kalau di *check* mula sampai ke akhir, di sinilah letaknya undang-undang yang berkenaan.

Satu, *one package*. Sudah itu kalau sekiranya rang undang-undang yang ini 'A', tidak boleh sama dengan rang undang-undang 'B'. Itu sudah salah itu, tidak betul dari segi tafsiran undang-undang. udah itu sekarang ini, yang jadi permasalahan ialah seksyen 20 *very clear*. *You* baca dalam Bahasa Malaysia dan baca dalam bahasa Inggeris, *is very clear*. Penyitaan dan penggeledahan tanpa waran. Penggeledahan pun tidak perlu waran dan penyitaan tanpa waran, *clear*. Akan tetapi ada pula fasal 21, waran geledah tetapi walaupun apa-apa kecacatan. Maknanya tidak perlu. Seolah-olah kalau begitu maknanya *you don't have any* waran geledah.

Sudah itu sekarang ini saya fikirlah untuk jalan – penjelasan yang diberi apa pun saya rasa tidak tepat. Jadi untuk menyelesaikan masalah ini, buat seketika kita tangguhkan seksyen ini sahaja dan sama ada perlu digugurkan ataupun dikekalkan. Jikalau dikekalkan rasanya majoriti, tidak tahulah pada..., bukan saya bercakap ini, Yang Berhormat semua tentukan, sama ada adakah perlu digugurkan ataupun tidak...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk seksyen ini saya rasa ada tiga kaitan. Pertama mengenai seksyen 19(1), seksyen 20 dan 21. Yang pertama berkenaan penggeledahan dan penyitaan dengan waran. Seksyen 20 penggeledahan tanpa waran. Jadi yang ketiga ini waran boleh diterima walaupun cacat. Ini berkaitan dengan seksyen 19 kemungkinan.

Di dalam konteks ini saya rasa kemungkinan yang perlu kita batalkan ataupun kita gugurkan adalah dengan, "*walaupun apa-apa kecacatan, kesilapan ataupun peninggalan dalamnya*" kerana ini amaunnya begitu tinggi. Kita boleh terima waran yang silap tetapi tidaklah dengan perkataan "*walaupun apa-apa kecacatan*" bagi saya. Ini lebih signifikan dari sudut impak kepada hakim dalam memutuskan apa-apa waran dalam mahkamah sama ada sah atau tidak sah penangkapan itu dibuat ataupun penyitaan itu dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat ya? So, untuk jalan penyelesaian itu, kita ambil pandangan Yang Berhormat Mumtaz tadi. Jangan gunakan perkataan "*walaupun apa-apa kecacatan*".

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Kita boleh *drop* perkataan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mumtaz, *can you rephrase*, dengan izin?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Cuma saya rasa sekarang ini untuk masalah penggubalan ayat ini, *wording* ini, perlu diputuskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun juga daripada pihak AG sendiri. Kita cuma tidak berkenan dengan ayat itu.

Saya minta pihak kerajaan kaji balik perkataan yang sesuai kerana mungkin kalau kita cadangkan mungkin ada implikasi lain. So, pihak yang berkenaan kena ambil kira pandangan ini dan buat sementara ini digugurkan supaya tidak mengelirukan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat boleh terima Yang Berhormat. Jadi kita tengok perkataan yang sesuai dan terima cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba cari perkataan yang lebih sesuai sejajar dengan untuk mempraktikkan akta ini ataupun rang undang-undang ini.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1600

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

4.03 ptg

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28) adalah suatu akta yang dikuatkuasakan untuk melarang pendaftaran atau pelesenan sesuatu perniagaan yang menganjurkan atau berniat untuk menganjurkan perniagaan pelaburan wang kutu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Akta ini juga melarang penganjuran rancangan perniagaan yang juga dikenali melalui pelbagai nama kutu, *cheetu*, *chit fund*, *hwei* atau *tontine*. Pindaan kepada Akta 28 yang dicadangkan sebagaimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 adalah khusus kepada seksyen 3 akta tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan peruntukan hukuman denda dan hukuman penjara yang sedia ada. Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 yang dibentangkan pada hari ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Manakala fasal 2 pula bertujuan untuk memperkenalkan pindaan kepada seksyen 3 dengan meningkatkan hukuman denda dari RM5,000 ke RM500,000 dan hukuman penjara dari tiga tahun ke sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada seksyen 3 dibuat memandangkan hukuman sedia ada tidak berupaya untuk membendung perniagaan Skim Kutu yang berniat untuk menawarkan pelaburan wang kutu kepada orang ramai. Di samping itu juga, hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah yang berasaskan akta sedia ada tidak dapat memberi *message* yang tepat kepada masyarakat berhubung keseriusan dan kesalahan jenayah di bawah seksyen 3, Akta 28. Peruntukan yang sedia ada adalah tidak memadai dan mencukupi bagi maksud untuk menghukum pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan dan melanggar seksyen 3, akta tersebut. Denda yang sedia ada adalah terlalu rendah dan ia merupakan denda yang dikenakan semenjak tahun 1971 sehingga kini. Kebanyakan kes yang didakwa memperlihatkan penipuan yang melibatkan kepentingan orang, *public interest*, dengan izin, yang menjadi mangsa penipuan tersebut.

Oleh yang demikian, hukuman lebih berat akan bertindak sebagai amaran kepada bakal penggiat skim kutu dan ia dijangka berfungsi sebagai satu kaedah pembanterasannya, *deterrent* dengan izin, kesalahan penipuan skim kutu ini.

Aduan dan pertanyaan mengenai skim-skim kutu yang dijalankan menunjukkan peningkatan lima kali ganda dalam tahun 2010 berbanding tahun 2009. Sebagai contoh pada tahun 2009 sebanyak enam kes dilaporkan manakala dalam tahun 2010 sebanyak 25 kes dilaporkan kepada SSM. Daripada laporan yang diterima juga jelas menunjukkan bahawa penggiat skim kutu telah mula berjinak-jinak dalam alam siber untuk menjalankan kegiatan mereka di mana pada tahun 2010 jumlah aktiviti skim kutu atas talian secara *online* telah meningkat kepada lima kes berbanding satu kes pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 2010 sahaja SSM telah mengambil tindakan mahkamah terhadap lima individu yang melibatkan dua perniagaan bagi kesalahan di bawah Akta 28 ini.

Dalam kes pertama, tiga individu telah didakwa di Mahkamah Majistret Tangkak dan telah disabitkan hukuman denda RM4,000 setiap orang. Ketiga-tiga mereka telah didakwa menjalankan perniagaan menganjurkan pengumpulan wang kutu yang dikenali sebagai Program Taawon melalui perniagaan yang telah didaftarkan di SSM di atas nama *Grand Merger Network and Services*.

Dalam kes kedua, dua individu telah didakwa di Mahkamah Majistret Shah Alam bagi kesalahan yang sama dan didakwa menjalankan perniagaan menganjurkan wang kutu yang dikenali sebagai Program Ekspres melalui perniagaan yang telah didaftarkan di SSM di atas nama *World Heritage Resources*. Melihatkan kepada kes-kes yang dinyatakan sebentar tadi jelas bahawa pindaan ini diyakini mampu memenuhi keperluan semasa yang mana aktiviti yang melibatkan penganjuran wang kutu yang mengutip pelaburan daripada orang awam boleh dikawal dan dibendung dari terus berleluasa dan memberi impak negatif terhadap aspek ekonomi dan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: [*Bangun*]

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

4.09 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini saya rasa pindaannya ringkas dan *simple* sahaja iaitu kita hendak mengenakan denda daripada RM5,000 ke RM500,000 dan penjara tiga ke sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada latar belakangnya aktiviti mainan kutu ini popular dengan pelbagai nama seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan dianjurkan secara kecil-kecilan di kalangan masyarakat di negara kita semenjak dahulu lagi. Sistem kutu ini dengan cara dikumpulkan wang dari kalangan kumpulan-kumpulan yang kecil untuk digunakan oleh seseorang dahulu dan kemudiannya mereka yang lain ini akan mengambil bahagian untuk menggunakan wang kutu yang dikumpulkan di kalangan mereka.

■1610

Cara tersebut dapat menolong di kalangan mereka untuk memulakan perniagaan atau keperluan yang lain. Kutu ini juga dilihat popular di kalangan suri-suri rumah, keluarga dan kakitangan rendah kerajaan di ladang-ladang yang dilihat dapat membantu keperluan jangka pendek. Saya melihat dengan adanya akta ini apakah mainan kutu yang kecil yang melibatkan lapan atau sepuluh orang termasuk dalam pindaan akta yang dicadangkan ini kita faham bahawa golongan korporat tidak terlibat dengan kutu ini kerana mereka mempunyai kemudahan untuk mendapatkan pinjaman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dulu mainan kutu ini tidak melibatkan wang serta pelaburan yang besar, tetapi sekarang ini kutu sudah disalahgunakan. Dijadikan pula satu bentuk perniagaan dengan mengutip wang yang melibatkan ramai orang serta melibatkan jutaan ringgit. Syarikat yang *organize* kutu ini dikatakan akan mendapat komisen atas angin yang dikutip daripada pelabur-pelabur. Ada pulanya kes tertentu lesap dengan wang yang di kumpul dan akhirnya pelabur yang menderita.

Saya ingin menarik perhatian di atas kenyataan akhbar pada 15 Oktober oleh Ketua Pengarah SSM yang menyatakan wang kutu adalah salah dari segi undang-undang. Ini dinyatakan dengan jelas dan terang dan pindaan hari ini adalah untuk memperkukuhkan undang-undang dengan menaikkan denda dan juga hukuman seperti yang saya sebutkan tadi. Tidak kira di bandar atau di desa, kutu memang salah di sisi undang-undang.

Pindaan yang dibentangkan ini adalah untuk menaikkan denda dan hukuman penjara. Ini adalah hukuman yang boleh dikenakan ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan kutu haram. Apakah dengan hukuman sahaja kegiatan kutu ini dapat kita atasi? Saya rasa kita perlu melihat kepada kaedah yang lain juga sama ada boleh membantu masyarakat luar bandar untuk memahami bahawa mainan kutu ini adalah salah dari segi undang-undang.

Saya berpendapat kita kena membantu mereka dalam hal ini. Saya mohon juga kalau dapat dicari satu pendekatan untuk mengatasi masalah mereka yang telah terperangkap dalam mainan kutu secara kecil-kecilan di kampung. Ini kerana saya rasakan bahawa sifat membantu sesama mereka membawa manfaat tanpa dikenakan *service charge* atau faedah, dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan untuk memberi hukuman yang lebih berat kepada mereka yang terlibat dalam kutu yang begitu *diorganizekan* sekarang ini. Pada masa yang sama saya mohon juga pertimbangan akan mainan kutu secara kecil-kecilan di kampung-kampung yang telah dijalankan selama ini diberikan pertimbangan mereka yang terperangkap. Mereka yang sudah dapat duit itu okey, yang belum dapat duit ini kalau tidak dilihat secara positif untuk membantu mereka akan membebankan. Itu sahaja perbincangan ringkas saya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Subbayiah a/l Palaniappan.

4.13 ptg.

Datuk Subbayiah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Larangan Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat banyak kegiatan-kegiatan penganjuran wang haram sebagai satu taktik pelaburan yang sering mengaburi mata warga pelabur yang rata-ratanya terdiri daripada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Laman-laman web serta sosial juga digunakan sebagai jerat untuk bakal pelabur yang kurang kesedaran dalam aspek pelaburan yang sah.

Pada masa yang sama kita juga dapat memperlihatkan akan ramai di kalangan suri rumah juga terlibat dalam melaksanakan aktiviti kutu yang banyak membantu mereka dalam merangka pengurusan kewangan. Golongan pekerja, kumpulan kawan serta peniaga-peniaga kecil juga turut terlibat dalam permainan kutu yang telah berputik sejak turun temurun sehingga kini. Saya melihat pindaan ini adalah tepat pada masanya di mana kewujudan permainan kutu ini yang timbul seperti cendawan dengan kaedah yang lebih sofistikated dengan bantuan laman-laman web dan teknologi.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah pindaan ini dapat menjamin atau merangka satu pelan alternatif yang tidak mungkin akan mengganggu sistem permainan kutu yang tradisional ini di mana tiada sebarang keuntungan diraih atas permainan secara kelompok oleh golongan di atas. Pada masa yang sama, pindaan ini dapat menggariskan hukuman yang berat terhadap penganjur yang sering mengambil kesempatan dalam mengubah sistem permainan kutu tradisional kepada keuntungan yang berlipat ganda sambil mengaburi pelabur-pelabur yang kurang berpengetahuan. Saya juga ingin tahu berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah diambil tindakan terhadap penganjuran aktiviti sedemikian.

Apakah sistem yang diguna pakai dalam menangani gejala ini? Sedar kah kementerian bahawa aktiviti sedemikian boleh menjejaskan pelaburan asing untuk melabur di negara kita. Oleh sebab sekumpulan manusia yang tidak bertanggungjawab ini, maruah negara kita digadaikan demi keuntungan sekumpulan masyarakat.

Nyatakan berapa banyak syarikat di negara ini telah diheret ke mahkamah dan diuar-uarkan agar masyarakat kita sedar akan maksud terlindung oleh penganjur-penganjur skim cepat kaya ini.

Dalam hal sedemikian, apakah kementerian tidak mempunyai kesedaran dalam meluluskan sesebuah syarikat apabila permohonan dibuat untuk menjalankan perniagaan yang berbaur skim cepat kaya. Apakah kementerian mempunyai kepakaran dalam menguruskan permohonan sedemikian.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan ini, saya ingin memohon kementerian agar menerangkan mengapa statistik jumlah aduan tahun 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Apakah kementerian benar-benar berusaha dalam mencegah kegiatan sedemikian dan apakah usaha dan galakan kepada suri rumah yang mempraktikkan skim kutu secara tradisional ini dapat dikekalkan bagi membantu mereka merangka pengurusan kewangan bagi sesebuah keluarga. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Hajah Wan Hazani.

4.18 ptg.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang kepada saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Larangan Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011. Permainan kutu tidak sah di sisi undang-undang jika tidak didaftarkan, itu mengikut undang-undang. Alasan saya ialah ia menjadi satu perbuatan mengambil deposit secara tanpa kebenaran atau tanpa daftar. Bertentangan dengan BAFIA. Peruntukan denda kalau BAF tidak salah saya peruntukan itu tinggi mungkin meningkat ke RM1 juta kerana mengambil deposit secara haram. Jadi, Akta Kutu pun kecilan cara tradisi orang-orang kampung dan suri-suri rumah yang mengumpul duit lebih belanja, belanja dapur dan permainan sesetengah wanita kebanyakannya wanita kampung.

■1620

Kalau sudah banyak menjadi satu benda walaupun benda yang harus menjadi haram. Bererti kalau dendanya mengikut kutu ini kecil sahaja. Kalau kita hendak ikut cara BAF dia ada kaitan, perkara ini bersabit juga dengan percanggahan, penggubahan wang haram. Kalau banyak menjadi satu penggubahan wang haram bererti peruntukan undang-undang juga perlu diselaraskan walaupun kecil. Mula-mula kutu kecil-kecilan, selepas itu akan jadi besar.

Kalaulah peruntukan itu kalau mengikut dari segi undang-undang kemungkinan juga satu perlakuan jenayah akan menjadi satu jenayah daripada undang-undang berbentuk sivil kepada undang-undang jenayah. Ini kerana boleh wujudnya penipuan yang boleh terjadi juga peruntukan kanun seksaan di mana penipuan berlaku hukuman adalah penjara adalah berat, juga bukan di antara tiga hingga tujuh tahun sahaja. Bererti kita minta pihak kementerian tolong selaraskan, mula-mula yang main kutu itu kecil, memang kita tahu tradisi selepas itu mungkin dia seakan gubahan wang juga.

Ketiga, jaminan dari segi kontrak di mana kontrak menunjukkan kewujudan. Akan tetapi, satu kontrak yang tidak dapat bukti sebagai main kutu ini kerana menyalahi undang-undang itu undang-undang masa, mana yang ada seperti undang-undang kontrak kalau tidak silap saya dalam tahun 1950 undang-undang, itu kalau tidak salah sayalah. Sedalam-dalam mendaftarkan kumpulan untuk tujuan kutu mungkin satu kesalahan di bawah akta pertubuhan sahaja. Kalaulah kita masuk di bawah koperasi, jadikan ia satu kumpulan koperasi untuk rumah-rumah tangga, jadi tidak kata berat sangat hukuman dia dari segi undang-undang Islam pun bererti salah juga kalau kita tidak mengikut benda harus akan menjadi haram kalau ia melampaui batas. Kita harap pihak kementerian mengkaji balik ataupun diselaraskan dengan apa yang hendak diwujudkan dengan undang-undang ini.

Perlukah undang-undang ini memberikan kelonggaran. Kita harap rang undang-undang yang dibuat oleh kementerian dan pihak Yang Berhormat Menteri, bererti berikanlah kelonggaran kepada pihak kesalahan orang kampung yang main kutu simpanan secara kecil-kecilan.

Mereka terdiri daripada orang kampung, daripada wanita atau suri-suri rumah bererti dalam perenggan tidak melibatkan wang yang terlalu banyak yang boleh melibatkan denda yang berjuta. Bererti dalam penentuan yang mana pada jumlah tertentu tidak perlu kita daftar kerana secara tidak langsung pun ia menjadi galakan penabungan untuk suri-suri rumah atau orang-orang kampung atau orang-orang di pedalaman. Boleh simpan duit kita hendak jimatkan duit perbelanjaan untuk anak-anak setengahnya daripada dia simpan di bawah bantal, lebih baik kumpul dengan ramai orang jadi dia boleh satu tabungan yang banyak mereka dapat untuk perbelanjaan pada hari raya. Oleh sebab itulah, perlu dibuat dalam satu perenggan, ya.

Saya hendak bagi contoh paling mudahlah contohnya kalaulah semacam kalau mengikut hukum pun kalau makanan kita pun kalau kita makan petai ataupun bawang pemakanan contohnya yang paling mudah kalau melampau sangat kita makan akan menjadi haram juga ia berbau seluruh badan kita berbau. Begitu juga kewangan, jadi saya minta undang-undang itu dalam perenggan walaupun dia membetulkan dalam akta dan pindaan yang kecil tetapi akibatnya penat untuk orang kampung suri rumah tangga kalaulah yang terlibat dengan jumlah wang yang kecil. Jadi saya harap pihak kementerian buat kajian dan juga betulkan dalam akta perengganlah bagi peluang kepada wanita yang pandai simpan duit. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

4.25 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang begitu prihatin kerana telah mengenakan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 yang dikuatkuasakan ke seluruh Malaysia mulai 30 April 1971.

Aktiviti kutu begitu popular di kalangan semua kaum dan bangsa dan pelbagai nama seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Aktiviti kutu mungkin dijalankan secara kecil-kecilan tetapi juga ada yang menjadikan dalam bentuk perniagaan. Langkah kerajaan memperkenalkan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 adalah bertujuan untuk melarang pendaftaran atau pelesenan perniagaan yang menganjurkan wang kutu. Langkah ini amat wajar memandangkan ada pihak yang menyalahkan skim kutu dengan menubuhkan syarikat semata-mata untuk mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit hasil kutipan komisen daripada pelabur skim kutu ini.

Skim kutu tidak lagi sekadar skim kutu di pejabat atau jiran tetangga tetapi sampai ke peringkat penubuhan syarikat dan mengaut keuntungan lumayan. Tuan Yang di-Pertua, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 ini hanya menyentuh seksyen 3 yang menaikkan denda daripada tidak melebihi RM5,000 kepada RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tiga tahun kepada 10 tahun. Amaun denda yang dikenakan adalah masih rendah berbanding dengan jumlah kutipan yang syarikat menjalankan perniagaan kutu. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi, ada kes yang melibatkan RM33 juta daripada 100,000 orang pelabur terdiri daripada profesional, penjawat awam dan ahli-ahli perniagaan. Malah pelajar IPT juga terlibat sama.

Begitu juga sepanjang tahun 2009, walaupun hanya enam kes menyalahgunakan skim kutu disiasat tetapi kes kutu ini telah meningkat bagi tahun 2011 iaitu sebanyak 31 kes telah disiasat. Seperti yang dikatakan tadi, Syarikat *Grand Merger Network* yang telah mengaku salah mengutip RM22.4 juta daripada peserta skim. Sebuah lagi syarikat mengutip RM26 juta. Oleh itu, amaun denda maksimum yang dicadangkan sebanyak RM500,000 adalah masih rendah dan sewajarnya dinaikkan tinggi lagi kepada maksimum RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti akta ibu, saya dapati pindaan akta ini tidak konklusif.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, kewajaran tidak meminda seksyen 5(7) berhubung dengan pelesenan sesuatu perniagaan yang menganjurkan wang kutu di larang di Sabah dan seksyen 6(7) berhubung dengan pelesenan sesuatu perniagaan yang menganjurkan wang kutu di larang di Sarawak yang mana kedua-duanya menyentuh tentang denda tidak melebihi RM5,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah rang undang-undang ini hanya meminda Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 hanya terhad di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

■1630

Ini kerana rang undang-undang ini tidak meminda seksyen 5(7) dan seksyen 6(7). Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang meminda Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28) juga tidak memasukkan peruntukan untuk menyita dan membekukan wang ringgit dan harta yang diperolehi daripada aktiviti skim kutu ini. Saya ingin mencadangkan agar harta syarikat pengarah, pengurus, pegawai dan agen skim kutu ini disita dan dibekukan, seterusnya wang yang dikutip dipulangkan kepada pelabur.

Akhir sekali, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan berhubung sejauh manakah keberkesanan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang dianggotai oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia SSM, Bahagian Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi menangani kes jenayah kolar putih ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

16.31 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971. Menjadi fitrah manusia untuk mempercayai orang yang dipercayai khususnya apabila melibatkan kewangan. Jadi, di dalam kes ini apabila kita mengatakan ada Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu dan di mana apabila ditafsirkan kutu tersebut, ia akan mentafsirkan bahawa dari segi sejarahnya, kutu ini adalah penerimaan deposit yang dibuat di kampung-kampung. Ada juga penerimaan daripada deposit yang dibuat di kalangan orang-orang yang terlibat di dalam kes-kes judi.

Jadi, saya hendak tanya pada pihak kerajaan dalam cara kita melarang rakyat daripada bergabung untuk menabung wang di peringkat kampung dan juga di peringkat orang yang berjudi, tidak bolehkah kita mencadangkan satu lagi undang-undang ataupun perluasan kepada undang-undang ini bagi menjadikan aktiviti ini sah.

Dengan kita melarang keseluruhan, mungkin yang melibatkan wang judi dan wang haram ini patut kita haramkan. Akan tetapi bagi aktiviti-aktiviti di kampung yang melibatkan penerimaan deposit yang sedikit, sekiranya perkara ini diterima baik oleh SSM dari sudut mendaftarkan syarikat-syarikat ini, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menjadikan perniagaan ini satu realiti? Ini kerana kita lihat di kampung-kampung walaupun terdapat akta seperti ini, mereka masih meneruskan aktiviti ini kerana ini adalah cara mereka berkawan dan juga menabung duit sebagai bentuk *one-off* kalau mereka ditimpa kesempitan wang, itu yang pertama.

Kita juga kena melihat bahawa tidak semua tempat, kalau kita larang untuk mereka melakukan kutu, kita kata semua orang kampung ataupun orang yang terlibat sebagai peniaga kecil, mereka ini boleh menyimpan duit di bank. Akan tetapi tidak semua tempat yang ada bank, banyak tempat yang tidak ada bank dan ini menyusahkan kepada pihak mereka dalam konteks bank, orang yang mahu menyimpan kena pergi ke bank. Dalam konteks kutu biasanya, orang yang menerima wang kutu ini, mereka sebagai agen itu akan pergi mencari.

Jadi, ini memudahkan dan di dalam konteks ini, kalau kita melarang kutu ini, boleh tidak kita memastikan di sana ada suatu sistem mini-mini bank ini dipastikan di seluruh kawasan Parlimen ataupun di seluruh Malaysia ini mesti mempunyai cawangan-cawangan yang berbentuk mini bagi memastikan rakyat yang tidak boleh menabung di dalam bentuk kutu ini boleh menyimpan duit mereka dalam bentuk perbankan sama ada perbankan Islam ataupun konvensional.

Kita juga melihat di dalam konteks ini, bagaimana wang kutu ini sekiranya melibatkan jutaan ringgit boleh mengganggu aliran wang tunai negara. Jadi, bila mana kes yang melibatkan kutu ini kebanyakan laporan yang diterima ialah kutu ini sekarang ini telah masuk ke alam baru atau alam *cyber*. Saya ingatkan pindaan pada hari ini adalah untuk meminda tafsiran kepada aktiviti kutu tetapi kita lihat pindaan yang dicadangkan hari ini hanyalah melibatkan pindaan kepada denda yang dikenakan kepada orang yang terlibat di dalam permainan kutu.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, di dalam konteks hari ini apabila kita mendapati di sana ada 30,000 orang yang terlibat dengan kutu menggunakan wang pos sehingga jumlah mencapai RM30 juta. Di manakah akta atau apakah pindaan yang dibuat kepada mana-mana akta bagi memastikan segala transaksi mereka secara *online* ini dipastikan dapat dikawal dari sudut undang-undang? Jadi, kalau hari ini tidak diberikan tafsiran tambahan kepada aktiviti kutu, nampaknya kita punya pindaan bukanlah signifikan kepada pemantauan ataupun pengawalan wang kutu tetapi tambahan denda kepada orang yang telah pun dikatakan bersalah.

So, di dalam konteks ini saya memohon pihak kerajaan untuk memberikan perincian kepada aktiviti kutu, sama ada secara *online* ataupun secara biasa supaya aktiviti ini dapat kita kekang, kerana kita percaya apabila disebutkan tentang kutu ini banyak orang mengaitkan kutu ini dengan pengubahan wang haram.

Jadi, apabila pengubahan wang haram ini mungkin melibatkan amaun yang lebih tinggi dan mungkin melibatkan pihak-pihak yang lebih ganas sebagai contohnya mungkin pihak kongsi gelap ataupun pihak mafia yang mungkin terlibat di dalam aktiviti ini.

Saya juga hendak bertanya dengan pihak kerajaan iaitu sekiranya kutu ini jika di peringkat kampung ada kutu yang disebut wang, ada juga kutu untuk membeli barang. Jadi di dalam kes ini, di dalam akta itu menyebut sekiranya mana-mana syarikat didapati menganjurkan kutu, syarikat tersebut akan ditamatkan perkhidmatannya. Bagaimana pula di dalam konteks ini, sekiranya bukan syarikat yang menganjurkannya tetapi ejen perseorangan yang membuat menggunakan mana-mana barangan, mana-mana syarikat, adakah mereka juga terlibat di dalam kes ataupun penggantungan atau pemberhentian syarikat tersebut?

Saya juga ingin bertanya berapakah jumlah wanita-wanita yang didapati terlibat khususnya suri rumah tangga, yang terlibat di dalam aktiviti yang melibatkan kutu dan setakat ini sejauh manakah pengenalan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu ini memberikan pulangan kepada kerajaan berbanding dengan kita mengambil cara untuk memberikan bank-bank tambahan ataupun mini bank ini kepada pihak rakyat. Ini kerana kita percaya macam mana kita larang sekalipun rakyat tetap akan menabung bersama-sama dengan kawan-kawan mereka untuk memastikan mereka akan mendapat pulangan ataupun *one-off* ini dengan cara yang cepat.

Jadi, di dalam konteks ini, adakah wajar kita hanya mengambil pendekatan melarang tetapi tidak mengambil pendekatan memudahkan dengan cara kita memantau keseluruhannya. Jika kita melihat di sana, kerajaan membenarkan pemberi pinjam wang secara berlesen, adakah boleh kita membuat kutu secara berlesen supaya perkara ini dapat kita pantau dan kita juga dapat memastikan bahawa di sana ada peniaga-peniaga kecil dan orang-orang kampung yang boleh meneruskan aktiviti kutu ini, cuma yang dihalang adalah yang melibatkan kepada deposit wang haram ataupun melibatkan pengubahan wang haram, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

16.37 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang pindaan kutu yang dicadangkan ini bagi saya hanya penambahan denda seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Tadi, semasa rang undang-undang pertama mengenai kuarantin dan pemeriksaan Malaysia tadi, terdapat banyak masalah. Jadi, pengalaman saya di Dewan Negara ini selama tahun yang keempat, yang menjadi masalah kepada Ahli-ahli Dewan, apabila sesuatu rang undang-undang itu minta dibahaskan Ahli Dewan tidak dibekalkan dengan akta induk, di mana tanpa akta induk kita tidak memperoleh pemahaman yang jelas.

Oleh sebab itu saya mengesyorkan pada sidang yang akan datang akta induk ini disertakan dengan pindaan rang undang-undang yang berkenaan supaya memberi ruang dan peluang kepada Ahli-ahli Dewan terutamanya yang bukan daripada pengamal undang-undang seperti saya ini boleh memahami dengan jelas. Berkenaan dengan pindaan rang undang-undang ini apabila disebut kutu, kalau di Kedah dipanggil "*kut*", ia bukan sahaja di dalam bentuk wang sama ada di pejabat, suri rumah terutamanya tetapi di dalam bentuk barang-barang lain.

Saya pernah mendengar ada yang melakukan kutu untuk membeli tilam herba yang mana lenguh kaki, satu bulan satu tilam, jadi penganjurnya ini pergi berurusan dengan syarikat tilam yang berkenaan menjanjikan harga selama 12 bulan tidak akan naik harga dan memberikan harga yang standard. Jadi, semua pembeli perlu membayar katakanlah sebulan RM100, jadi setahun dia bayar, dia mendapat satu tilam mengikut giliran dan setiap sebulan dapat. Ada pinggan mangkuk, pakaian dan sebagainya dan berlaku juga penipuan di mana penganjur lari, orang kampung tidak repot. Jadi, adakah akta ini yang bagi saya kurang jelas terlibat dengan kes-kes yang seumpama ini, yang pernah juga berlaku penipuan.

■1640

Kalau terlibat dengan kes-kes yang seperti ini. Katalah kutu di kampung yang sebulan RM50 setahun dapat RM600 orang lari. Kemudian denda yang dikenakan kepadanya sehingga RM500,000. Dia tipu RM600 denda RM500,000 atau sepuluh tahun penjara atau kedua-duanya. Sedangkan seperti mana ada di antara Yang Berhormat sebut tadi ada syarikat-syarikat yang berselindung yang menamakan syarikat mereka seolah-olah mempunyai perniagaan besar yang sebenarnya mereka mengumpul deposit daripada pelabur-pelabur yang rata-ratanya orang kampung dan sebahagiannya orang profesional pun terkena sehingga RM30 juta. Kalaulah syarikat-syarikat begini RM30 juta dia tipu rakyat kita denda RM500,000 maknanya dia *balance* lagi RM29.5 juta. Berbanding dengan kutu-kutu yang berlaku di kampung.

Oleh itu, saya berharap sangat satu penjelasan yang menyeluruh, yang mana akta induk dan pindaan ini hendaklah diberitahu dengan jelas tentang tindakan-tindakan yang akan diambil kepada penganjur-penganjur ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan dan biarlah denda ini lebih berbentuk kepada nilai penipuan yang dilakukan seperti mana dalam bentuk rasuah misalnya bergantung kepada sepuluh kali ganda rasuah yang terlibat. Contohnya kutu ini kalau dia tipu RM600 kita boleh denda tiga empat kali ganda. Kalau yang RM30 juta tadi empat kali ganda sudah jadi RM1.2 bilion contohnya Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu, selain daripada pindaan ini kerajaan haruslah juga memikirkan supaya mewujudkan satu akta yang boleh kita memberi lesen seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi, supaya amalan ini terutama orang-orang di kampung yang menjadikan kutu ini sebagai satu bank mereka sendiri untuk sama ada mengumpul wang atau mendapatkan harta benda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli Yang Berhormat turut berbahas? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Semuanya ada enam iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal, Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjelaskan sekali lagi iaitu konsep kutu dalam pindaan akta baru ini satu mukadimah tadi jelas saya mengatakan bahawa, pertamanya Akta (Larangan) Kumpulan Kutu ini dipinda adalah untuk melarang pendaftaran ataupun pelesenan sesuatu perniagaan yang dianjurkan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan daripada menganjurkan perniagaan pelaburan wang kutu ini melalui kutipan komisen atau *fees*.

Keduanya, pindaan akta pada hari ini adalah berkaitan dengan hukuman iaitu di mana dalam seksyen 3, akta ini jelas menyatakan dengan izin, "*it shall be unlawful for person or any person to carry on the business of promoting 'kootu' fund and any person who carries on such business shall be guilty of an offence.*" Jadi Tuan Yang di-Pertua, hukuman dahulunya dikatakan RM5,000 dan penjara tiga tahun kini ialah, iaitu menjadi RM500,000 dan penjaranya adalah sepuluh tahun. Ini bermakna bahawa fokus kita adalah kepada penganjur kutu yang melibatkan unsur perniagaan. Maka tidak timbulnya soal kutu yang disebutkan oleh ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di mana kutu di pejabat, di kampung-kampung kita faham di antara sanak-saudara, antara sahabat handai ataupun antara jiran tetangga, di tempat kerja kita di mana penganjur kutu menjalankan kutu pusingan biasa. Kalau pusingan biasa sesama mereka contohnya kalau ada sepuluh orang setiap orang mengeluarkan RM100 akhirnya kita mendapat RM1,000 seorang setiap kali kita akan memberi secara pusingan bergilir-gilir dan tiada sesiapa yang mengambil keuntungan daripada itu, maka tiada tindakan akan dikenakan oleh kerajaan terhadap penganjur kutu yang menjalankan kutu pusingan biasa ini. So, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat jelas tentang hal ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal, apakah tindakan kutu yang kecil dalam lingkungan lapan atau yang terlibat dalam pindaan ini yang telah saya nyatakan di sini, bahawa permainan secara tradisional yang tiada elemen perniagaan inilah tidak akan dijatuhkan di bawah akta ini.

Dan untuk Yang Berhormat Datuk Subbaiyah, apakah pindaan ini dapat merangka sistem alternatif menggunakan kegiatan kutu diamalkan oleh golongan suri rumah dan di luar bandar? Akta atau pindaan ini tidak memperuntukkan apa-apa sistem alternatif tetapi melarang kegiatan kutu yang bersifat perniagaan yang mengaut keuntungan yang berlipat ganda, yang akhirnya akan merugikan mereka yang menyertai skim tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah sekali lagi bertanya berapa banyak syarikat yang telah diambil tindakan. Seperti yang telah saya nyatakan tadi sebenarnya ada empat iaitu *Grand Merger Network and Services, Crystal Charisma Enterprise, World Heritage Resources dan Al Falah Global Resources*. Untuk menjawab Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor perundangan perlu diselaraskan di antara undang-undang kutu dan undang-undang lain atau undang-undang jenayah supaya kesalahan ini dihukum dengan setimpal.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator kesalahan di bawah akta kutu telah pun digazet sebagai *predicate offence* iaitu kesalahan predikat di bawah Akta Penggubahan Wang Haram iaitu *Anti Money Laundering Act*, dengan izin, yang mana aset perniagaan penganjur kutu ini boleh kita bekukan dan untuk menjawab iaitu Puan Hajah Zainun dalam seksyen 5 berhubung dengan perlesenan perniagaan sama ada termasuk di Sabah dan Sarawak. Adakah pindaan ini terpakai di Sabah dan Sarawak. Untuk Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun pindaan seksyen 3 ini terpakai ke atas semua perniagaan termasuk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tiada tafsiran perniagaan di bawah akta kutu ini. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, seksyen 2, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ditafsirkan perniagaan sebagai meliputi tiap-tiap bentuk *trade* (perdagangan) pertukangan, pekerjaan profesion atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud mendapatkan keuntungan.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga bertanyakan adakah boleh diperluaskan undang-undang larangan wang kutu ini bagi membenarkan kegiatan kutu bagi membolehkan skim kutu dijatuhkan bagi kes-kes yang mendapatkan tabungan wang. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 ini sebenarnya tidak melarang kegiatan kutu di kalangan suri rumah dan mana-mana golongan bagi tujuan menabung.

■1650

Lagi satu soalan yang dibangkitkan ialah adakah boleh dibenarkan kegiatan kutu dengan pemantauan. Apa yang dilarang adalah kegiatan kutu yang dijalankan secara perniagaan dan pengambilan komisen secara berlipat ganda oleh penganjur kutu. Maka, tidak perlu tidak dibenarkan kegiatan kutu bagi tabungan kerana kegiatan sebegini tidak jatuh di bawah larangan di bawah akta ini.

Akhir sekali untuk menjawab Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, akta induk dan pindaan diberi penjelasan mengenai tindakan-tindakan yang diambil bergantung kepada jumlah yang terlibat. Contohnya kalau katakan RM600 yang dikutip di kampung-kampung, dendanya perlulah – dendanya tidak tinggi dan haruslah bersesuaian.

Untuk makluman Yang Berhormat, akta ini tidak melarang kegiatan tabungan yang diadakan di luar bandar dan golongan suri rumah. Maka, tidak timbul isu melesenkan kegiatan tabungan sebegini. Sama ada tindakan itu harus setimpal, cadangan Yang Berhormat sudah pastinya kita akan pertimbangkan dan untuk penambahbaikan akta-akta ini pada masa-masa akan datang.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Hajah Zainon, pihak Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pindaan seksyen 3 iaitu RM5,000 ke RM500,000 dan juga perkataan "tiga" digantikan dengan perkataan "sepuluh" akan juga diterima pakai ke Sabah. Jadi soalan saya, kenapa kita tidak meminda perkara seksyen 5(7) serentak dengan pindaan yang kita buat hari ini? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya akta ini dipinda sebenarnya ia merangkumi bukan sahaja di Semenanjung tetapi di seluruh Sabah dan Sarawak. Dengan kata lain, *it is understood* ya.

Sekian sahaja yang dapat saya jawab dan saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun memberi cadangan-cadangan yang baik terutamanya untuk supaya kita pertimbangkan iaitu setimpalnya denda terhadap pesalah penganjur kutu ini adalah satu cadangan yang baik di mana kita dapat menambah baikkan akta pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKTAB KERJASAMA (PERBADANAN) (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.56 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) ditubuhkan pada tahun 1956 dan telah diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 (Akta 437). Tujuan utama MKM ditubuhkan adalah untuk mengembangkan dan menggalakkan pengajian dalam bidang koperasi. Di awal penubuhannya, MKM memberi tumpuan kepada melatih pegawai kerajaan, namun, apabila ianya diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun pada tahun 1968 melalui Akta 437, fungsi MKM diperluaskan untuk melatih anggota lembaga dan kakitangan koperasi.

Selaras dengan prinsip koperasi iaitu memberi keutamaan kepada latihan, maka setiap koperasi diwajibkan untuk mencarum sebanyak 2 peratus daripada keuntungan bersih setiap tahun kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang diuruskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dalam hal ini, hanya koperasi sekolah dikecualikan daripada caruman tersebut. Sebahagian besar kegunaan tabung ini adalah untuk membiayai program anjuran MKM bagi menyediakan modal insan dalam gerakan koperasi.

Gerakan koperasi di Malaysia telah wujud sejak tahun 1922. Sehingga kini, koperasi telah terlibat dalam pelbagai bidang dan sektor ekonomi serta dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sektor ekonomi yang diceburi oleh koperasi adalah seperti perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, pertanian dan perladangan dan lain-lain. Bidang ekonomi ini mampu melonjak pendapatan koperasi ke tahap yang lebih tinggi. Di samping itu, koperasi telah mengambil langkah meneroka bidang pertumbuhan baru dan tidak hanya bergiat dalam bidang-bidang tradisional sahaja.

Ini bagi memastikan koperasi berkembang bagi menjadi agen pertumbuhan ekonomi dan berupaya memberi sumbangan yang lebih besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Untuk tujuan itu, MKM telah diamanahkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan gerakan koperasi melalui latihan, pendidikan, khidmat nasihat dan penyelidikan. Selain itu, bagi memastikan bahawa koperasi ditadbir secara profesional, maka pelajar lepasan SPM turut diberi peluang mengikuti kursus peringkat diploma dan membuka peluang untuk mereka berkhidmat dengan koperasi.

■1700

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi bagi menjamin supaya koperasi diurus secara lebih profesional.

Dalam hubungan ini MKM wajar dilihat sebagai pemangkin kepada usaha melahirkan golongan pengurusan koperasi yang mahir dan berpengetahuan tinggi dalam selok-belok pentadbiran koperasi. Ini bagi membolehkan koperasi bersaing dalam pasaran dan meneroka bidang pertumbuhan baru yang mampu memberi pulangan dan keberhasilan yang tinggi.

Cadangan pindaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 (Akta 437) akan membolehkan MKM mencapai visi dan misinya dan melaksanakan pelbagai bentuk latihan dan pendidikan jangka pendek dan jangka panjang sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini termasuklah dalam bidang penyelidikan, konsultasi, jaringan kerjasama dan lain-lain fungsi yang dapat menambah ilmu pengetahuan anggota dan pemimpin koperasi. Justeru meningkatkan prestasi mereka dan seterusnya memajukan gerakan koperasi di negara ini.

Akta 437 telah mengalami pindaan kecil pada tahun 1999 yang hanya melibatkan penyelarasan berikutan perubahan pentadbiran sahaja. Namun masih terdapat kekurangan di dalam akta untuk membolehkan MKM menjalankan fungsi penubuhannya selaras dengan peredaran masa dan perubahan peranan gerakan koperasi dalam sektor ekonomi. Objektif pindaan Akta 437 ini adalah untuk memperkemas tadbir urus MKM, supaya MKM dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi ke arah yang lebih berdaya saing dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini. Pindaan Akta 437 ini melibatkan sepuluh fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 9 dan fasal 13 hingga fasal 15.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 437 untuk membuat peruntukan mengenai penubuhan Maktab Koperasi Malaysia sebagai satu pertubuhan perbadanan iaitu melibatkan pertukaran nama dari Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia (MKM) supaya ia lebih dikenali dan melambangkan peranannya untuk memajukan gerakan koperasi.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 437 untuk mengadakan peruntukan yang lebih komprehensif mengenai fungsi MKM seperti berikut:

- (a) menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan penganugerahan sijil atau diploma yang sesuai;
- (b) menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
- (c) membuat kaedah sebagaimana yang perlu bagi mengatur tanggungjawab dan mengawal pegawai dan kakitangan dan mengenakan apa-apa bayaran bagi mana-mana kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut;
- (d) menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;
- (e) menyediakan khidmat konsultasi;
- (f) menjalankan kursus, penyelidikan, konsultasi dan perkhidmatan berteraskan ilmu bersama-sama secara bergabung, secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau badan profesional atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (g) menasihati menteri mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pembangunan modal insan.

Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen baru ke dalam Akta 437 iaitu seksyen 4A hingga 4P.

Seksyen 4A bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Maktab Koperasi Malaysia seperti berikut:

- (a) menganugerahkan diploma dan sijil dan kepujian akademik lain kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan oleh MKM dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain yang ditentukan oleh lembaga atau yang telah ditetapkan;
- (b) mengadakan dan menganugerahkan biasiswa, dermasiswa, pingat, hadiah dan bentuk-bentuk kepujian lain, anugerah atau bantuan berkenaan dengan latihan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang ada di MKM;
- (c) memberi pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya mengikut apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh lembaga;
- (d) memasarkan atau mengkomersialkan perkhidmatan, hasil penyelidikan dan keluaran MKM;
- (e) menuntut dan menerima apa-apa fi yang ditentukan oleh lembaga atau apa yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- (f) melakukan apa-apa perbuatan atau perkara sama ada bersampingan dengan atau sebagai pematuhan kepada kuasa tersebut yang dibuat bagi meningkatkan pendidikan, latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan disiplin di MKM; dan
- (g) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 (*Act 125*) untuk menjalankan atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang dirancang atau dilaksanakan oleh MKM dengan persetujuan Kementerian Kewangan.

Seksyen 4B hingga 4K adalah peruntukan-peruntukan mengenai tadbir urus lembaga pengarah di mana seksyen 4B memperuntukkan penubuhan dan komposisi Lembaga Maktab Koperasi Malaysia yang ditubuhkan untuk menggantikan Majlis Kerjasama Malaysia sebagai badan pentadbiran maktab dengan jawatan pengerusi dilantik oleh Menteri.

Seksyen 4C bertujuan untuk memperuntukkan kriteria bagi kehilangan kelayakan untuk menjadi Anggota Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia.

Seksyen 4D bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai perjalanan sementara fungsi-fungsi pengerusi semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan.

Seksyen 4E adalah mengenai kekosongan jawatan.

Seksyen 4F memperkatakan pembatalan pelantikan anggota Lembaga Pengarah Koperasi Malaysia.

Seksyen 4G berhubung dengan mesyuarat lembaga dan penyimpanan minit.

Seksyen 4H bertujuan membuat peruntukan mengenai penzahiran kepentingan oleh anggota Lembaga Maktab Koperasi Malaysia.

Seksyen 4I bertujuan untuk membenarkan lembaga untuk mengundang orang lain menghadiri mesyuaratnya.

Seksyen 4J membuat peruntukan mengenai pembayaran elaun kepada Anggota Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia dan anggota mana-mana jawatankuasa.

Seksyen 4K memperuntukkan kesahan tindakan dan prosiding lembaga MKM sekiranya berlaku kekosongan dalam keanggotaan atau kecacatan dalam penubuhan lembaga atau berlaku sesuatu peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, seterusnya seksyen 4L memperuntukkan pelantikan Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia yang dahulunya diberi gelaran Pengarah.

Seksyen 4M memperuntukkan mengenai pelantikan pegawai dan kakitangan yang diperlukan bagi menjalankan tujuan MKM.

Manakala seksyen 4N pula bertujuan membolehkan MKM menubuhkan cawangan-cawangannya supaya aktiviti latihan dapat sampai kepada rakyat seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Seksyen 4O berhubung dengan kuasa Menteri untuk memberi arahan kepada lembaga dan seksyen 4P memperkatakan mengenai meterai perbadanan maktab.

Fasal seterusnya adalah fasal 6 yang bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 437 bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Jawatankuasa Pengajian yang akan membuat cadangan atau *syllabus* yang diperlukan bagi sebarang kursus, kaedah peperiksaan untuk pemberian diploma bagi sebarang kursus yang dijalankan dan lain-lain perkara berkaitan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Pengajian. Jawatankuasa Pengajian adalah terdiri daripada berikut:

- (a) Ketua Pengarah selaku pengerusi;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah;
- (c) wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia; dan
- (d) dua wakil institusi pengajian tinggi.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen 5A ke dalam Akta 437 bagi membenarkan lembaga menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

■1710

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A dan 7B ke dalam Akta 437.

Seksyen 7A bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Rizab, sementara seksyen 7B merupakan peruntukan mengenai penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Caruman. Penubuhan kumpulan wang ini adalah selaras dengan amalan badan-badan berkanun lain.

Pindaan juga dibuat ke atas fasal 9 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen 8A ke dalam Akta 437 untuk membolehkan lembaga bagi pihak maktab menerima apa-apa harta dan wang melalui pemberian hadiah, pemberian wasiat, bantuan, legasi atau sebaliknya untuk membantu kewangan maktab.

Fasal 13 pula bertujuan memasukkan seksyen 12A hingga 12G untuk melindungi lembaga dan kakitangan daripada tindakan undang-undang. Seksyen 12A di bawah fasal ini memperuntukkan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Akta 198) bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap maktab atau lembaga, anggotanya atau anggota jawatankuasa, pegawai, kakitangan atau agen maktab.

Seksyen 12B memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota lembaga atau mana-mana pegawai, kakitangan atau agen maktab hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan Akta 574 semasa menjalankan tugasnya di bawah Akta 437.

Seksyen 12C mengenakan obligasi kerahsiaan berkenaan dengan apa-apa maklumat berhubung dengan maktab ke atas anggota lembaga atau mana-mana pegawai, kakitangan dan agen maktab, mana-mana anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang di undang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat lembaga atau jawatankuasa.

Seksyen 12D bertujuan untuk memperuntukkan bahawa maktab boleh diwakili oleh mana-mana orang atau pegawai dalam prosiding sivil oleh atau terhadap maktab.

Seksyen 12E memperuntukkan perlindungan lembaga, anggota lembaga, maktab dan pegawai serta kakitangannya atau mana-mana orang yang bertindak secara sah bagi pihak maktab terhadap apa-apa tindakan atau guaman bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan secara suci hati.

Seksyen 12F memperuntukkan kuasa lembaga untuk membuat kaedah-kaedah dan garis panduan, manakala seksyen 12G memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda Akta 437 dengan menghapuskan jadual kepada seksyen 3 akta tersebut. Jadual tersebut adalah mengenai pelantikan, penamatan tempoh dan pelantikan semula sebagai Ahli Majlis MKM. Pelucutan hak sebagai ahli majlis, kekerapan mesyuarat majlis dan bilangan kuorum yang membolehkan mesyuarat majlis diadakan. Perkara-perkara tersebut telah pun dimasukkan dalam fasal 5 yang disebutkan tadi.

Fasal 15 bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan serta pertukaran nama Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam latihan dan pendidikan koperasi. Peruntukan yang telah digariskan akan memantapkan tadbir urus Maktab Kerjasama Koperasi Malaysia serta membolehkan maktab ini menjalankan tanggungjawab untuk membangunkan modal insan bagi gerakan koperasi. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat.

5.15 ptg.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk turut sama membahaskan rang undang-undang Maktab Kerjasama Perbadanan (Pindaan) 2010.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif meminda Akta Maktab Kerjasama Perbadanan atau Akta 437 ini yang telah berusia lebih 42 tahun iaitu semenjak 1 November 1968 lagi. Sepatutnya pindaan ini telah dilakukan lebih awal lagi. Begitu pun, saya mengalu-alukan perubahan atau pertukaran dari nama Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia sesuai dengan peranannya yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, Maktab Kerjasama Malaysia adalah merupakan satu-satunya institusi pendidikan koperasi di negara ini dan telah ditubuhkan semenjak tahun 1956 lagi serta diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun pada 1968. MKM telah diberi tanggungjawab sebagai sebuah institusi yang menyediakan latihan dan pendidikan koperasi untuk gerakan koperasi di negara ini. Semenjak itu, gerakan koperasi ini telah bermula semenjak tahun 1922 lagi. Perkembangan koperasi begitu pesat daripada 2,243 buah koperasi dengan keahlian sebanyak 267,685 orang dengan modal RM74,500,354 pada tahun 1958 berbanding dengan sehingga 31 Disember 2009, bilangan koperasi berjumlah 7,215 dengan keahlian seramai 6,783,775 dan jumlah modal syer sebanyak RM8.9 bilion dengan aset berjumlah RM65 bilion.

Peranan MKM ini begitu penting dalam perkembangan koperasi. Justeru pindaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) ini adalah penting dan sewajarnya dipinda lebih awal selari dengan perkembangan koperasi negara. Perubahan dan pertukaran nama Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia amatlah wajar selari dengan perkembangan koperasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Maktab Kerjasama (Pindaan) 2010 telah melakukan pindaan yang menyeluruh kepada akta ibu iaitu Akta 437 yang pada pendapat saya adalah untuk memartabatkan Maktab Koperasi Malaysia dari segi peranan, fungsi dan objektif penubuhannya selari dengan perkembangan koperasi global dan keperluan pendidikan koperasi yang lebih komprehensif.

Penggantian seksyen 4 iaitu fungsi maktab yang sebelum ini hanya empat mengikut akta ibu ditambah kepada tujuh iaitu seksyen 4(e), (f) dan (g) yang memasukkan peranan MKM termasuklah khidmat perunding, menganjurkan kursus secara usaha sama dengan institusi pengajian tinggi atau badan profesional di dalam dan di luar negara serta menasihatkan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan latihan dan pendidikan koperasi.

■1720

Langkah ini akan menaikkan lagi taraf dan pengiktirafan sijil, diploma dan ijazah yang dikeluarkan oleh MKM. Pindaan akta ini juga memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 4(a) hingga 4(p) antaranya menyentuh tentang kuasa maktab dan Lembaga Pengarah Maktab termasuklah fungsi Pengerusi, Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Seksyen 4(b), 2(a) menyatakan tempoh perkhidmatan Ahli Lembaga Pengarah kecuali Pengerusi Eksekutif Malaysia *Co-operative Societies Commission* dan Ketua Pengarah Maktab.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapa kedua-dua ini dikecualikan dan tempoh perkhidmatan dua tahun. Saya ingin mencadangkan agar jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dihadkan bagi tempoh tidak lebih lima tahun. Saya ingin juga mencadangkan agar enam orang yang dilantik bagi mewakili gerakan koperasi di negara ini hendaklah diwakili oleh pelbagai jenis koperasi seperti koperasi kredit, koperasi pengguna, koperasi sekolah, koperasi pertanian dan sebagainya. Saya juga ingin mencadangkan agar jumlah Lembaga Pengarah seramai 15 orang dikaji semula kepada jumlah yang lebih sesuai demi menjimatkan wang MKM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang seksyen baru iaitu seksyen 8(a) yang membolehkan Lembaga bagi pihak maktab menerima apa-apa harta dan wang melalui pemberian, hadiah, bantuan dan sebagainya untuk membantu kewangan maktab. Langkah ini adalah wajar memandangkan pada masa kini pentadbiran MKM dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang menerima caruman daripada koperasi-koperasi di negara ini.

Mulai tahun 1969, koperasi-koperasi telah diwajibkan membuat caruman sebanyak 2 peratus daripada keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah sumbangan dari koperasi-koperasi yang telah diterima bagi tempoh tahun 2009 dan tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan koperasi sekolah bagi menggalakkan penyertaan pelajar dan aktiviti koperasi khususnya untuk melahirkan generasi muda yang bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama di bidang ekonomi, sosial melalui badan yang dimiliki bersama dan yang terkawal secara demokrasi.

Berdasarkan statistik bagi tempoh hingga 31 Disember 2009, sepuluh koperasi sekolah mengikut perolehan tertinggi didominasi oleh lapan Maktab Rendah Sains MARA. Antaranya MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan yang mempunyai 477 orang ahli dengan modal syer RM11,600 sahaja, tetapi mempunyai aset terkumpul sebanyak RM247,326 dan perolehan sebanyak RM782,374 bagi tahun 2009. Begitu juga perolehan lain-lain MRSM seperti MRSM Langkawi RM694,573, MRSM Merbok, Kedah RM694,268, MRSM Kepala Batas RM610,747, MRSM Kota Putra, Terengganu RM603,091 dan lain-lain MRSM. Pencapaian ini sungguh membanggakan.

Budaya dan aktiviti koperasi begitu subur dipupuk di MRSM. Saya ingin mencadangkan agar kejayaan koperasi MRSM-MRSM ini dijadikan model untuk dicontohi untuk lain-lain koperasi sekolah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan untuk menyatakan jumlah koperasi sekolah, bilangan ahli dan modal syer yang dapat dikumpulkan.

Saya ingin juga mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah MKM menyediakan pendidikan dan kursus dalam bidang koperasi khususnya koperasi sekolah serta langkah-langkah koperasi bagi memaju dan membangunkan koperasi sekolah seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang merupakan koperasi apex atau koperasi puncak yang telah diasaskan oleh gerakan koperasi di negara ini melalui Kongres Koperasi Pertama pada tahun 1966 dan Kongres Koperasi Kedua pada tahun 1971 serta ditubuhkan dan didaftarkan dengan rasminya pada 12 Mei 1971.

Sebagai koperasi apex ianya memperjuangkan cita-cita serta hak kepentingan gerakan koperasi di negara ini. Objektif penubuhan ANGKASA antaranya adalah untuk menyatupadukan koperasi-koperasi di Malaysia. Melaksanakan program pendidikan koperasi dan mengadakan pelbagai kemudahan perkhidmatan untuk ahli-ahli koperasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan berikut:

- (i) perkhidmatan yang disediakan dan diuruskan oleh Bahagian 4P pendidikan, penerangan, penerbitan dan perkhidmatan khususnya kepada koperasi sekolah;
- (ii) jumlah potongan yang dikutip oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) iaitu sistem potongan gaji di jabatan-jabatan kerajaan bagi memudahkan kepada koperasi dan lain-lain untuk mendapatkan bayaran seperti yuran, saham, pinjaman dan sebagainya dengan lebih sistematik; dan
- (iii) sejauh manakah kejayaan Pelaburan Amanah Saham ANGKASA (ASA) yang telah dilancarkan secara rasminya pada 24 April 1998 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap agar pindaan rang undang-undang ini akan membolehkan Maktab Koperasi Malaysia meningkatkan perkhidmatan bagi memberikan pendidikan, latihan dan kursus kepada 164 koperasi besar, 387 koperasi sederhana dan 740 koperasi kecil serta 5,924 koperasi mikro. Saya ingin mendapatkan penjelasan MKM berhubung program-program sangkutan, program latihan dan program penyelidikan yang dijalankan secara kerjasama dengan badan-badan serta pertubuhan luar negara seperti Jepun dan sebagainya. Langkah MKM bagi memajukan koperasi konsumer di negara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada satu minit lagi. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin berbahas.

Dato' Tan Lian Hoe: Tuan Yang di-Pertua...

■1730

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang masa sudah 5.30 petang. Saya teruskan dengan satu usul. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Mempertingkatkan Pegangan Ekuiti Kaum India Bagi Menjamin Masa Depan Dalam Arus Pembangunan Negara.

5.31 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejarah membuktikan pentingnya perkongsian kekayaan dan kemakmuran negara di kalangan rakyat sesebuah negara. Kegagalan berbuat demikian bakal mengundang bahaya konflik yang disemarakkan oleh rasa tidak puas hati sepertimana berlaku di sesetengah negara. Asal penempatan kaum India di negara bertumpu kepada pembangunan sejak pra kemerdekaan lagi di mana mereka ini dikerah dalam pembangunan infrastruktur negara termasuk sektor perhubungan, perladangan, perlombongan, perkhidmatan awam dan sebagainya.

Selepas kemerdekaan, walaupun di gelar negara tetapi kedudukan ekonomi kaum India masih tidak membangun berbanding dengan kaum lain atas beberapa sebab. Kerajaan juga sedar akan kelemahan ini dan satu dasar baru oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah merangka untuk meningkatkan pegangan ekuiti kaum India kepada 3 peratus dari 1.1 peratus dan atas usaha kerajaan, ia telah dinaikkan kepada 1.5 peratus tetapi kini telah turun ke paras 1.23 peratus.

Walaupun usaha telah diambil bagi memperbaiki keadaan ini, tetapi komitmen kerajaan dilihat sebagai sandiwara kerana tiada mekanisme yang mantap dalam mempertingkatkan kedudukan ekuiti ini. Penyelidikan membuktikan kegagalan menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi ini akan menjurus kepada masalah sosial seperti gengsterisme, dadah dan jenayah lain. Ini jelas dilihat dari jumlah banduan yang berketurunan India kini mencecah 16.48 peratus berbanding jumlah keseluruhan banduan Cina dan Melayu di negara ini. Berdasarkan perangkaan yang ada sehingga 2009, jurang pendapatan antara kaum terutamanya bumiputera dengan kaum Cina masih lagi jauh sedangkan di antara kaum India dengan kaum Cina berjaya dikurangkan tetapi secara keseluruhannya, kedudukan ekuiti kaum India telah turun kepada paras yang amat berbahaya.

Ekuiti kaum India juga dikira secara kolektif dan bukannya sebagai ekuiti individu, di mana kek ekonomi yang sepatutnya dikongsi dan dibahagikan kepada masyarakat India kini dimiliki oleh segelintir masyarakat yang terdiri daripada golongan yang berada, yang mencerminkan representasi yang tidak tepat. Perangkaan pekerja yang menerima gaji kurang dari RM1,500 ke bawah adalah sebanyak 8.5 peratus berbanding 38.9 peratus oleh kaum Cina manakala pekerja asing di negara ini mencatat 29.3 peratus jauh lebih tinggi daripada kaum India di negara ini.

Untuk mengelakkan kaum India ketinggalan jauh daripada kaum-kaum lain di negara yang kita cintai ini, maka Kerajaan Persekutuan harus memberi perhatian yang serius terhadap peningkatan ekuiti kaum India. Apakah kini kerajaan akan berusaha mewujudkan satu Jabatan Pembangunan Hal Ehwal Kaum India di bawah naungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bagi menguruskan penyampaian bantuan serta kemudahan dalam aspek pembangunan ekonomi serta mewujudkan satu mekanisme yang holistik bagi memastikan kaum India tidak terpinggir dan hilang dalam arus pembangunan negara

Komitmen kerajaan dalam memelihara sejarah transformasi negara serta pengorbanan mereka dalam membantu dan mencapai tahap negara maju harus dihargai. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan kerana ucapan penangguhan mengenai mempertingkatkan pegangan ekuiti kaum India bagi menjamin masa depan dalam arus pembangunan negara. Memang tepat masanya ucapan ini dapat dibentangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan yang dilaksanakan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat dan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kumpulan etnik. Selaras dengan dasar pembangunan *inclusive*, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program yang memberi faedah secara langsung kepada masyarakat India bagi memastikan masyarakat India tidak ketinggalan dalam arus pembangunan sosioekonomi negara. Dari segi pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kaum India menunjukkan peningkatan daripada RM3,456 pada tahun 2004 kepada RM3,999 pada tahun 2009 dan jurang pendapatan di antara kaum India dan kaum Cina berjaya dikurangkan daripada 1:1.28 kepada 1:1.25 nisbahnya dalam tempoh yang sama.

Penyertaan guna tenaga masyarakat India pada tahun 2008 bagi doktor adalah sebanyak 19.2 peratus, doktor gigi 15.8 peratus, doktor veterinar 22.5 peratus dan peguam 23.1 peratus. Statistik terkini mengenai pemilikan ekuiti pada nilai par dalam syarikat berhad adalah berdasarkan data pada tahun 2008. Data pemilikan dan pecahan ekuiti dalam syarikat berhad mengikut komposisi etnik pada tahun 2008 adalah seperti berikut:

KAUM	RINGGIT MALAYSIA (JUTA)	PERATUS
bumiputera	127.407	21.9
Cina	92.1	34.9
India	9564.6	1.6
lain-lain	698.8	0.1
nomini	20,547.2	3.5
warga asing	220.530	37

■1740

Dari segi pemilikan ekuiti nilai pegangan modal saham untuk etnik India terus meningkat daripada 6,967.8 juta pada nilai par pada tahun 2006 kepada 9,564.6 juta pada tahun 2008. Iaitu peningkatan sebanyak 37.3 peratus dalam tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, dari segi agihan peratus pemilikan ekuiti etnik India sebanyak 1.6 peratus pada tahun 2008 adalah masih jauh daripada sasaran pencapaian pemilikan ekuiti sebanyak 3 peratus menjelang tahun 2020.

Oleh itu pelbagai program yang memberi faedah kepada masyarakat India untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan dalam ekuiti termasuklah pemilikan ekuiti dalam sektor korporat akan terus diberi penekanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah menyediakan peluang untuk masyarakat India meningkatkan pemilikan ekuiti melalui pelaksanaan program saham amanah seperti Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham 1Malaysia (AS1M). ASM telah dilancarkan pada April 2009 dengan sebanyak 499.5 juta unit saham amanah diperuntukkan kepada masyarakat India telah habis dilanggan pada Julai 2009. Ini pertama kali langganan seperti ini diberi oleh kerajaan.

Bagi Amanah Saham 1Malaysia pula sehingga Mei 2011 daripada keseluruhan 1,498 juta unit saham amanah yang dikhususkan kepada masyarakat India masih terdapat baki sebanyak 723.65 juta unit saham amanah yang boleh dilanggan.

Sehubungan itu masyarakat India diseru untuk menyertai skim unit saham amanah ini dalam membantu meningkatkan lagi pegangan ekuiti mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Amanah Saham Malaysia dividen yang telah dikeluarkan adalah 6.8 peratus dan bagi Amanah Saham 1Malaysia dividen yang telah dikeluarkannya adalah 6.35 peratus. Maka kita galakkan masyarakat supaya melibat diri dalam pembelian saham-saham ini.

Program keusahawanan dan bantuan kewangan turut dilaksanakan dalam menggalakkan masyarakat India dalam bidang keusahawanan melalui Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI). Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM35 juta sejak tahun 2008 bagi program ini untuk membantu dengan menyediakan kemudahan pembiayaan mikro kepada usahawan muda India yang ingin memulakan perniagaan. Sehingga Januari 2011 sebanyak 2,174 orang usahawan India dari seluruh negara telah menerima bantuan sebanyak RM16.889 juta bagi program ini.

Di samping itu terdapat juga program-program lain yang dijalankan termasuk program peningkatan pendapatan dan kualiti hidup isi rumah miskin dan berpendapatan rendah khususnya melalui program latihan dan kemahiran seperti program latihan kemahiran untuk belia India dengan kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Awam, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO), pinjaman perumahan melalui Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet dan sebagainya.

Selain daripada itu program peningkatan kapasiti, *capacity buildings*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua seperti program pembangunan kepimpinan dan sahsiah turut dilaksanakan oleh NGO India seperti Yayasan Strategik Sosial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan juga telah menyediakan peruntukan melalui bantuan modal bagi pembangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Peruntukan yang telah diluluskan bagi pembangunan SJKT(T) sejak tahun 2008 adalah sebanyak 169.9 juta dan sehingga kini sebanyak 122.3 juta telah dibelanjakan.

Kerajaan yakin melalui pelaksanaan pelbagai program ini, taraf hidup masyarakat India akan bertambah baik serta seiring dengan etnik lain secara keseluruhannya. Bantuan juga disediakan kepada golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin yang berdaftar dengan sistem e-Kasih oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Seyogianya diingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun mereka tidak terdaftar dalam senarai e-Kasih, agensi-agensi seperti lapan agensi yang terlibat dalam bantuan golongan miskin masih melanjutkan bantuan yang diberi kepada mereka.

Berdasarkan statistik e-Kasih sehingga 31 Mei 2011 hanya 593 ketua isi rumah miskin tegar masyarakat India daripada keseluruhan 13,686 KIR iaitu keluarga isi rumah miskin tegar berdaftar dan menerima bantuan. Kerajaan sedar bahawa dalam proses pendaftaran dan verifikasi masih ada beberapa ruang untuk diperbaiki. Proses ini sedang dijalankan. Bagi memastikan golongan pekerja terus terbela, kerajaan juga telah memutuskan untuk melaksanakan dasar gaji minima yang akan menjadi faktor penolak kepada perubahan dalam struktur gaji di negara ini.

Selaras dengan ini Majlis Perundingan Gaji Negara telah ditubuhkan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (RUUMPGN) telah dibentangkan pada sesi Parlimen kali ini dan telah diluluskan di Dewan Rakyat. Majlis Perundingan Gaji Negara tersebut akan berperanan sebagai platform utama untuk menyelaras dan menetapkan kadar gaji minima bagi golongan pekerja mengikut setiap sektor dan kawasannya. Selain itu, Majlis tersebut juga akan memperincikan mekanisme pelaksanaan gaji minima serta memastikan ketetapan kadar tersebut dipatuhi mengikut peruntukan perundangan.

Pelaksanaan dasar gaji minima ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan sosioekonomi masyarakat India di luar bandar khususnya dalam usaha mengecilkan jurang perbezaan antara kaum di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Sime Darby telah meningkatkan RM200 daripada gaji minima supaya gajinya akan mencecah RM1,000 dengan perumahan dan juga bantuan beras dan juga minyak masak diberi untuk menarik lebih ramai untuk berkecimpung dalam bidang perladangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua. Ataupun minta penjelasan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak dibenarkan. Sila duduk.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Sorry* ya, dia tidak dibenarkan mencelah dalam ucapan penangguhan. Minta maaf Ahli Yang Berhormat ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2008 kerajaan juga telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Khas untuk masyarakat India yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengenal pasti isu dan permasalahan berkaitan pembangunan sosioekonomi masyarakat India selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Di samping itu kerajaan juga menubuhkan satu pasukan petugas khas pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet bagi mengenal pasti dan memantau penyertaan masyarakat India di dalam program dan projek-projek pembangunan yang berfungsi sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet tersebut dan memastikan perancangan serta pelaksanaan program projek berjalan dengan lancar.

Oleh yang demikian buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Hal Ehwal Kaum India di bawah naungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana langkah-langkah yang telah diambil adalah memadai untuk memantau isu-isu pembangunan masyarakat India termasuklah dalam aspek ekonomi dan pemilikan ekuiti. Ahli Yang Berhormat saya akui bahawa ada masalah dalam pelaksanaan dan *delivery*. Maka itulah yang menjadi fokus kepada Jawatankuasa Petugas Khas Pelaksanaan, Jawatankuasa Kabinet tersebut.

Di antara program utama yang dijalankan di bawah Jawatankuasa Kabinet ini adalah kempen 'My Daftar' yang dilancarkan pada 19 Februari 2011 yang bertujuan untuk mendaftar dan mendokumentasikan maklumat berkenaan masyarakat India tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Seperti sijil kelahiran, kad pengenalan, urusan kewarganegaraan dan sebagainya.

Kempen ini mendapat kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan dibantu oleh NGO serta pasukan sukarelawan. Sehingga kini seramai 14,882 masyarakat India telah berdaftar dengan JPN. D daripada jumlah tersebut 9,568 orang telah menyerahkan borang manakala 5,314 lagi masih belum menyerahkan borang mereka untuk diproses.

Kerajaan juga melalui Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India melaksanakan program *My Skills* baru-baru ini. Ia merupakan usaha untuk membimbing dan menempatkan remaja dan belia India untuk mengikuti program latihan kemahiran untuk membantu mereka yang tercicir dalam pelajaran untuk mendapatkan pendidikan dan latihan kemahiran yang sewajarnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa golongan belia yang terlibat dalam pelbagai masalah jenayah adalah begitu tinggi.

Sasaran program ini pada tahun 2011 adalah untuk menempatkan pelatih 6,000 remaja dan belia India di institusi-institusi latihan kemahiran kerajaan. Selain daripada usaha yang dijalankan oleh kerajaan pencapaian sasaran peningkatan ekonomi kaum India juga bergantung kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh mereka sendiri. Penyertaan efektif masyarakat India dalam ekonomi akan dapat dipertingkatkan sekiranya mereka mampu merebut peluang yang sedia ada. Berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta berupaya mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

Kerajaan bersedia dan akan tetap menyediakan ekosistem untuk kewujudan dan juga peluang sebegitu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Usul Penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 5 Julai 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51 petang.

